

**KESAN PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN DAN
HALANGAN KEUSAHAWANAN TERHADAP NIAT
KEUSAHAWANAN DI KALANGAN PELAJAR-
PELAJAR PENDIDIKAN TINGGI**

ISKANDARINI

**DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2011**

**KESAN PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN DAN
HALANGAN KEUSAHAWANAN TERHADAP NIAT
KEUSAHAWANAN DI KALANGAN PELAJAR-
PELAJAR PENDIDIKAN TINGGI**

ISKANDARINI

**Tesis dikemukakan kepada Kolej Perniagaan, Universiti Utara
Malaysia sebagai memenuhi syarat pengijazahan Doktor
Falsafah**



Kolej Perniagaan
(College of Business)
Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

ISKANDARINI SUTADI

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree of)

DOKTOR FALSAFAH (Ph.D)

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

**KESAN PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN DAN HALANGAN KEUSAHAWANAN
TERHADAP NIAT KEUSAHAWANAN DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR
PENDIDIKAN TINGGI**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada : **27 Oktober 2010**

That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on:
27 October 2010

Pengerusi Viva
(Chairman for Viva)

: **Prof. Dr. Rushami Zien Yusoff**

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar
(External Examiner)

: **Prof. Dr. Mohamed Dahlan Ibrahim**

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Dalam
(Internal Examiner)

: **Assoc. Prof. Dr. Mohamad Basir Saud**

Tandatangan
(Signature)

Tarikh: **27 Oktober 2010**
(Date)

Pelajar
(Name of Student)

: Iskandarini Sutadi

Tajuk Tesis
(Title of the Thesis)


: Kesan Pendidikan Keusahawanan dan Halangan
Keusahawanan Terhadap Niat Keusahawanan di Kalangan
Pelajar-Pelajar Pendidikan Tinggi

Program Pengajian
(Programme of Study)

: Doktor Falsafah (Ph.D)

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia
(Name of Supervisor/Supervisors)

: Prof. Dr. Rosli Mahmood



Tandatangan
(Signature)

PENGAKUAN

“ Saya akui bahawa karya ini merupakan hasil kerja saya
kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya
telah saya jelaskan sumber-sumbernya

Iskandarini

(Matrik : 90722)

KEBENARAN MENGGUNA

Dalam membentangkan tesis ini bagi memenuhi syarat sepenuhnya untuk ijazah Doktor Falsafah (PhD) Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju bahawa perpustakaan Universiti boleh secara bebas membenarkan kepada sesiapa saja untuk memeriksa tesis ini. Saya juga bersetuju bahawa penyelia saya atau jika ketiadaan beliau, Dekan Othman Yeop Abdullah Graduate Business School, diberikan kebenaran untuk membuat salinan tesis ini dalam sebarang bentuk, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, bagi tujuan kesarjanaan. Dimaklumkan juga bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau kegunaan tesis ini sama ada secara sepenuhnya atau sebahagiannya bagi tujuan keuntungan kewangan tidak dibenarkan kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis. Selain itu dimaklumkan bahawa pengiktirafan harus diberikan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia atas kegunaan kesarjanaan terhadap sebarang petikan daripada tesis saya ini.

Sebarang permohonan untuk menyalin atau mengguna mana-mana bahan dalam tesis ini, sama ada secara sepenuhnya atau sebahagiannya hendaklah dialamatkan kepada:

Dekan
Othman Yeop Abdullah Graduate Business School
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungan di antara pendidikan keusahawanan dengan niat keusahawanan. Kajian ini juga adalah untuk menentukan kesan pengantara halangan keusahawanan ke atas hubungan di antara pendidikan keusahawanan dengan niat keusahawanan. Untuk menjawab objektif kajian, sejumlah 22 hipotesis telah dikemukakan. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah mengikut kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik dalam pemungutan data. Populasi kajian adalah pelajar-pelajar daripada lapan fakulti di Universiti Sumatera Utara yang telah mengikuti dan menamatkan kursus keusahawanan. Sejumlah 300 soal selidik yang boleh guna diperolehi daripada kajian ini. Soal selidik sebelum ini telah melalui ujian kesahan dan kebolehpercayaan. Data yang dipungut telah dianalisis dengan menggunakan Statistik Model Persamaan Berstruktur (SEM). Kaedah statistik ini dipilih kerana ianya sesuai dengan kajian yang melibatkan hubung kait sekali gus di antara pemboleh ubah indikator dengan pemboleh ubah latent. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa wujud hubungan songsang di antara pendidikan keusahawanan dengan niat keusahawanan. Ini bermakna semakin tinggi nilai pendidikan keusahawanan di kalangan pelajar, maka niat keusahawanan mereka semakin rendah. Faktor dominan di kalangan indikator pendidikan keusahawanan ialah pensyarah yang menyediakan bahan keusahawanan kepada pelajar manakala faktor dominan bagi halangan keusahawanan adalah keyakinan yang susah. Hasil analisis juga menunjukkan bahawa halangan keusahawanan tidak memberikan kesan pengantaraan terhadap hubungan di antara pendidikan keusahawanan dengan niat keusahawanan. Kajian ini telah menghasilkan satu kerangka teori yang memperlihatkan sumbangan faktor-faktor pendidikan keusahawanan terhadap niat keusahawanan pelajar di peringkat institusi pendidikan tinggi. Kajian ini dirumus dengan perbincangan mengenai implikasi teoretikal dan polisi, limitasi kajian dan cadangan untuk penyelidikan pada masa hadapan.

Kata kunci: pendidikan keusahawanan, niat keusahawanan, halangan keusahawanan, pelajar-pelajar universiti

ABSTRACT

This study investigated the relationship of entrepreneurship education and entrepreneurial intention. This study also aimed to determine the mediating effect of entrepreneurial barriers on the relationship between entrepreneurship education and entrepreneurial intention. To answer the research objectives, a total of 22 hypotheses were formulated. The research design employed the questionnaire survey method in collecting the data. The population was students from eight faculties from the Universitas Sumatera Utara who took and completed the entrepreneurship subject. A total of 300 usable questionnaires were obtained from the survey. The questionnaire items were earlier tested for validity and reliability. The data collected were then analysed by using Structural Equation Model (SEM). This statistical method was employed since it correlates variable indicators and latent indicators simultaneously. The finding shows the existence of inverse relationship between entrepreneurship education and entrepreneurial intention. This indicates that the higher the entrepreneurship education among the students the lower their entrepreneurial intention is. The dominant factor in the entrepreneurship education indicator is the facilitator who delivers entrepreneurship education subject while the dominant factor for the entrepreneurial barriers is the strong confidence. The finding also shows that entrepreneurial barriers did not provide any mediation effect on the relationship between entrepreneurship education and entrepreneurial intention. This study contributes to a theoretical framework which shows the effect of entrepreneurship education factors on the entrepreneurial intention of students in the higher education institutions. This study concluded with a discussion on theoretical and policy implications, the study limitation and suggestions for future research.

Keywords: entrepreneurship education, entrepreneurial intention, entrepreneurial barriers, university students

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang

Assalammualaikum Warahmatullah,

Alhamdulillah, puji syukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan izin, rahmat serta limpah kurnia-Nya kajian ini dapat disiapkan. Semoga tesis ini menjadi berkat bagi saya dari Allah SWT juga dapat bermanfaat bagi masyarakat, universiti, pensyarah dan pelajar, Amin.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih buat Profesor Rosli Mahmood selaku penyelia, yang dengan sabar telah memberikan motivasi, ilmu, pandangan dan tunjuk ajar yang sangat berharga. Banyak yang saya dapat belajar dari beliau, dan tanpa kesabaran beliau mungkin tidak mampu saya selesaikan tesis ini. Semoga Allah memberkati ilmu beliau dan membalas semua kebaikan yang telah diberikan kepada saya, amin.

Penghargaan ini ditujukan khas buat Bapa dan Ibu tercinta, yang telah tiada dan ketika hidupnya begitu berharap dan berkorban untuk kejayaan pendidikan anak-anaknya. Buat kakak-kakak diucapkan terima kasih tidak terhingga di atas bantuan, dorongan dan semangat yang diberikan.

Seterusnya ucapan terima kasih ditujukan kepada Naib Canselor Universiti Utara Malaysia dan Timbalan yang telah memberikan kesempatan bagi saya untuk mengikuti program Ph.D. di College of Business, Universiti Utara Malaysia.

Terima kasih kepada Rektor Universiti Sumatera Utara (USU) dan Timbalan yang telah memberi sokongan kepada saya. Terima kasih juga kepada Dekan Fakultas Pertanian dan Timbalan serta Pengurusi Departemen Agribisnis dan Timbalan yang telah memberikan sokongan dan pemberian izin tugas belajar kepada saya. Tidak lupa terima kasih kepada sahabat-sahabat saya di Pusat Jasa Ketenagakerjaan, pelajar-pelajar Indonesia di Universiti Utara Malaysia, teman-teman di Departemen Agribisnis Fakulti Pertanian Universiti Sumatera Utara juga pelajar-pelajar yang sangat saya sayangi, daripada kesempatan ini namanya tidak dapat sebutkan satu persatu. Namun demikian, semua bentuk sokongan yang berharga tetap saya kenang.

Akhir kata penghargaan paling bererti ditujukan kepada suami dan kedua-dua anak-anak yang luar biasa, yang telah banyak berkorban selama masa tempoh pengajian saya, mengerti akan kepayahan dan tetap memberikan waktu kepada saya untuk menyelesaikan disertasi ini. Semoga kalian anak-anakku akan lebih berjaya daripada mama.

Kepada semua pihak yang tidak disebutkan nama, juga terima kasih diucapkan atas segala bentuk sokongan yang telah diberikan. Semoga Allah akan membalasnya, amin.

KANDUNGAN

Ms

PENGAKUAN	i
KEBENARAN MENGGUNA	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI JADUAL	xv

BAB I PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan	1
1.2. Sejarah Pendidikan Keusahawanan di Universiti	1
1.2.1. Latar Belakang	1
1.2.2. Pro dan Kontra Pendidikan Keusahawanan di Universiti	3
1.2.3. Pentingnya Pendidikan Keusahawanan	6
1.2.4. Proses Belajar – Mengajar Pendidikan Keusahawanan	8
1.2.5. Model Pendidikan Keusahawanan	10
1.3. Pengembangan Keusahawanan di Indonesia	11
1.3.1. Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar di Indonesia	13
1.3.2. Kegagalan Pendidikan Tinggi dalam Membentuk Sikap Keusahawanan	14
1.3.3. Halangan Keusahawanan di Indonesia	17
1.3.4. Niat Keusahawanan di Indonesia	18
1.4. Pernyataan Masalah	19
1.5. Persoalan Kajian	22
1.6. Objektif Kajian	23
1.7. Signifikan Kajian	24
1.8. Batasan Kajian	25
1.8.1. Batasan Objek	25
1.8.2. Subjek Kajian	26

1.8.3. Skop Kajian	26
1.9. Definisi Istilah	26
1.9.1. Pendidikan Keusahawanan	27
1.9.2. Halangan Keusahawanan	29
1.9.3. Niat Keusahawanan	31
1.9.4. Pelajar	32
1.9.5. Pendidikan Tinggi	32
1.10. Penyusunan Tesis	32
1.11 Rumusan	34

BAB II KEUSAHAWANAN DI INDONESIA

2.1. Pengenalan	36
2.2. Wujudnya Konsep Keusahawanan di Indonesia	36
2.3. Perkembangan Keusahawanan di Indonesia	37
2.4. Keusahawanan Peringkat Pendidikan Tinggi di Indonesia	40
2.5. Rumusan	45

BAB III SOROTAN LITERATUR

3.1. Pengenalan	47
3.2. Perspektif Sejarah Keusahawanan	47
3.3. Proses Keusahawanan	50
3.4. Pendidikan Keusahawanan	54
3.5. Model Pendidikan Keusahawanan	57
3.6. Halangan Keusahawanan	64
3.7. Niat Keusahawanan	67
3.8. Hubungan Pendidikan Keusahawanan dengan Niat Keusahawanan.....	78
3.9. Hubungan Pendidikan Keusahawanan dengan Halangan Keusahawanan.....	81
3.10. Hubungan Halangan Keusahawanan dengan Niat Keusahawanan	84
3.11. Rumusan	87

BAB IV KERANGKA KONSEPTUAL DAN HIPOTESIS KAJIAN

4.1. Pengenalan	90
4.2. Teori Penyokong	90
4.3. Konstruk Dalam Kajian.....	96
4.3.1. Konstruk Pendidikan Keusahawanan.....	96
4.3.2. Konstruk Halangan Keusahawanan.....	98
4.3.3. Konstruk Niat Keusahawanan	99
4.4. Kerangka Konseptual Kajian	100
4.5. Hipotesis Kajian	103
4.4. Rumusan	106

BAB V METODOLOGI KAJIAN

5.1. Pengenalan	108
5.2. Reka bentuk Kajian.....	108
5.3. Populasi dan Sampel.....	109
5.4. Pemboleh ubah Kajian	112
5.5. Instrumen Kajian.....	113
5.5.1. Pendidikan Keusahawanan.....	113
5.5.2. Halangan Keusahawanan.....	114
5.5.3. Niat Keusahawanan.....	114
5.5.4. Tafsiran Markah Jenis Soalan.....	115
5.6. Kaedah Pengumpulan Data.....	116
5.6.1. Kaedah Data Primer	116
5.5.2. Kaedah Data Sekunder.....	116
5.7. Kaedah Pengolahan dan Analisis Data	117
5.7.1. Uji Kualiti Data.....	117
5.7.2. Model Analisis Data.....	119
5.7.2.1 Pengembangan Model Hipotesis	120
5.7.2.2 Pengembangan Carta Laluan (<i>Path Diagram</i>).....	120
5.7.2.3 Penukaran Carta Laluan ke Dalam Persamaan Struktural	121
5.7.2.4 Pemilihan Matriks Keluaran dan Teknik Ramalan ke Atas Model yang Dibentuk	126

5.7.2.5	Menilai Masalah Mengenal Pasti	127
5.7.2.6	Penilaian Kesepadanan Model	127
5.7.3	Pengujian Hipotesis	131
5.8.	Kesahan Soal Selidik	132
5.8.1.	Ujian Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen.....	133
5.9.	Rumusan	142

BAB VI DAPATAN KAJIAN

6.1.	Pengenalan	144
6.2.	Demografi Responden.....	144
6.2.1.	Taburan Responden Mengikut Jantina.....	145
6.2.2.	Taburan Responden Mengikut Fakulti Asal.....	145
6.2.3.	Taburan Responden Mengikut Umur	147
6.2.4.	Taburan Responden Mengikut Kaum	148
6.2.5.	Taburan Responden Mengikut Agama	149
6.2.6.	Taburan Responden Mengikut Kesesuaian Minat	149
6.3.	Deskripsi Pemboleh ubah.....	150
6.3.1.	Deskripsi Aspek Pendidikan Keusahawanan.....	150
6.3.2.	Deskripsi Aspek Halangan Keusahawanan.....	160
6.3.3.	Deskripsi Niat Keusahawanan	165
6.4.	Hasil Pengukuran Setiap Faktor (Konstruk)	168
6.4.1.	Faktor Pendidikan Keusahawanan	168
6.4.2.	Faktor Halangan Keusahawanan	172
6.4.3.	Faktor Niat Keusahawanan	177
6.5.	Hasil Pengukuran Hubungan Setiap Faktor (Ujian Hipótesis)	180
6.5.1	Pengaruh Pendidikan Keusahawanan terhadap Niat Keusahawanan	181
6.5.2	Pengaruh Pendidikan Keusahawanan terhadap Halangan Keusahawanan	186
6.5.3	Pengaruh Halangan Keusahawanan terhadap Niat Keusahawanan	192
6.6.	Kesan Halangan dalam Hubungan di Antara Pendidikan dan Niat	198
6.7.	Rumusan	204

BAB VII PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

7.1. Pengenalan	205
7.2. Pengaruh Pendidikan Keusahawanan terhadap Niat Keusahawanan ...	206
7.2.1. Pengaruh Kemahiran Perniagaan Sebagai Penunjuk Pendidikan Keusahawanan Terhadap Niat Keusahawanan	208
7.2.2. Pengaruh Pendekatan Yang Digunakan Sebagai Penunjuk Pendidikan Keusahawanan Terhadap Niat Keusahawanan	209
7.2.3. Pengaruh Pensyarah Sebagai Penunjuk Pendidikan Keusahawanan Terhadap Niat Keusahawanan	210
7.2.4. Pengaruh Rancangan Perniagaan Sebagai Penunjuk Pendidikan Keusahawanan Terhadap Niat Keusahawanan	212
7.2.5. Pengaruh Gambaran Kontekstual Sebagai Penunjuk Pendidikan Keusahawanan Terhadap Niat Keusahawanan	213
7.3. Pengaruh Pendidikan Keusahawanan Terhadap Halangan Keusahawanan	214
7.3.1. Pengaruh Kemahiran Perniagaan Sebagai Penunjuk Pendidikan Keusahawanan Terhadap Halangan Keusahawanan	217
7.3.2. Pengaruh Pendekatan Yang Digunakan Sebagai Penunjuk Pendidikan Keusahawanan Terhadap Halangan Keusahawanan..	219
7.3.3. Pengaruh Pensyarah Sebagai Penunjuk Pendidikan Keusahawanan Terhadap Halangan Keusahawanan	220
7.3.4. Pengaruh Rancangan Perniagaan Sebagai Penunjuk Pendidikan Keusahawanan Terhadap Halangan Keusahawanan	222
7.3.5. Pengaruh Gambaran Kontekstual Sebagai Penunjuk Pendidikan Keusahawanan Terhadap Halangan Keusahawanan	224
7.4. Pengaruh Halangan Keusahawanan Terhadap Niat Keusahawanan	225
7.4.1. Pengaruh Tidak Ada Modal Sebagai Penunjuk Halangan Keusahawanan Terhadap Niat Keusahawanan	227
7.4.2. Pengaruh Tidak Ada Kemahiran Sebagai Penunjuk Halangan Keusahawanan Terhadap Niat Keusahawanan	228
7.4.3. Pengaruh Kenyataan Usaha Yang Susah Sebagai Penunjuk Halangan Keusahawanan Terhadap Niat Keusahawanan	229

7.4.4. Pengaruh Tidak Percaya Diri Sebagai Penunjuk Halangan Keusahawanan Terhadap Niat Keusahawanan	230
7.4.5. Pengaruh Biaya Diri Sendiri Sebagai Penunjuk Halangan Keusahawanan Terhadap Niat Keusahawanan	232
7.5. Pengaruh Tidak Langsung Pendidikan Keusahawanan Terhadap Niat Keusahawanan Melalui Halangan Keusahawanan	233
7.6. Implikasi	235
7.6.1. Teoretikal	235
7.6.2. Praktikal	249
7.6.3. Limitasi dan Cadangan Kajian Lanjutan	252

BAB VIII KESIMPULAN

8.1. Pengenalan.....	254
8.2. Pendidikan Keusahawanan Berpengaruh Negatif terhadap Niat Keusahawanan	258
8.3. Pendidikan Keusahawanan Berpengaruh Positif terhadap Halangan Keusahawanan	259
8.4. Halangan Keusahawanan Berpengaruh Negatif terhadap Niat Keusahawanan	260
8.5. Halangan Keusahawanan Berpengaruh Negatif terhadap Hubungan di Antara Pendidikan Keusahawanan dan Niat Keusahawanan	260

RUJUKAN.....	264
---------------------	------------

LAMPIRAN	278
-----------------------	------------

SENARAI RAJAH

NO	TAJUK	MS
2.1.	Model Program Mahasiswa Keusahawanan	45
3.1.	Model Proses Keusahawanan	51
3.2.	Proses Pembentukan Niat Keusahawanan	72
4.1.	Model niat Keusahawanan	91
4.2.	Model Umum Pokok Alat Evaluasi	93
4.3.	Pemboleh ubah Latent Aspek Pendidikan Keusahawanan	97
4.4.	Pemboleh ubah Latent Halangan Keusahawanan	99
4.5.	Pemboleh ubah Latent Niat Keusahawanan	100
4.6.	Kerangka Konseptual Kajian	102
5.1.	Carta Laluan Model Persamaan Berstruktur	121
5.2.	Carta Konstruk Aspek Pendidikan Keusahawanan	122
5.3.	Carta Konstruk Halangan Keusahawanan	124
5.4.	Carta Konstruk Niat Keusahawanan	125
6.1.	Hasil Ujian Model Pendidikan Keusahawanan	168
6.2.	Model Modifikasi Hasil Ujian Model Pendidikan Keusahawanan	170
6.3.	Hasil Ujian Model Halangan Keusahawanan	173
6.4.	Model Modifikasi Hasil Ujian Model Halangan Keusahawanan	175
6.5.	Hasil Ujian Model Niat Keusahawanan	178
6.6.	Model Pengaruh Pendidikan Terhadap Niat	181
6.7.	Model Modifikasi Pengaruh Pendidikan Terhadap Niat	183
6.8.	Model Pengaruh Pendidikan Terhadap Halangan	187
6.9.	Model Modifikasi Pengaruh Pendidikan Terhadap Halangan	189
6.10.	Model Pengaruh Halangan Terhadap Niat	193
6.11.	Model Modifikasi Pengaruh Halangan Terhadap Niat	195

6.12. Model Kesan Halangan ke atas Hubungan Di Antara Pendidikan Dan Niat	199
6.13. Model Modifikasi Kesan Halangan ke atas Hubungan Di Antara Pendidikan Dan Niat	201
7.1. Model Pendidikan Keusahawanan di Pendidikan Tinggi.....	249

SENARAI JADUAL

NO. TAJUK	MS
2.1. Perkembangan Keusahawanan di Indonesia	40
3.1. Model Pendidikan Keusahawanan	59
5.1. Daftar Jadual Kreijie	110
5.2. Kesesuaian Markah Pada Jawapan Soal Selidik	115
5.3. Ukuran Kesepadanan Model	129
5.4. Hasil Uji Kesahihan Instrumen Soal Selidik	133
5.5. Hasil Uji Kebolehpercayaan	138
5.6. Hasil Uji Kesahihan Pembolehubah Penunjuk	140
5.7. Hasil Uji Kebolehpercayaan Pembolehubah Laten	141
6.1. Taburan Responden Mengikut Jantina	145
6.2. Taburan Responden Mengikut Fakulti Asal	146
6.3. Taburan Responden Mengikut Umur	147
6.4. Taburan Responden Mengikut Kaum	148
6.5. Taburan Responden Mengikut Agama	149
6.6. Taburan Responden Mengikut Kesesuaian Minat	150
6.7. Kategori Peringkat Persepsi Responden Tentang Bahan Keusahawanan terhadap Aspek Pendidikan Keusahawanan	152
6.8. Kategori Peringkat Persepsi Responden Tentang Motivasi terhadap Aspek Pendidikan Keusahawanan	153
6.9. Kategori Peringkat Persepsi Responden Tentang Kemahiran Keusahawanan terhadap Aspek Pendidikan Keusahawanan	154
6.10. Kategori Peringkat Persepsi Responden Tentang Kemahiran Perniagaan Terhadap Aspek Pendidikan Keusahawanan	155
6.11. Kategori Peringkat Persepsi Responden Tentang Pendekatan yang digunakan Terhadap Aspek Pendidikan Keusahawanan	156
6.12. Kategori Peringkat Persepsi Responden Tentang Fasilitator/Pensyarah Terhadap Aspek Pendidikan Keusahawanan	157
6.13. Kategori Peringkat Persepsi Responden Tentang Rancangan Perniagaan Terhadap Aspek Pendidikan Keusahawanan	158

6.14. Kategori Peringkat Persepsi Responden Tentang Gambaran Kontekstual Terhadap Aspek Pendidikan Keusahawanan	159
6.15. Kategori Peringkat Persepsi Responden Tentang Tidak Ada Modal Terhadap Aspek Halangan Keusahawanan.....	161
6.16. Kategori Peringkat Persepsi Responden Tentang Tidak Ada Kemahiran Terhadap Aspek Halangan Keusahawanan	162
6.17. Kategori Peringkat Persepsi Responden Tentang Kenyataan yang Susah Terhadap Aspek Halangan Keusahawanan	163
6.18. Kategori Peringkat Persepsi Responden Tentang Tidak Percaya Diri Terhadap Aspek Halangan Keusahawanan.....	164
6.19. Kategori Peringkat Persepsi Responden Tentang Biaya Diri Sendiri Terhadap Aspek Halangan Keusahawanan.....	165
6.20. Kategori Peringkat Persepsi Responden Tentang Persepsi Selera Terhadap Aspek Niat Keusahawanan.....	166
6.21. Kategori Peringkat Persepsi Responden Tentang Persepsi Kelayaan Terhadap Aspek Niat Keusahawanan	167
6.22. Hasil Ujian Model Pendidikan Keusahawanan	169
6.23. Pengubahsuaian Hasil Model Ujian Model Pendidikan Keusahawanan	171
6.24. Pengukuran Pendidikan Keusahawanan	172
6.25. Hasil Ujian Model Halangan Keusahawanan	174
6.26. Pengubahsuaian Hasil Model Ujian Model Halangan	176
6.27. Pengukuran Halangan Keusahawanan	177
6.28. Hasil Ujian Model Niat Keusahawanan	179
6.29. Pengukuran Niat Keusahawanan	180
6.30. Hipotesis Hasil Model Pengaruh Pendidikan terhadap Niat	182
6.31. Pengubahsuaian Hasil Model Pengaruh Pendidikan terhadap Niat	184
6.32. Pengujian Hipotesis Hasil Model Pengaruh Pendidikan terhadap Halangan ..	188
6.33. Pengubahsuaian Hasil Model Pengaruh Pendidikan terhadap Halangan	190
6.34. Pengujian Hipotesis Hasil Model Pengaruh Halangan terhadap Niat	194
6.35. Pengubahsuaian Hasil Model Pengaruh Halangan terhadap Niat	196
6.36. Ujian Hipotesis Hasil Model Kesan Halangan ke atas Hubungan di Antara Pendidikan Dan Niat	200
6.37. Pengubahsuaian Hasil Model Modifikasi Kesan Halangan ke atas Hubungan di Antara Pendidikan dan Niat	202

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Bab ini akan menerangkan tentang latar belakang masalah kajian serta isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan kajian. Ini diikuti pula dengan perbincangan pernyataan masalah kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, definisi operasional, konsep dan pemboleh ubah kajian serta organisasi penulisan tesis.

1.2. Sejarah Pendidikan Keusahawanan di Universiti

1.2.1 Latar Belakang

Pendidikan keusahawanan telah lama diperkenalkan. Ia julung kali diperkenalkan melalui subjek keusahawanan oleh Myles Mace di Harvard University (Katz, 2003). Sehingga kini, terdapat beberapa jenis latihan keusahawanan yang dilaksanakan di peringkat Universiti dan kolej di Amerika Syarikat. Kenyataan ini dapat dibuktikan dengan wujudnya 200 subjek yang telah diajar di lebih kurang 1,600 institusi-institusi tersebut. Ini meliputi 277 institusi menyediakan tempat untuk aktiviti keusahawanan, 44 berkaitan penyelidikan akademik tentang keusahawanan dan lebih daripada 100 pengasas dan pemberi modal bagi tujuan pembangunan pusat keusahawanan (Kuratko, 2005). Melalui gambaran tentang latihan keusahawanan ini, dapat dirumuskan bahawa bidang keusahawanan ini sudah berdiri teguh, walaupun secara khusus tidak begitu menyentuh beberapa aspek seperti epistemologi, teori, pedagogi

dan latihan praktikal yang begitu minimum. Jika dilihat dalam catatan sebelum ini tidak ada konsensus untuk mendefinisikan keusahawanan. Ini menimbulkan persoalan sama ada bidang keusahawanan dianggap sebagai suatu bidang kursus sahaja? Di samping itu, beberapa pihak khususnya mereka daripada bidang pendidikan tradisional masih mempunyai persoalan sama ada keusahawanan dapat diajarkan ataupun tidak (Fayolle, 2007).

Keusahawanan merupakan fenomena ekonomi dan sosial yang terus menerus menjadi objek kajian di dalam bidang akademik dan kursus untuk pengajaran. Hal ini sangat jelas dilihat apabila semakin banyak universiti di seluruh dunia yang mengadakan program dan kursus keusahawanan (Fayolle, 2007). Tumpuan yang diberikan dalam pengembangan keusahawanan bukanlah sesuatu yang baharu. Ini dapat diperhatikan apabila Stevenson dan Gumpert dalam tahun 1980-an menulis dalam artikel mereka mengenai "jantung daripada keusahawanan" dengan pemerhatian selanjutnya bahawa dengan tiba-tiba bidang keusahawanan sudah menjadi popular. Melalui keusahawanan, perniagaan suatu bangsa yang besar dan kecil akan dapat menjadi lebih inovatif. Justeru, sesuatu perniagaan ini dapat meningkatkan produktiviti dan bersaing dengan lebih efektif dalam dunia globalisasi (Stevenson & Gumpert, 1985). Dua artikel oleh Katz (2003) dan Kuratko (2005), yang dianggap sebagai laporan utama dalam bidang keusahawanan, telah menggariskan penemuan karakteristik mengenai pengembangan keusahawanan yang jelas memperbincangkan mengenai sokongan dan tentangan berkaitan pendidikan keusahawanan.

1.2.2 Pro dan Kontra Pendidikan Keusahawanan di Universiti

Menurut Fayolee dan Klandt (2006), dalam pendidikan keusahawanan masa kini, keusahawanan dapat dilihat daripada tiga sudut berbeza, iaitu masalah budaya atau keadaan fikiran, masalah perilaku, dan sebagai masalah untuk menciptakan situasi yang lebih spesifik. Pendidikan keusahawanan daripada sudut masalah budaya atau pola fikir meliputi aspek-aspek yang tertumpu pada nilai, keyakinan dan sikap berhubungan dengan keusahawanan. Pendidikan keusahawanan daripada sudut perilaku memberi penekanan lebih kepada keahlian spesifik yang berkaitan dengan perilaku keusahawanan, seperti mengukur peluang, membuat keputusan dan keahlian sosial. Manakala pendidikan keusahawanan yang melibatkan situasi spesifik lebih tertumpu kepada usaha penciptaan baharu dan situasi keusahawanan. Tumpuan pendidikan keusahawanan pada masa lalu ialah lebih kepada dimensi yang melibatkan usaha, seperti menulis rancangan perniagaan. Ada juga pendapat yang menyatakan pendidikan keusahawanan pada peringkat awal berada pada dua dimensi, seperti belajar untuk keusahawanan, atau lebih kepada belajar tentang keusahawanan (Gibb, 2002; Honig, 2004).

Terdapat perbezaan pendapat tentang seseorang itu dapat diberikan pendidikan untuk menjadi usahawan atau sebaliknya. Caravan dan O'Cinneide (1994), telah menyatakan bahawa wujud persefahaman bersama bahawa keusahawanan dapat di ajarkan. Sementara itu, Jonsson dan Jonsson (2002), menyatakan bahawa keyakinan yang dapat mendidik seseorang untuk menjadi usahawan adalah salah. Ini kerana keusahawanan bukan sebuah isu kognitif tetapi sesuatu yang lain.

Namun, terdapat beberapa individu yang masih beranggapan bahawa tidak mungkin ilmu keusahawanan itu boleh diajar. Pada pendapat mereka, keusahawanan ialah masalah personaliti, dan karakteristik psikologi. Salah satu alasan yang telah dinyatakan ialah bakat dan watak tidak dapat diajarkan (Thompson, 2004). Hal ini benar bagi semua situasi pekerjaan profesional dan tidak profesional. Tidak ada yang akan membantah kenyataan bahawa ilmu kedoktoran, undang-undang atau teknikal dapat diajarkan. Namun terdapat juga doktor, pengacara dan ahli teknikal yang mempunyai bakat tersendiri, sedangkan ada juga yang tidak mempunyai bakat (Hindle, 2007).

Hal yang sama juga dapat diperhatikan pada penerapan keusahawanan dan usahawan. Tidak diragukan lagi bahawa terdapat kemungkinan untuk mendidik manusia dalam bidang keusahawanan. Meskipun dalam setiap aspek disiplin atau bidang pengajian, adalah tidak mungkin untuk menjamin kejayaannya hanya dengan pelajaran itu sahaja. Dalam keusahawanan terdapat pendekatan yang diajarkan dalam menghadapi kepayahan dan cara mengatasi kepayahan tersebut. Pendekatan ini mudah diajarkan kepada usahawan. Sementara pendekatan untuk memimpin usahawan supaya dapat mengembangkan bakat, sikap dan personaliti merupakan pendekatan yang lebih sukar (Fayolle, 1997). Analisis ini ditegaskan dalam pernyataan Peter Drucker's yang dicatatkan oleh Kuratko (2005), bahawa akan menjadi lebih jelas sekiranya keusahawanan, atau aspek tertentu dari ini, dapat diajarkan kepada usahawan. Tenaga pengajar dalam bidang keusahawanan dan profesional telah melalui proses perkembangan dengan pernyataan bahawa usahawan itu secara khususnya hanya dilahirkan dan bukan dibentuk.

Meskipun pernyataan ini tegas menyatakan bahawa usahawan adalah dilahirkan dan bukan dibentuk, namun terdapat banyak kajian tentang pentingnya pendidikan keusahawanan dan latihan-latihan sebagai sumber untuk mengembangkan niat awal menjadi usahawan, tingkat ketahanan dan pertumbuhan keusahawanan (Katz, 2007). Kepentingan ini dapat dilihat dengan jelas berdasarkan tekanan kuat kewangan yang dihadapi para usahawan dan peniaga kecil dalam mengembangkan perniagaan mereka. Peningkatan perhatian terhadap keusahawanan akan dapat mengatur usaha bukan sahaja untuk merealisasikan, mengembangkan atau memulakan tetapi juga merangsangkan usahawan baharu. Namun usaha harus ditingkatkan bagi membantu keusahawanan ini sendiri membuat kepemilikan usaha (seperti juga pekerja) supaya mereka dapat bersaing secara sihat sebagai usahawan.

Terdapat beberapa alasan dan sebab seseorang pelajar mempunyai keinginan kuat untuk mempelajari ilmu keusahawanan (Jack & Anderson, 1999). Antaranya mereka ingin memulakan perniagaan milik mereka sendiri. Pada masa yang sama mereka juga tertarik untuk menambah dan mengembangkan pengetahuan umum tentang keusahawanan berdasarkan keinginan intelektual mereka. Sebarang keputusan tentang sebab mengajarkan ilmu keusahawanan atau tentang keusahawanan adalah sangat berkaitan dengan persoalan sama ada melalui pendidikan ini akan dapat memperbaiki kemampuan pelajar bagi menampilkan kegiatan keusahawanan sebagai aktiviti praktikal. Namun di satu pihak yang lain menganggap bahawa mempelajari keusahawanan hanyalah sebagai mata pelajaran akademik sahaja (Gibb, 2002; Laukkanen, 1998).

Tujuan utama pendidikan keusahawanan adalah untuk meningkatkan pengetahuan umum pelajar tentang ilmu keusahawanan. Oleh itu, topik mengenai sejarah teori keusahawanan seharusnya menjadi lebih dominan. Para pelajar diajar mengenai teori keusahawanan klasik. Secara khususnya mata pelajaran ini terdiri daripada tiga elemen. Elemen pertama ialah berdasarkan pendapat Schumpeter (1934), Kirzner (1973), dan beberapa orang perintis lain yang memberikan tumpuan kepada penghancuran yang kreatif dan keusahawanan sebagai karya cipta daripada inovasi sosial. Elemen seterusnya lebih tertumpu kepada psikologi dan sosiologi sebagai sifat pendekatan personal. Pelajar juga didedahkan kepada Weber (2001), dengan semangat kapitalisme, dan kepada teori-teori Mc-Clelland's (1961) iaitu tentang keusahawanan sebagai individu dengan keperluan yang kuat untuk pencapaian serta kawalan keyakinan secara dalaman yang tinggi. Elemen terakhirnya mendedahkan pelajar kepada teori-teori keusahawanan yang lebih kontemporari. Contohnya teori yang memberi tumpuan kepada hubungan di antara usahawan dan situasi yang dapat menciptakan peluang. Begitu juga dalam mendedahkan bagaimana usahawan dapat mengenal pasti atau mencipta peluang (Eckhardt & Shane, 2003; Shane & Venkataraman, 2000).

1.2.3. Pentingnya Pendidikan Keusahawanan

Beberapa pendidikan awam dan swasta telah mula melatih dan mendidik manusia untuk lebih berjiwa usahawan. Ini supaya jumlah usahawan menjadi berlipat ganda di kedua bahagian dari Atlantik (Fayolle, 2000; Klandt, 2004). Program pendidikan keusahawanan itu sendiri telah mengakibatkan peningkatan terhadap minat dalam kalangan para pelajar tentang kerjaya dalam bidang keusahawanan (Brenner, Pringle

& Greenhaus, 1991; Fleming, 1994; Hart & Harrison, 1992; Kolvereid, 1996). Selain itu minat terhadap keusahawanan disebabkan oleh peningkatan kesedaran pihak pemerintah tentang pentingnya keusahawanan sebagai sumbangan kepada perkembangan ekonomi (Hytti & Kuopusjärvi, 2004).

Gibb (2002; 2004a; 2004b), mencadangkan pendidikan keusahawanan sebagai pilihan sebuah paradigma “moden”. Pendidikan keusahawanan lebih berhubungan dengan budaya, keadaan fikiran dan tingkah laku. Titik permulaan daripada pendapat Gibb ini adalah untuk memperhatikan bahawa wujudnya niat pada keusahawanan dan pendidikan keusahawanan yang berkaitan dengan perubahan persepsi, wujud daripada fenomena globalisasi, disertakan dengan meningkatnya tingkat kompleks lingkungan dan ketidakpastian. Kerajaan, institusi (seperti universiti dan sekolah), organisasi, perusahaan, serta individu-individu dapat merubah persepsi dunia dalam menghadapi kedua-dua hal iaitu kerumitan dan ketidakpastian daripada dunia baharu. Kini berlakunya perkembangan dan perubahan sehingga setiap daripada kita harus hidup untuk terus berhubungan dengan ketidakpastian serta kerumitan dalam kehidupan (Gibb, 2004a). Gibb menyarankan bahawa sangat perlu untuk bertukar daripada pendidikan keusahawanan tradisional yang menumpukan kepada pengurusan perusahaan baharu, rancangan perniagaan, pertumbuhan dan inovasi kepada konsep yang lebih luas. Konsep baharu ini lebih berdasarkan kepada sebuah pengertian daripada cara hidup dan cara belajar tentang keusahawanan.

Berdasarkan pernyataan tersebut dapat disimpulkan bahawa keusahawanan dan perilaku keusahawanan dapat dipelajari, atau juga harus diajarkan. Meskipun demikian pendidikan keusahawanan dimestikan melalui padanan daripada hubungan

antara aktiviti dan teori serta di antara belajar dan mempelajari. Ini adalah permulaannya kerana masih terdapat banyak lagi sifat dasar daripada fenomena keusahawanan. Ini membuatkan ilmu keusahawanan menjadi sukar khususnya untuk mengajar dan belajar. Berdasarkan kenyataan ini, kita beranggapan bahawa sektor awam, termasuk sistem pendidikan dan universiti-universiti, harus merefleksikan bagaimana keusahawanan dapat memberi sumbangan untuk merangsangkan pola pemikiran keusahawanan di dalam kalangan pelajar-pelajar. Ini seterusnya diikuti dengan penambahan jumlah tenaga pengajar keusahawanan di institusi pengajian tinggi awam dan swasta (Jack & Anderson, 1999; Katz, 2003).

1.2.4. Proses Belajar – Mengajar Pendidikan Keusahawanan

Perkataan "Belajar" dan "Mengajar" telah digunakan sebelumnya untuk menggambarkan peranan pelajar dan pensyarah. Namun wujud beberapa teori pengetahuan baru yang muncul untuk memperjelaskan bahawa hal ini tidak sedemikian. Istilah "Belajar" sangat berkaitan dengan pendekatan apabila pelajar diharapkan untuk menjadi aktif dan pensyarah masih mempunyai kedudukan yang sama dalam proses pendidikan. Secara teori hal ini juga berkaitan dengan konstruktif, eksperimen, eksistensi dan teori yang berorientasikan sosial. Secara praktis dan proses metodologinya pula, hal ini berkaitan dengan ungkapan seperti "mengambil tanggungjawab untuk seseorang belajar sendiri" dan "belajar untuk mempelajari atau mengetahui". Pendekatan ini juga menawarkan pandangan yang lebih holistik daripada aspek pendidikan. Ini bermakna tumpuannya tidak hanya memasuki pada pengembangan kognitif sahaja, tetapi afektif dan bertujuan konotatif yang juga digunakan sebagai perhatiannya. Manakala perkataan "mengajar" masih lagi

berkaitan dengan apa yang pensyarah lakukan kepada pelajar-pelajar atau lebih jelasnya dinyatakan bahawa pelajar-pelajar secara relatif dipandang sebagai penerima daripada pengetahuan dan keahlian dalam pendekatan ini. Oleh itu, berkaitan dengan teori pedagogi dan strategi penumpuannya telah menemui cara terbaik untuk pensyarah memaparkan ilmu sehingga pelajar lebih mudah menerima. Justeru, jika ianya relevan dan berhubungan, pelajar akan mempraktikkannya. Secara umum boleh dikatakan pendekatan ini dapat dinyatakan sebagai arahan yang pada mulanya terdiri daripada kognitif dan teori perilaku pedagogi/ ilmu pendidikan dan mengajar (Blenker *et al.*, 2006).

Masalah lain yang memberi kesan kepada ilmu keusahawan ialah berkaitan dengan peraturan daripada pihak universiti. Secara tradisinya universiti memerlukan pembelajaran dalam bidang keusahawanan dan kemudian dalam mengajarkan ilmu keusahawan tersebut. Dalam kursus keusahawanan dan kursus-kursus lain kebanyakannya berkaitan dengan sistem universiti. Salah satu matlamat utama universiti ialah tanggungjawab serta kemampuan pelaksanaan keusahawanan sebagai sebahagian daripada kewajiban pihak universiti. Di samping itu, tanggungjawab untuk mengajarkan ilmu keusahawanan tidak dapat diserahkan sama sekali kepada dunia pendidikan (Garavan & O’Cinneide, 1994).

Universiti-universiti tradisional telah memberi tumpuan kepada pengajaran tentang apa yang universiti rasakan penting. Jika keusahawanan telah menjadi sebahagian daripada program pengajian, secara tidak langsung kursus ini juga menjadi sebahagian daripada mata pelajaran itu. Fokus yang lebih luas daripada pelajaran dan perilaku keusahawanan ini ialah kepentingan untuk memperbaiki kewaspadaan dan

membangkitkan kemampuan peluang untuk berhubungan di antara pelajar, pensyarah, dan individu-individu dalam lingkungan universiti. Secara tradisinya universiti telah mengajarkan pengetahuan berdasarkan kepada pendekatan pengajaran. Bagi pihak universiti, keusahawanan merupakan tanggapan untuk mengintegrasikan pengetahuan daripada peluang dalam proses pengetahuan yang berpanjangan, dalam rangka melaksanakan aktiviti yang sesuai. Hal ini disebut sebagai eksperimen serta mempunyai hubungan dengan pendekatan pedagogi yang lebih menekankan kepada kedua-dua mata pelajaran iaitu aktiviti-aktiviti pelajaran lainnya di universiti dan dalam lingkungan universiti. Sementara proses pengajaran yang melibatkan pemindahan pengetahuan ini tertumpu lebih sedikit kepada pengembangan peribadi daripada pelajar (Blenker *et al.*, 2006).

1.2.5. Model Pendidikan Keusahawanan

Solomon (1989) menyatakan bahawa setiap orang memiliki jiwa keusahawanan di dalam diri masing-masing. Beliau juga bersetuju bahawa setiap individu memiliki kemampuan keusahawanan dan kemampuan tersebut dapat ditingkatkan melalui pendidikan. Holmes dan Schmitz (1990) menyimpulkan bahawa terdapat banyak mata pelajaran telah menunjukkan tentang kemampuan keusahawanan dapat ditingkatkan melalui pengalaman, latihan, sekolah, dan melalui kesihatan. Keusahawanan perlu dipelajari oleh generasi muda secara serius untuk membangunkan negara di masa depan. Potensi untuk mengembangkan keusahawanan itu dapat dilakukan melalui pendidikan yang diprogramkan dengan model dan kaedah yang tepat (Wismi, 2007).

Model pendidikan keusahawanan mempertimbangkan bukan sahaja isi daripada program pendidikan keusahawanan tetapi juga kepada konteks program yang diberikan oleh pensyarah dan pendekatan yang digunakan (Pretorius, 2000). Konsepsi yang telah dihuraikan secara terperinci adalah untuk membolehkan sekumpulan konsep bagi menyokong pendidikan keusahawanan dalam meningkatkan kemunculan usaha baharu dan juga menjadi penunjuk perkaitan dalam konteks program (Pretorius, 2001), iaitu: Bahan Keusahawanan, Motivasi, Kemahiran Keusahawanan, Kemahiran Perniagaan, Pendekatan yang Digunakan, Fasilitator/pensyarah, Rancangan Perniagaan dan Gambaran Kontekstual. Setiap binaan ini digambarkan dengan lebih terperinci supaya ianya dapat menjadi sebuah konsep pendidikan keusahawanan. Model ini juga telah digunakan sebagai instrumen untuk menilai program-program keusahawanan serta telah dikembangkan sebagai pengiktirafan dalam usaha kecil dan program keusahawanan di kampus Polokwane di Pretoria (Pretorius, Nieman & Vuuren, 2005). Model ini sangat sesuai dengan cadangan Solomon, Duffy dan Tarabishhy (2002) bahawa aktiviti keusahawanan adalah berdasarkan fungsi daripada keadaan kemanusiaan, keberanian dan lingkungan. Secara khususnya motivasi dan kemahiran keusahawanan merupakan elemen daripada kemahiran kemanusiaan, sementara kemahiran perniagaan dan pemanfaatan rancangan perniagaan merupakan elemen daripada kemahiran dan keberanian. Pendekatan ini telah digunakan dan pensyarah akan memberikan sumbangan sebagai elemen daripada lingkungan pendidikan.

1.3. Pengembangan Keusahawanan di Indonesia

Terdapat banyak cara yang dapat dilakukan dalam mengembangkan keusahawanan. Antaranya ialah melalui penubuhan sektor riel, memberikan kemudahan fasiliti

kegiatan, dan pendidikan keusahawanan. Jika diteliti, di Indonesia pendidikan keusahawanan telah dirintis sejak tahun 1971 lagi. Cadangan ini telah dicetuskan oleh Dr. Suparman Sumahamijaya. Beliau merupakan seorang tokoh dan pelaksana program pendidikan keusahawanan. Menurut beliau pendidikan keusahawanan ini merupakan satu bentuk bantuan untuk mengajar rakyat Indonesia sehingga mereka mampu memiliki kekuatan peribadi yang dinamis dan kreatif sesuai dengan keperibadian bangsa Indonesia yang berdasarkan Pancasila (Soemanto, 2002).

Berdasarkan daripada hal tersebut pembangunan semangat keusahawanan di Indonesia telah menjadi suatu keperluan yang mendesak. Ini telah mendorong kepada kemunculan banyak pemikiran yang mendukung ke arah perlunya pembangunan keusahawanan di Indonesia. Antara lain keusahawanan diperlukan ialah (a) Keusahawanan dapat mendorong pertumbuhan ekonomi sekaligus membuka banyak peluang pekerjaan baru (Schumpeter, 1971), (b) Keusahawanan akan melahirkan banyak kreativiti dan inovasi baru dalam melakukan usaha mahupun teknologi (Mitchell, 1992; Porter, 1990), (c) Keusahawanan sering kali meningkatkan kualiti persaingan yang kesudahannya akan memberi nilai tambah bagi masyarakat (Lumpkin & Dess, 1996), (d) Keusahawanan dapat mengurangkan pengeluaran wang dan waktu yang timbul akibat ketidakpastian, dan (e) Kesejahteraan pada dasarnya merupakan sebuah kemakmuran yang diciptakan (*created wealth*), bukan kemakmuran yang diwarisi (*inherited wealth*) (Porter, 2004; Kasali, 2005).

1.3.1 Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar di Indonesia

Pada masa ini masyarakat tempatan lebih cenderung hidup dalam budaya bekerja yang aman atau memerlukan keharmonian sosial (*social harmony*). Hal ini sangat bertentangan dengan budaya keusahawanan yang mengandungi nilai-nilai seperti pantang menyerah, berani mengambil risiko, kreatif dan inovatif. Huraian tersebut menunjukkan bahwa keusahawanan masih belum menjadi pilihan kerjaya utama bagi para graduan pendidikan tinggi. Padahal sebagai seorang yang terdidik mereka diharapkan menjadi pelopor kepada gerakan keusahawanan di Indonesia dan menjadi agen perubahan dalam bidang ekonomi mahupun di pelbagai aspek kehidupan masyarakat lainnya. Ini kerana mereka memiliki kemampuan yang dapat berfikir dengan lebih baik dan berperilaku sebagai seorang usahawan (Ifham, 2002).

Walaupun masih sebagai pelajar, pada dasarnya mereka telah melakukan kegiatan atau perilaku keusahawanan. Perilaku keusahawanan ini boleh dilihat daripada aktiviti keusahawanan pelajar, baik di luar mahupun di dalam organisasi. Pelajar juga telah menonjolkan perilaku keusahawanan sesuai dengan ciri-ciri dan sifat seorang usahawan. Ini dapat dilihat di dalam organisasi mahupun dalam melaksanakan kegiatannya, pelajar telah membuktikan diri sebagai seorang usahawan. Misalnya ketika seorang pelajar harus membuat keputusan sesuatu aktivitinya sama ada mengadakan aktiviti seminar atau bengkel, memutuskan untuk mendirikan unit perniagaan tertentu, tentunya dengan segala risiko yang harus ditanggungnya (Ifham, 2002). Hal yang sama juga dikemukakan oleh Baumaseppe dalam Ifham (2002), yang menyatakan bahawa pelajar memiliki sikap berkorban dan berani mengambil risiko

terhadap cita-cita yang diperjuangkannya, dan terakhir ialah berpengetahuan dan berpandangan luas.

Ciri-ciri keusahawanan pada pelajar merupakan satu fenomena menarik yang muncul dalam diri pelajar yang tidak boleh terlepas daripada peranan dan kewujudan pendidikan tinggi dalam sistem pendidikan tinggi di Indonesia. Potensi untuk mengembangkan keusahawanan biasanya dilakukan melalui pendidikan yang diprogramkan dengan cara atau kaedah yang tepat. Melalui kaedah yang tepat, pendidikan keusahawanan itu boleh diajarkan kepada sesiapa sahaja. Walaupun tidak semuanya diwajibkan menjadi usahawan, tetapi mereka mampu dan telah terlatih untuk berusaha ke arah itu. Pendidikan keusahawanan memberi bekalan supaya generasi muda menjadi kreatif untuk mengambil peluang dari keadaan yang ada serta menemukan cara untuk memasarkan dan mengembangkan peluang usaha (Kompas, 2007).

1.3.2 Kegagalan Pendidikan Tinggi dalam Membentuk Sikap Keusahawanan

Data daripada Direktorat Jenderal Pendidikan Tinggi (Qomarun, 2000) menyatakan bahawa pada tahun 1996 saja lebih daripada 15 peratus graduan pendidikan tinggi menganggur atau sejumlah 6 juta pengangguran intelektual. Ramai graduan pendidikan tinggi belum mampu untuk memulakan usaha atau perniagaan. Pelajar lebih cenderung berfikir bagaimana nantinya mereka akan diterima bekerja sesuai dengan kelayakan dalam bidang yang dipelajari dan dengan gaji yang sesuai. Mereka berpendapat lebih baik menganggur daripada mendapat pekerjaan yang tidak sesuai dengan kemahiran yang dipelajari. Biro Pusat Statistik (BPS) telah memaparkan satu

data yang menarik, iaitu mereka yang mempunyai pendidikan tinggi kurang berminat menjadi usahawan. Hanya 10 peratus graduan yang berminat menjadi usahawan. Manakala mereka yang pendidikan rendah pula mencatatkan sebanyak 49 peratus yang berminat untuk memulakan perniagaan (Sumarseno, 2004).

Sementara itu data penelitian daripada Lembaga Kajian Ketenagakerjaan *CLDS* (*Center of Labor and Development Studies*), memperlihatkan untuk tempoh tahun 2002 hingga 2004 angka pengangguran di Indonesia telah terus meningkat daripada 1 juta sehingga 2.5 juta dalam jangka masa setahun. Dalam tahun 2002 sahaja dengan pertumbuhan ekonomi sebanyak 3.3 peratus, angka pengangguran telah mencapai jumlah 42 juta orang. Lebih menyedihkan lagi, terdapatnya peningkatan pengangguran dalam kalangan siswazah yang berpendidikan tinggi iaitu daripada 1.8 juta orang pada tahun 2001 kepada 1.9 juta pada tahun 2002; 2.4 juta pada tahun 2003, dan 2.56 juta pada tahun 2004 (Silalahi, 2005).

Pada masa ini, pendidikan tinggi di Indonesia masih belum mampu membentuk pelajar dengan keperibadian yang bersifat berdikari, kreatif, demokratik, dan inovatif. Sistem pendidikan tinggi pada masa ini, lebih cenderung menghadkan pergerakan dan kreativiti pelajar. Selama ini kaedah yang digunakan oleh pensyarah di pendidikan tinggi dilihat kurang mampu untuk mendidik pelajar menjadi lebih kreatif, khususnya dalam kehidupan seharian dan keusahawanan. Padahal keusahawanan memainkan peranan yang sangat besar dalam era persaingan globalisasi. Sementara itu, tenaga kerja yang berpendidikan tinggi sangat rendah untuk diterima dalam pasaran kerja. Hal ini terjadi juga semasa ekonomi Indonesia sedang berkembang dengan pesatnya jika dibandingkan dengan waktu sebelumnya. Ketika tingginya semangat generasi

muda untuk menuntut ilmu, maka terjadinya kes pengangguran dalam kalangan tenaga berpendidikan tinggi. Hal ini terjadi kerana proses pendidikan yang hampir tidak pernah berubah sejak pemerintah orde baru sehingga kini. Keperluan dunia industri terhadap tenaga kerja mengalami perubahan, namun sistem dan proses pendidikan di Indonesia tidak pernah dinilai sama ada masih sesuai ataupun tidak (Waspada, 2007).

Berdasarkan statistik Kompas, 11 Nov 2008 menunjukkan bahawa data pengangguran lulusan sekolah tinggi pada Februari 2007 adalah berdasarkan peringkat seperti berikut: Diploma I/II sebanyak 151,085, Akademi/D3 sebanyak 179,231, dan Universiti sebanyak 409,890. Data tersebut tentunya bertambah pada tahun 2008 dan 2009. Keadaan tersebut pada masa ini diburukkan lagi dengan krisis dan kemelesetan ekonomi global. Bahkan mereka yang baru menjadi graduan pendidikan tinggi semakin sukar mendapatkan pekerjaan disebabkan pertumbuhan yang perlahan dalam sektor perindustrian.

Melalui data Depnakertrans (2009), menunjukkan bahawa pada 1 Mei 2009 sebanyak 51,355 pekerja terkena Pemutusan Hubungan Kerja (PHK), 28,017 orang direncanakan di PHK, 22,440 dirumahkan, dan 19,191 orang direncanakan akan dirumahkan (Jawa Pos 12 Mei 2009). Data tersebut menunjukkan masalah pengangguran telah menjadi masalah yang sangat serius. Beberapa pihak mempersoalkan kualiti graduan pendidikan tinggi pada masa kini. Menurut Hendarman, Direktur Kelembagaan Dikti Depdiknas “data pengangguran golongan berpendidikan di Indonesia menggambarkan bahawa semakin tinggi pendidikan seseorang, semakin rendah sikap berdikari dan semangat keusahawanannya.” Oleh

itu, terdapat halangan bagi pelajar untuk menjadi seorang usahawan, walaupun selama belajar di universiti mereka telah diberikan pendidikan tentang keusahawanan.

1.3.3 Halangan Keusahawanan di Indonesia

Penyelidikan tentang keusahawanan telah banyak dilakukan di Indonesia. Motif utama penyelidikan yang dilakukan ialah memberi bantuan kepada seorang usahawan untuk memulakan suatu perniagaan. Namun begitu, masih kurang kajian empirik yang dilakukan oleh para akademik untuk mengkaji halangan-halangan kepada keusahawanan terutamanya terhadap bakal usahawan daripada membentuk perniagaan baharu. Antara sebab utama ialah kemungkinan kerana kesukaran besar yang dihadapi dalam menempatkan bakal usahawan supaya menjadi satu saiz sederhana yang akan mewakili kajian secara statistik untuk menjalankan sesuatu kajian. Ini terjadi dalam beberapa kajian sebelumnya yang telah mengkaji halangan keusahawanan untuk memulakan usaha dalam kalangan usahawan, dan tidak menjadi usahawan, walaupun pada masa itu sedang menjalankan suatu perniagaan. Melalui kajian tersebut, diharapkan setiap individu dapat melihat dan mempertimbangkan terlebih dahulu faktor-faktor yang menjadi penghalang dalam memulakan perusahaan yang baharu, dengan harapan yang berbeza apakah mereka dapat memenuhi niat keusahawanan mereka (Choo & Wong, 2006).

Faktor-faktor yang mempengaruhi dan menjadi halangan kepada keusahawanan amat berhubungan langsung dengan jurang kemahiran atau sumber daya. Model halangan keusahawanan yang telah digunakan dalam kajian-kajian utamanya meliputi aspek-aspek seperti tidak ada modal, tidak ada kemahiran, kenyataan yang berat, tidak

percaya terhadap diri sendiri dan biaya diri sendiri. Konsep ini merupakan lanjutan daripada beberapa kajian yang dilaporkan sebagai halangan memulakan usaha baharu. Halangan inilah yang menyebabkan niat seseorang mulai berkurangan untuk menjadi seorang usahawan (Robertson, Collins, Medeira & Slater, 2003; Volery, Doss, Mazzarol & Thein, 1997; Choo & Wong, 2006).

1.3.4 Niat Keusahawanan di Indonesia

Pengetahuan tentang segala aspek keusahawanan membantu individu-individu untuk membentuk persepsi mereka tentang pilihan kerjaya mereka. Tafsiran-tafsiran ini boleh dikumpulkan dalam dua kategori (Shapero & Sokol, 1982). Pertama, hasrat keinginan akan mengukur kesediaan untuk mewujudkan perniagaan yang akan berdasarkan tarikan peribadi (kepercayaan akibat positif dan negatif menjadi seorang usahawan). Seterusnya mengenai hasrat/menerima norma-norma sosial (sosial dan tekanan keluarga yang menyokong atau menolak keinginan itu). Hasrat kemungkinan, sebaliknya akan merujuk pada darjah individu untuk menimbang secara peribadi dan kemampuan untuk aktiviti keusahawanan (Shapero & Sokol, 1982).

Model-model yang mempengaruhi niat seseorang boleh dilihat sebagai satu persediaan rangka kerja yang sangat berguna untuk menganalisis proses keusahawanan (Fayolle, 2003; Kolvereid, 1996; Krueger, 2000). Krueger, Reilly dan Carsrud (2000), serta Linan (2004) telah mengembangkan model niat keusahawanan berdasarkan kombinasi teori Shapero dan Sokol (1982) dari sudut kegiatan keusahawanan dan teori Ajzen (1991) yang berdasarkan rancangan perihai tentang keusahawan.

Model umum yang mempengaruhi niat keusahawanan ini telah banyak digunakan dalam penilaian pendidikan dan pelatihan keusahawanan sebagai konsep dasar kepada beberapa kajian. Istilah pendidikan keusahawanan menjurus kepada semua kesedaran, pengajaran, latihan dan aktiviti yang mendasari bidang keusahawanan. Ini termasuklah lingkungan, isi, pendekatan pengajaran, sumber daya, pensyarah dan hal-hal lainnya. Berdasarkan model umum yang dibentuk oleh DeGeorge dan Fayolle (2005) sebagai alat penilaian pendidikan keusahawanan, ia menunjukkan ada tindak balas sikap pelajar terhadap perilaku keusahawanan sebelum menuju kepada niat keusahawanan. Hal ini bersesuaian dengan pernyataan Choo dan Wong (2006), yang menyatakan bahawa halangan keusahawanan yang nyata mampu dipersepsikan akan menyebabkan calon usahawan gagal memulakan usaha baharunya, dan menjadi sebab musabab jika seseorang individu menganggap halangan itu berbeza-beza intensitinya sesuai dengan niat keusahawanan yang dimilikinya.

Berdasarkan huraian di atas, pengkaji merasakan pentingnya melakukan kajian tentang kesan pendidikan keusahawanan sebagai alternatif yang dapat digunakan bagi menimbulkan niat para pelajar untuk menjadi usahawan dengan mempertimbangkan halangan keusahawanan sebagai faktor pengantara, sehingga mampu mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan graduan yang dihasilkan oleh institusi pendidikan tinggi.

1.4 Pernyataan Masalah

Pendidikan keusahawanan menjadi fokus yang menarik bagi para penyelidik sejak tahun 1990 lagi. Namun begitu sebagai konsep, keusahawanan sendiri sangat sukar

untuk didefinisikan. Ini kerana tiada perjanjian yang kukuh tentang apa sebenarnya pendidikan keusahawanan dan bagaimana untuk mengajarkannya. Pelbagai badan penyelidik, pengamal dan pensyarah melihat keusahawanan dan pendidikan keusahawanan daripada sudut-sudut berbeza dan melalui pandangan yang khusus (Bouchikhi, 2003; Fayolle & Senicourt, 2005).

Pendidikan dan latihan keusahawanan sangat mempengaruhi tingkah laku dan niat seseorang pada masa sekarang atau masa hadapan (Fayolle, 2002, Tkachev & Kolvereid, 1999; Kolvereid & Moen, 1997). Melalui dimensi lain, terdapat perbezaan signifikan antara pelajar yang mengambil mata pelajaran keusahawanan dan yang tidak mengambilnya. Perkara yang perlu diperhatikan ialah adanya halangan keusahawanan sebagai sikap pelajar terhadap perilaku keusahawanan dengan intensiti yang berbeza sesuai dengan niat keusahawanan yang dimilikinya (Degeorge & Fayolle, 2005).

Pendidikan keusahawanan di Indonesia memiliki banyak kelemahan. Beberapa kelemahan asas ialah seperti kurangnya niat usahawan yang sudah berjaya untuk berkongsi pengalaman. Hal ini terjadi kerana kurikulum keusahawanan yang diajarkan dianggap tidak menarik dan masih kurangnya pusat-pusat latihan keusahawanan baik secara formal maupun informal (Sakur, 2006).

Para pengkaji keusahawanan juga menyatakan bahawa sebahagian besar lulusan Pendidikan Tinggi kebanyakannya adalah pencari kerja (*job seeker*) daripada mencipta peluang pekerjaan (*job creator*). Hal ini disebabkan sistem pembelajaran yang diterapkan di peringkat pendidikan tinggi pada masa ini, secara umumnya lebih

tertumpu kepada keinginan untuk menamatkan persekolahan dalam tempoh yang telah ditetapkan dan kecepatan memperoleh pekerjaan, serta tidak memperdulikan persiapan untuk mencipta peluang pekerjaan. Kebanyakan sistem pendidikan Indonesia masih menggunakan prinsip belajar untuk tahu (lebih tertumpu pada teori), bukan untuk melakukan sesuatu (secara praktikal). Terdapat banyak faktor psikologi yang membentuk sikap negatif dalam kalangan masyarakat tentang keusahawanan, sehingga mereka kurang berminat terhadap kerjaya usahawan. Antara lain ialah sifat agresif, ekspansif, bersaing, egois, tidak jujur, kedekut, sumber penghasilan tidak stabil, kurang dihormati, pekerjaan rendah, dan sebagainya. Pandangan ini mempengaruhi sebahagian besar masyarakat sehingga mereka tidak tertarik kepada bidang keusahawanan. Kebanyakan masyarakat juga tidak menginginkan anak-anak mereka untuk menceburi bidang ini. Masyarakat lebih berusaha mengalihkan perhatian anak untuk menjadi kakitangan kerajaan apabila anaknya sudah tamat pengajian daripada institusi pendidikan tinggi. Berlandaskan kepada pandangan inilah yang menyebabkan ramai orang tidak berminat untuk menceburkan diri ke dunia perniagaan (Siswoyo, 2009).

Secara pelaksanaan terdapat tiga unsur penting yang menjadi kunci kepada kejayaan pengembangan jiwa keusahawanan di peringkat pendidikan tinggi iaitu pelajar, kurikulum, dan pensyarah yang mengajar mata pelajaran keusahawanan. Permasalahan yang dihadapi ialah ramai pelajar merasa takut untuk berhadapan dengan risiko perniagaan yang mungkin wujud. Ini mendorong mereka untuk membatalkan niat untuk memulakan perniagaan sejak awal lagi. Jika dilihat dari segi kurikulum ternyata tidak semua jurusan setuju untuk memasukkan mata pelajaran keusahawanan dalam kurikulum. Keusahawanan dianggap bukan sebagai subjek

yang perlu diberikan kepada pelajar. Selain tidak seiring dengan kompetensi bidang ilmu yang disasarkan, kompetensi pensyarah yang mengendalikan mata pelajaran keusahawanan menjadi alasan utama. Keusahawanan memerlukan penekanan kemahiran dan sikap yang lebih jika dibandingkan dengan pengetahuannya. Hal ini menjadi halangan kerana tahap kompetensi pensyarah yang menguasai aspek praktikal keusahawanan masih lagi terbatas (Siswoyo, 2009).

Di samping itu, bahan-bahan untuk diajar sebagai rujukan utama yang dimiliki oleh pensyarah sangat terbatas. Hasil pemerhatian tentang bahan pengajaran tidak banyak bahan-bahan yang dapat membentuk sikap keusahawanan. Kaedah yang digunakan lebih banyak menumpukan cara belajar dengan memberi ceramah, sedikit perbincangan dan tugas (*project paper*). Demikian pula, media pembelajaran yang digunakan adalah sangat minimum. Misalnya dalam ceramah hanya menggunakan buku teks dan *power point*. Selain itu, pensyarah juga mengaku terikat oleh sasaran untuk memenuhi standard kompetensi dalam silibus yang digunakan sebagai panduan dalam mengajar (Winarno, 2009)

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kaedah-kaedah di atas maka yang menjadi persoalan dalam kajian ini dapat diuraikan seperti berikut :

1. Adakah pendidikan keusahawanan berpengaruh secara signifikan terhadap niat keusahawanan dalam kalangan pelajar yang telah mengikuti kuliah keusahawanan di peringkat pendidikan tinggi ?

2. Adakah pendidikan keusahawanan berpengaruh secara signifikan terhadap halangan kepada keusahawanan ?
3. Adakah halangan kepada keusahawanan berpengaruh secara signifikan terhadap niat keusahawanan pelajar yang telah mengikuti kuliah keusahawanan di peringkat pendidikan tinggi ?
4. Adakah pendidikan keusahawanan terhadap niat keusahawanan pelajar yang telah mengikuti kuliah keusahawanan di peringkat pendidikan tinggi berpengaruh secara tidak langsung dengan melalui halangan keusahawanan?

1.6 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk mendapatkan reaksi daripada pelajar yang mengambil mata pelajaran keusahawanan terhadap kuliah keusahawanan tersebut dan niat keusahawanan mereka, sehingga mereka menemui wawasan baharu kepada hubungan di antara pendidikan keusahawanan, halangan keusahawanan dan pengembangan niat keusahawanan. Wawasan ini tidak hanya akan mengembangkan pengetahuan dasar yang berkaitan dengan kejadian/fenomena daripada proses keusahawanan tetapi juga dapat memperjelaskan program pengajaran di peringkat pendidikan tinggi khususnya dalam bidang pendidikan keusahawanan.

Secara khususnya objektif kajian ini ialah :

1. Untuk menentukan pengaruh pendidikan keusahawanan terhadap niat keusahawanan pelajar yang telah mengikuti kuliah keusahawanan di peringkat pendidikan tinggi.

2. Untuk menentukan pengaruh pendidikan keusahawanan terhadap halangan keusahawanan.
3. Untuk menentukan pengaruh halangan keusahawanan terhadap niat keusahawanan pelajar yang telah mengikuti kuliah keusahawanan di peringkat pendidikan tinggi.
4. Untuk menentukan pengaruh pendidikan keusahawanan terhadap niat keusahawanan pelajar yang telah mengikuti kuliah keusahawanan di peringkat pendidikan tinggi berpengaruh secara tidak langsung dengan melalui halangan keusahawanan.

1.7 Signifikan Kajian

Salah satu akibat serius daripada kajian yang belum berkembang dalam bidang keusahawanan mungkin disebabkan keterbatasan pengetahuan untuk membangunkan program pendidikan keusahawanan sehingga mendapat keputusan yang optimal. Contohnya, terdapat kajian yang menyimpulkan bahawa pendidikan formal tidak memperhitungkan sikap di antara pelajar yang berpotensi menjadi usahawan dan bahkan menjadi perosak keperibadian mereka yang berbeza daripada pelajar lainnya (Rushing, 1990).

Selain itu kajian lain menyatakan bahawa keusahawanan merupakan suatu sistem nilai berfikir kreatif dan berperilaku inovatif yang boleh dipelajari dan diajarkan dengan strategi tertentu dari aspek teori ke aplikasi (Suharsono *et al.*, 2008). Terdapat juga kajian lainnya yang menyatakan bahawa paradigma pendidikan keusahawanan yang diberikan di peringkat pendidikan tinggi masih mengikuti pola tradisional, apabila

mata pelajaran keusahawanan masih disamakan karakteristiknya dengan mata pelajaran lain (Sondari, 2009).

Kajian lebih lanjut tentang keusahawanan diperlukan bukan hanya untuk memperluas perhatian kita terhadap hal ini, tetapi juga untuk membantu institusi pendidikan mendapatkan hasil yang lebih baik dalam memberi semangat kepada para pelajar untuk menjadi usahawan. Kajian ini seterusnya akan memberikan beberapa sumbangan kepada pengembangan secara umum dalam aspek pendidikan tentang keusahawanan. Secara lebih spesifik kajian ini dapat menilai pengalaman daripada pelajar yang telah menamatkan mata pelajaran keusahawanan untuk memperoleh wawasan bagi memperbaiki program pendidikan khususnya di bidang pendidikan keusahawanan.

1.8 Batasan Kajian

Bagi memastikan kajian ini lebih fokus dan tujuan kajian boleh tercapai, kajian ini terhad kepada :

1.8.1 Batasan Objek

Objek kajian hanya terhad di Universiti Sumatera Utara, Medan, Sumatera Utara, Indonesia. Penentuan objek kajian ini berdasarkan kenyataan bahawa Universiti Sumatera Utara merupakan universiti terbesar di pulau Sumatera, Indonesia dan berada pada peringkat ke-5 terbesar di Indonesia. Univerisiti ini mempunyai 32,068

pelajar, 1816 pensyarah, 13 fakulti dan 50 jabatan (Laporan Tahunan Universiti Sumatera Utara, 2009/2010).

1.8.2 Subjek Kajian

Subjek kajian pula terbatas kepada pelajar Universiti Sumatera Utara di semua fakulti yang mengendalikan mata pelajaran keusahawanan dan berdaftar sebagai pelajar yang mengambil mata pelajaran keusahawanan pada tahun 2008/2009.

1.8.3 Skop Kajian

Skop kajian terhad kepada menganalisis hubungan antara pendidikan keusahawanan dan niat keusahawanan, melalui halangan keusahawanan sebagai pemboleh ubah moderating menurut persepsi pelajar. Pengertian persepsi dalam kajian ini ialah suatu proses bagaimana seseorang melakukan pemilihan, penerimaan dan kefahaman kepada maklumat yang diperolehinya.

1.9 Definisi Istilah

Definisi operasional pemboleh ubah yang dikaji mengukur Pendidikan Keusahawanan yang terdiri daripada lapan faktor iaitu, (1) Bahan Keusahawanan, (2) Motivasi, (3) Kemahiran Keusahawanan, (4) Kemahiran Perniagaan, (5) Pendekatan yang Digunakan, (6) Fasilitator / Pensyarah, (7) Rancangan Perniagaan, (8) Gambaran Kontekstual.

Sementara itu, halangan Keusahawanan terdiri daripada lima faktor iaitu, (1) Tidak Ada Modal, (2) Tidak Ada Kemahiran, (3) Kenyataan yang susah, (4) Tidak Percaya Diri, (5) Biaya Diri Sendiri.

Niat keusahawanan terdiripada dari dua faktor iaitu, (1) Persepsi Kelayakan, dan (2) Persepsi selera

Beberapa istilah telah digunakan dalam tesis ini yang tidak dapat diertikan secara universal. Berdasarkan persetujuan, definisi diberikan untuk memudahkan pengertian.

1.9.1 Pendidikan Keusahawanan

Pendidikan keusahawanan merupakan pendidikan yang memberi sumbangan kepada perambahbaikan kualiti pelajar untuk memulakan sesuatu usaha melalui sikap sosial dan intelektual dalam keusahawanan, yang diberikan di peringkat pendidikan tinggi. Pendidikan keusahawanan tidak hanya mempertimbangkan isi program sahaja tetapi juga konteks-konteks lain seperti program yang dikendalikan oleh fasilitator/pensyarah dan pendekatan yang mereka gunakan (Pretorius, 2000).

Pendidikan keusahawanan juga didefinisikan sebagai sebuah model pendidikan yang merupakan sebuah kumpulan daripada subelemen (konsep) yang memberikan sumbangan kepada konsepsi pendidikan keusahawanan tersebut. Konsep dasar tersebut yang digunakan dalam penelitian ini terdiri daripada:

- a. Bahan Keusahawanan merupakan syarat daripada konteks yang menetapkan isi program pengajaran apabila diperkenalkan kepada pelajar untuk memulakan satu usaha baharu.
- b. Motivasi merupakan sebuah konsep yang terpisah tetapi dimasukkan sebagai sebahagian daripada elemen kemahiran keusahawanan sehingga pelajar mempunyai motivasi dan dapat bekerja sesuai dengan sistem bekerja seorang usahawanan.
- c. Kemahiran keusahawanan merupakan sebuah konsep yang memberikan komitmen untuk melakukan inovasi, kepemimpinan personal, obsesi peluang, toleransi terhadap risiko dan ketidakpastian serta selalu melakukan kreativiti.
- d. Kemahiran Perniagaan merupakan konsep yang hampir sama dengan kemahiran keusahawanan, namun begitu dalam kemahiran perniagaan hanya terbatas kepada aktiviti yang melakukan kegiatan perniagaan tanpa diikuti inovasi.
- e. Pendekatan yang digunakan merupakan kaedah untuk memindahkan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan kepada pelajar, dengan memperhatikan keterlibatan pelajar dalam proses pengajaran dan juga variasi dari pendekatan pembelajaran yang digunakan.
- f. Pensyarah merupakan penyumbang bahan keusahawanan dengan mempertimbangkan pengalaman praktis yang dimiliki, bagaimana memberikan kekuatan pemikiran supaya dapat menjadikan pelajar sebagai seorang usahawan, menjadikan pelajar kreatif menggunakan ruang keusahawanan dan memanfaatkan kegiatan internship/praktikal, serta memberikan pendekatan multidisiplin dan pemikiran dalam merangka rancangan perniagaan.

- g. Penggunaan Rancangan Perniagaan mencakupi bagaimana rancangan perniagaan digunakan melalui beberapa tahap iaitu persiapannya, mempertahankan dan melaksanakan rancangan perniagaan tersebut.
- h. Gambaran Kontekstual mempertimbangkan pengalaman sebelumnya, tingkat pendidikan minimum, hasil daripada program, keperluan dari sasaran kelompok serta alasan untuk terlibat dalam aktiviti keusahawanan.

Pendidikan keusahawanan diukur melalui 13 item pertanyaan yang di adaptasikan daripada Pretorius (2001), dan item-item ini di kategorikan pada lima tahap (1= sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = berkecuali, 4 = setuju dan 5 = sangat setuju).

1.9.2 Halangan Keusahawanan

Halangan keusahawanan adalah sesuatu rintangan yang terjadi dalam memulakan usaha baharu seperti bagaimana cara untuk mendapatkan modal. Menurut Choo dan Wong (2006), halangan keusahawanan dapat ditafsirkan melalui lima faktor iaitu:

- a. Tidak ada modal yang menggambarkan kesukaran untuk memperoleh pembiayaan bagi memulakan usaha baharu. Hal ini sesuai dengan kajian sebelumnya yang dilakukan oleh Finnerty dan Krzystofik (1985), yang menyatakan bahawa faktor ini adalah halangan utama bagi seseorang yang ingin memulakan sesuatu usaha baru.
- b. Tidak ada kemahiran juga merupakan faktor halangan keusahawanan. Ini termasuk tidak menguasai bidang pemasaran, tidak mempunyai kemampuan dalam pengurusan dan kewangan serta kesukaran memperoleh informasi untuk

memulakan perniagaan. Hal ini berkaitan dengan beberapa kajian mengenai halangan sumber daya, khususnya berhubungan dengan kewangan, sebagai faktor utama untuk membentuk sebuah usaha (Robertson *et al.*, 2003; Volery *et al.*, 1997).

- c. Kenyataan yang susah iaitu tidak sanggup menghadapi kenyataan seperti risiko perniagaan, ketidakpastian dalam kerjaya sebagai seorang usahawan dan keadaan ekonomi yang buruk. Faktor-faktor ini merupakan hal yang sukar untuk difikirkan bagi membangunkan usaha baru.
- d. Tidak percaya diri yang berhubungan dengan kekurangan sokongan, sehingga timbulnya rasa takut gagal dalam menjalankan usaha baharunya. Termasuk juga kesulitan menyakinkan orang mengenai idea usahanya, kesukaran mendapatkan orang yang mahu membantu dan mendapatkan teman kerja atau keluarga yang menyokong.
- e. Biaya diri sendiri merupakan kesulitan dalam pengurusan izin berdasarkan peraturan pemerintah, pembayaran cukai dan biaya yang tinggi sesuai dengan peraturan pemerintah serta mendapatkan pekerja sebagai sumber daya manusia yang sesuai untuk memulakan usaha.

Dalam kajian ini, halangan keusahawanan diukur dengan 18 item pertanyaan dan dikategorikan dalam lima kategori iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, berkecuali, setuju dan sangat setuju. Item-item dari dimensi halangan keusahawanan juga diadaptasi daripada Choo dan Wong (2006).

1.9.3 Niat Keusahawanan

Niat keusahawanan (*Intrepreneurial Intention*) dapat didefinisikan sebagai sesuatu tujuan untuk memulakan suatu usaha baharu yang telah dicadangkan dan akan dilakukan pada waktu tertentu dan diproses dengan maksud untuk dilaksanakan (Davidsson, 1995). Sesuai dengan kajian Shapero dan Sokol (1982) yang menyatakan bahawa niat keusahawanan tertumpu pada karakteristik dan kesukaannya. Dalam kajian mereka, dinyatakan bahawa niat seseorang untuk memulakan sebuah usaha baharu dipengaruhi oleh dua faktor iaitu:

- a. Persepsi kelayakan yang akan merujuk pada darjah mereka menimbang secara peribadi dalam berkemampuan untuk kelakuan keusahawanan.
- b. Persepsi selera yang akan mengukur kesediaan untuk mewujudkan keusahawanan yang akan didasarkan kepada tarikan peribadi (kepercayaan akibat positif dan negatif menjadi seorang usahawan) dan hasrat/menerima norma-norma sosial (sosial dan tekanan keluarga yang menyokong atau menolak penampilan kelakuan itu).

Niat keusahawanan diukur melalui 10 item pertanyaan yang di ambil dari Reitan (1997), dan juga dari Peterman dan Kennedy (2003). Item-item ini di kategorikan pada lima tahap (1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = berkecuali, 4 = setuju dan 5 = sangat setuju).

1.9.4 Pelajar

Pelajar yang telah mengikuti kuliah dan telah mengambil mata pelajaran keusahawanan di Universitas Sumatera Utara.

1.9.5 Pendidikan tinggi

Institusi seperti fakulti yang memberikan pendidikan sebagai sebuah persiapan untuk pendidikan lebih lanjut atau untuk penempatan kerja. Ini juga melibatkan individu yang telah menyelesaikan minimum 12 tahun pendidikan (atau untuk mereka yang telah menyelesaikan kelas 3 SLTA High-School).

1.10 Penyusunan Tesis

Kajian ini dibahagikan kepada lapan bahagian. Bahagian ini juga akan dipecahkan kepada lapan bab, iaitu bab satu hingga bab lapan.

Bab satu telah membincangkan beberapa aspek seperti latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, signifikan kajian, batasan kajian serta definisi istilah. Dalam bab kedua kajian, penulis akan membincangkan tajuk-tajuk berkaitan dengan keusahawanan di Indonesia yang meliputi kewujudan konsep keusahawanan di Indonesia, perkembangan keusahawanan dan pendidikan keusahawanan di universiti di Indonesia.

Dalam bab tiga, penulis akan membincangkan tajuk-tajuk berkaitan dengan hasil-hasil kajian yang lepas. Kajian-kajian lepas yang dibincangkan akan digunakan untuk mengembangkan kerangka daripada tujuan kajian. Dalam bab empat, penulis akan membincangkan pembentukan kerangka konseptual dan hipotesis kajian. Perbincangan ini akan merangkumi tajuk-tajuk berkaitan dengan teori-teori yang menyokong objektif kajian, kerangka konseptual kajian, konstruk dalam kajian, dan hipotesis kajian.

Dalam bab lima, penulis akan membincangkan berkenaan dengan metodologi yang akan digunakan. Antara tajuk-tajuk yang akan dibincangkan di dalam bab yang kelima ini termasuklah tajuk-tajuk seperti reka bentuk kajian, populasi dan sampel, pemboleh ubah kajian, instrumen kajian, kaedah pengumpulan dan analisis data sehingga pada kesahan soal selidik. Dalam bab enam, kajian ini akan memperbincangkan berkaitan dengan analisis data kajian dan hasil-hasil kajian. Akhir sekali, perbincangan ke atas keputusan kajian berdasarkan analisis data yang diperolehi di dalam bab enam dibuat perbincangan dan implikasi kajiannya di dalam bab tujuh kajian ini. Bab ini juga akan membincangkan aspek pencapaian semua objektif kajian yang dikemukakan dalam kajian ini. Beberapa cadangan kepada organisasi dan penyelidikan pada masa akan datang akan turut dikemukakan. Rumusan juga akan dibuat pada akhir daripada kajian ini yang merupakan kesimpulan dari keseluruhan kajian di dalam bab lapan.

1.11 Rumusan

Pendidikan keusahawanan merupakan masalah budaya, perilaku dan situasi spesifik (Fayolle dan Klandt, 2006). Namun, ramai penyelidik menyatakan bahawa perilaku keusahawanan dapat diajarkan. Terdapat dua dimensi yang berkaitan dengan pendidikan keusahawanan iaitu belajar untuk keusahawanan atau lebih kepada belajar tentang keusahawanan (Giba, 2002; Honing, 2004; Kuratko, 2005). Berdasarkan pendapat yang lain menurut Thomson (2004) dan Hindle (2007) keusahawanan tidak dapat diajarkan kerana keusahawanan adalah berkaitan dengan bakat dan watak seseorang. Justeru itu keusahawanan harus dibentuk sejak kanak-kanak agar timbulnya niat untuk menjadi seorang usahawan. Bagi mewujudkan niat keusahawanan ini menurut Katz (2007) perlu diberikan pendidikan keusahawanan.

Terdapat juga banyak halangan yang menimbulkan kurangnya niat keusahawanan seperti tidak ada modal, tidak ada kemahiran, kenyataan yang berat, tidak percaya diri, dan biaya kerelaan. Halangan inilah menurut Robertson *et al.* (2003), Volery *et al.* (1997), Choo dan Wong (2006) yang menyebabkan tidak timbulnya niat keusahawanan pada diri seseorang.

Jumlah usahawan sangat penting bagi suatu negara. Ini kerana dapat membantu pertumbuhan aktiviti ekonomi, penyerapan tenaga kerja dan mengurangi kadar pengangguran (Kasali, 2005). Untuk meningkatkan jumlah usahawan, pelbagai usaha dilakukan terutama dalam pendidikan keusahawanan di Indonesia sejak tahun 1971 di peringkat pendidikan tinggi (universiti). Sementara menurut Direktur Kelembagaan

Pendidikan Nasional Indonesia bahwa semakin tinggi pendidikan seseorang semakin rendah kemandirian dan semangat keusahawanan.

Berdasarkan permasalahan inilah maka perlu dianalisis kesan pendidikan keusahawanan terhadap niat keusahawanan pelajar untuk menceburi bidang usaha, dengan menggunakan halangan keusahawanan sebagai pengantara.

Sebagai kesimpulan, bab ini secara umumnya telah membincangkan beberapa perkara berkaitan isu dan permasalahan kajian yang mendorong kepada kewujudan kajian ini. Segala perbincangan yang dibuat dalam bab ini juga termasuk persoalan kajian, objektif kajian, definisi istilah dan pengorganisasian yang telah dikemukakan dan akan menjadi dasar kepada perbincangan bab-bab selanjutnya.

BAB II

KEUSAHAWANAN DI INDONESIA

2.1 Pengenalan

Bab ini akan membicarakan tentang beberapa tajuk yang berkaitan dengan keusahawanan di Indonesia. Pada masa kini, di Indonesia telah melaksanakan pelbagai program pengembangan keusahawanan pelajar untuk melahirkan usahawan muda yang seterusnya dapat mengurangkan kadar pengangguran. Perbincangan dalam bab ini akan merangkumi tajuk-tajuk berkaitan dengan wujudnya konsep keusahawanan di Indonesia, perkembangan keusahawanan dan keusahawanan di universiti-universiti di Indonesia.

2.2 Wujudnya Konsep Keusahawanan di Indonesia

Pada sekitar tahun 1970-an telah munculnya konsep dan model tentang keusahawanan. Konsep ini telah dipromosikan secara besar-besaran, khususnya sebagai sumber yang diperlukan oleh mereka yang ingin membuka dan mengembangkan bidang perusahaan terutama perusahaan persendirian (*self employed*) serta para pengurus dalam menjalankan aktiviti ekonomi yang diceburi oleh mereka. Pada ketika itu, keadaan baru sahaja memasuki tempoh Pembangunan Lima Tahun II (Pelita II). Sebelum itu Indonesia mengalami zaman yang sukar ketika dalam fasa Orde Lama. Perubahan mula terjadi pada tahun 1965 dengan wujudnya

dasar Orde Baru. Dasar ini banyak memberi tumpuan kepada pertumbuhan ekonomi sebagai sasaran utamanya. Namun begitu, orientasi ini telah mengakibatkan kelemahan pembinaan dalam bidang sosial budaya, sehingga memberi kesan yang buruk kepada masyarakat. Ini seterusnya menyebabkan terjadinya krisis ekonomi di Indonesia.

Terdapat pelbagai kajian keusahawanan telah dilakukan dengan menggunakan beberapa pendekatan. Namun begitu, pendekatan ini kurang memberi tumpuan kepada aspek ekonomi, tetapi lebih menjurus kepada aspek yang berasaskan tema yang luas iaitu asas teori daripada asas ilmu sosiologi. Usahawan itu ialah seseorang yang boleh menghasilkan produk dan sekaligus sanggup mengambil risiko. Sementara itu, keusahawanan merupakan konsep yang mampu menjamin terjadinya proses pertambahan jumlah populasi syarikat dan sekaligus meletakkan landasan bagi pertumbuhan populasi daripada usahawan baharu. Pertumbuhan populasi usahawan baharu itu, berasaskan kepada kajian sosiologi yang sangat berhubung kait dengan bahan keusahawanan yang boleh mempengaruhi terjadinya tingkat sosial masyarakat mahupun ketidaksamaan dalam kehidupan banyak masyarakat. Adapun proses keusahawanan melalui usaha menambahkan peluang kehidupan di antara para pengasas perusahaan di satu sisi dan kehidupan pegawai di sisi lainnya (Hadisoegondo, 2006).

2.3 Perkembangan Keusahawanan di Indonesia

Sekitar zaman tahun 1970 telah wujud konsep keusahawanan dan ini memerlukan penglibatan usahawan-usahawan di Indonesia. Konsep ini berkembang begitu cepat

sehingga memasuki tahun Pelita III. Proses keusahawan dilakukan melalui aplikasi kemahiran mengambil keputusan dan sokongan sikap berdikari. Hal ini berkaitan menjawab terbatasnya kerja pada masa itu. Program pengembangan dilakukan melalui rangkaian program latihan yang dibiayai oleh DR. Suparman Sumahamijaya (Siagian & Asfahani, 1995). Reaksi dan respons terhadap program ini cukup positif dan bahkan boleh dikatakan luar biasa. Peserta-peserta program kebanyakan merupakan pengurus perusahaan negara dan para kakitangannya pula terdiri daripada angkatan tentera dan polis di Indonesia.

Program ini bertujuan untuk mempersiapkan kakitangan kerajaan sebelum memasuki tempoh masa bersara awal, sehingga ketika umur yang relatif masih cukup muda (mengambil pencen pilihan). Mereka ini diharapkan akan mampu membangunkan perusahaan yang mereka minati. Namun begitu setelah 5 hingga 6 tahun program ini dijalankan, usaha dan prosesnya hilang begitu saja, tanpa ada penjelasan atau alasan yang kukuh. Kemungkinan besar masalah ini terjadi kerana pada ketika itu keadaan ekonomi di Indonesia bertambah baik (dalam akhir Pelita II dan awal Pelita III). Hal ini menyebabkan perusahaan-perusahaan yang dimiliki pemerintah lebih mendominasi dan menguasai segala bidang perusahaan, sehingga mengganggu perusahaan-perusahaan milik swasta.

Perkembangan tentang keusahawanan muncul kembali dalam bentuk yang lebih dinamik dalam kehidupan para menteri pada tahun 1993. Hal ini berlaku khususnya selepas wujudnya perintah untuk mengembangkan keusahawanan melalui rumusan GBHN (Garis-garis Besar Haluan Negara). Program ini mensasarkan agar ramai orang memperoleh pengetahuan, keterampilan dan sikap yang diperlukan sebagai

komponen daripada persaingan yang diperlukan oleh seorang usahawan. Pemerintah telah mengakui pentingnya keusahawanan, dan menyeru supaya bidang ini diperluaskan kepada yang berkenaan, khususnya kepada generasi muda. Konsep keusahawanan juga telah ditetapkan dan diwajibkan menjadi salah satu mata pelajaran rasmi di peringkat pendidikan di sekolah-sekolah menengah dan atas. Usaha ini bertujuan untuk menggalakkan perubahan perilaku atau budaya perusahaan secara berperingkat, sehingga semua masyarakat Indonesia berpeluang menjadi usahawan yang berjaya. Namun begitu program yang dilakukan ini tidak memberi gambaran yang jelas terhadap kesinambungannya. Ini terjadi mungkin kerana proses penerapannya hanya tertumpu kepada taraf pembangunan di peringkat asas sahaja, dan belum sampai ke tahap yang lebih tinggi walaupun usaha di peringkat masyarakat sudah dilakukan. Berdasarkan huraian dalam laporan Inpres Nombor. 4 tahun 1995 tentang GNMK (Gerakan Nasional Memasyarakatkan Keusahawanan), ianya sangat banyak mengungkapkan dengan makna dan erti keusahawanan, yang seharusnya boleh dikembangkan selaras dengan keadaan lingkungan yang selalu berubah-ubah.

Selepas tempoh masa reformasi ini berlangsung ketika dalam Kabinet Indonesia Bersatu, iaitu kurang lebih setelah 10 tahun kemudian kembali tertulis dengan tegas perlunya mengembangkan Usaha Menengah Kecil Mikro (UMKM) dalam Rencana Pembangunan Jangka Menengah (RPJM) tahun 2004-2007 bab 20. Hal ini yang diformalkan sebagai satu perintah nasional bagi pemerintahan masa itu melalui Perpres RI Nombor 7/2005. Aspek keusahawanan kembali dicantumkan dalam salah satu program untuk memperdayakan koperasi, usaha mikro, kecil dan menengah. Program ini berhubung kait dengan program Pengembangan Keusahawanan dan Keunggulan Kompetitif Usaha Kecil Menengah (UKM). Oleh demikian, secara

rasional, tidak ada hal yang boleh dijadikan faktor penolakan melalui kenyataan bahawa Indonesia memang memerlukan usahawan baharu untuk meningkatkan dinamika perekonomian nasional (Pedoman Pengembangan Keusahawanan, 2005). Perkembangan keusahawanan di Indonesia dapat dilihat secara lebih terperinci pada Jadual 2.1.

Jadual 2.1.

Perkembangan Keusahawanan di Indonesia

No.	Tahun	Keterangan
1	1970	Lahirnya konsep keusahawanan di Indonesia
2	(1979)	Pada Pelita III Pertumbuhan ahli-ahli bisnes
3	1993	Pengembangan keusahawanan melalui rumusan GBHN (Garis-Garis Besar Haluan Negara)
4	1995	Keluarnya Inpres (Instruksi Presiden) Nomor 4 tentang GNMK (Gerakan Nasional Memasyarakatkan Keusahawanan)
5	2005	Keluarnya Perpres (Peraturan Presiden) Nomor 7 mengenai program pemberdayaan koperasi, usaha mikro, kecil dan menengah
6	2005	Pedoman Pengembangan Keusahawanan

2.4 Keusahawanan di Peringkat Pendidikan Tinggi di Indonesia

Program perkembangan keusahawanan telah dicadangkan oleh Presiden Republik Indonesia pada bulan Julai 1995 dan telah dilaksanakan melalui pelbagai program pada peringkat permulaan dengan menyuburkan jiwa keusahawanan dalam kalangan

pelajar. Program permulaan yang telah diterapkan di beberapa pendidikan tinggi ini adalah seperti berikut:

1) **Kuliah Kerja Nyata (KKN) - Usaha,**

KKN telah diaplikasi pada kegiatan usaha UKM. Pelajar sebagai calon usahawan diajarkan mengenai kemampuan, keterampilan, kemahiran dalam pengurusan, mengadaptasi inovasi teknologi, kemahiran menguruskan kewangan/ modal mahupun kemahiran pemasaran melalui pengalaman langsung dalam dunia perusahaan.

2) **Klinik Perundingan Perniagaan (Konsultasi Bisnes) dan Penempatan Kerja (Job Placement Center)**

Program ini dilaksanakan melalui bantuan *United State Agency for International Development* (USAID) dan *Higher Education Development Support* (HEDS) di Wilayah Indonesia Barat dan akan terus dikembangkan ke peringkat perguruan tinggi lain. Klinik Perundingan Perniagaan (Konsultasi Bisnes) dan Penempatan Kerja (KBPK) yang dikembangkan daripada Pusat Perundingan bagi pengusaha kecil dan menengah merupakan salah satu kegiatan yang boleh memberikan peluang kepada graduan Pendidikan Tinggi yang berniat menjadi usahawan baharu atau usahawan kecil yang telah berkecimpung dalam dunia usaha. KBPK mendidik tenaga pengajar agar memperolehi pengalaman secara praktikal dalam dunia perniagaan dengan cara memberikan nasihat kepada usahawan kecil dan menengah. KBPK juga membuka jaringan untuk sumber daya bahan mentah, pasaran, sumber daya kewangan, sumber daya informasi, serta membangunkan

jaringan kerja untuk meningkatkan kerjasama antara usahawan kecil dan menengah.

3) **Perantis Keusahawanan**

Perantis keusahawanan merupakan kegiatan pelajar untuk memperolehi pengalaman kerja praktikal pada peringkat perniagaan kecil dan menengah termasuk mengenal pasti permasalahan, analisis dan penyelesaian permasalahan dan pengurusan pemasaran, serta teknologi. Perantis keusahawanan merupakan kegiatan apabila pelajar benar-benar bekerja sebagai tenaga kerja di perusahaan kecil atau menengah. Di samping itu, melalui perantis ini juga menciptakan hubungan dan kesesuaian (*link and match*) antara institusi pendidikan tinggi dengan usaha kecil menengah.

4) **Karya Alternatif Pelajar (KAM)**

Melalui KAM para pelajar yang telah mempelajari ilmu pengetahuan dan teknologi dilatih dan diberi sokongan untuk menghasilkan suatu komoditi yang diperlukan masyarakat. Prinsip yang perlu ditekankan dalam hal ini ialah keterampilan menghasilkan produk harus disesuaikan dengan pemahaman perniagaan minimal yang telah dimiliki para pelajar sebagai peserta. KAM diutamakan untuk diisi dengan aktiviti produktif pelajar yang berpola khusus. Aktiviti ini merupakan sebahagian yang diperlukan daripada kegiatan intra atau ekstra kurikulum pelajar dalam usaha untuk menyediakan peserta dengan kemahiran menghasilkan produk dan pengetahuan.

5) Inkubasi Usahawan Baharu

Sementara itu, program ini merupakan suatu fasiliti yang dikawal oleh sejumlah kakitangan terbatas dan menawarkan suatu pakej tersepadu kepada para usahawan dan pelajar atau graduan dengan modal yang berpatutan selama jangka waktu tertentu (2 hingga 3 tahun). Pakej tersepadu yang telah ditawarkan tersebut meliputi kemudahan secara fizikal dan kemudahan pejabat yang boleh digunakan secara bersama. Di samping itu, peluang memasuki dan pembentukan jaringan kerja dengan bantuan tenaga pekerja mahir terutama dalam bidang teknologi dan perusahaan, layanan perunding yang berkaitan dengan teknologi, pengurusan dan pemasaran, pembentukan kerjasama antara pengusaha serta pengembangan produk penelitian supaya dapat diproduksi secara komersil juga turut disediakan. Program inkubator di beberapa perguruan tinggi negeri dan perguruan tinggi swasta juga telah bekerjasama dengan Pejabat Kementerian Koperasi dan Pembinaan Pengusaha Kecil. Program ini diperuntukkan untuk industri kecil atau koperasi, dan juga kepada para pelajar/alumni dalam mewujudkan usahawan baharu.

Berdasarkan program rintisan tersebut di atas, Direktorat Jenderal Pendidikan Tinggi tahun 2009 (Moh. Nuh) telah mengembangkan sebuah Program Keusahawanan Pelajar (*Student Entrepreneur Program*) yang merupakan kesinambungan daripada program-program sebelumnya (PKM, *Co-op*, dan sejenisnya). Program ini dikembangkan untuk para pelajar yang akan memasuki dunia perniagaan sebenar melalui fasiliti *start-up business*.


Program Keusahawanan Pelajar dilaksanakan untuk memudahkan para pelajar yang mempunyai minat dan bakat dalam bidang keusahawanan untuk memulakan usaha mereka dengan asas ilmu pengetahuan, teknologi dan seni yang sedang dipelajarinya.

Tujuannya supaya dapat membentuk kemahiran agar pelajar menunjukkan karakter yang sesuai sebagai seorang usahawan. Kemudahan yang diberikan meliputi pendidikan dan pelatihan keusahawanan, perantis, perancangan perniagaan, sokongan permodalan dan pendampingan usaha. Program ini diharapkan mampu membantu dalam pencapaian visi dan misi pemerintah untuk mewujudkan masyarakat yang berdikari melalui peluang lapangan kerja dan pemberdayaan UKM.

Prosedur operasional standard (SOP) daripada Program Keusahawanan Pelajar meliputi persiapan program, pembekalan dalam bentuk Pendidikan dan Latihan (Diklat) keusahawanan, perantis ke UKM, dan penyusunan rancangan perniagaan, pendampingan dalam hal *star-up* business juga *business establishment*, dan pemberian bantuan modal sebesar Rp. 8,000,000.00 (lapan juta rupiah) bagi setiap pelajar. Bagi memulakan perusahaan baharu, pelajar boleh membentuk kelompok dengan maksimum 5 (lima) pelajar (Direktorat Kelembagaan Dikti, 2009). Melalui Program Keusahawanan Pelajar ini adalah diharapkan akan lahirnya ramai usahawan muda. Terdapat banyak potensi dan peluang yang boleh dimanfaatkan pelajar untuk kepentingan pembelajaran dan pelaksanaan sistem budaya keusahawanan ini. Model Program Keusahawanan Pelajar sesuai dengan pedoman program pelajar keusahawanan daripada Direktorat Kelembagaan Dikti ini boleh dilihat pada Rajah 2.1 berikut ini:

Rajah 2.1

Model Program Mahasiswa Keusahawanan



Sumber : Direktorat Kelembagaan Pendidikan Tinggi, 2009

2.5 Rumusan

Kemunculan konsep keusahawanan di Indonesia pada awalnya digunakan sebagai sokongan kepada bidang perekonomian. Seterusnya, bidang keusahawanan juga berkembang sebagai satu usaha yang menyebabkan berlakunya perubahan perilaku atau budaya dan menjadikan masyarakat Indonesia berpeluang menjadi usahawan.

Untuk merealisasikan matlamat serta tujuan ini, pemerintah telah melaksanakan program penerapan jiwa keusahawanan melalui pendidikan keusahawanan di Institusi

Penguruan Tinggi di Indonesia. Berbagai-bagai program keusahawanan bagi pelajar telah diterapkan di beberapa peringkat pendidikan tinggi untuk membantu melahirkan usahawan muda.

Sebagai kesimpulannya bab ini telah membincangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan keusahawanan di Indonesia. Segala perbincangan yang dibuat dalam bab ini dan pengorganisasian yang dikemukakan akan menjadi asas kepada perbincangan bab-bab seterusnya. Berdasarkan kepada konsep-konsep yang dibincangkan ini, proses kajian akan disambung melalui bab seterusnya iaitu perbincangan terhadap kajian lepas atau kajian literatur.

BAB III

SOROTAN LITERATUR

3.1 Pengenalan

Bab ini akan membicarakan mengenai sorotan literatur bagi mengembangkan kerangka daripada tujuan penelitian. Tinjauan ini bermula dengan kajian terhadap bidang yang lebih luas dalam keusahawanan seperti proses keusahawanan. Seterusnya perbincangan akan menjurus kepada bidang pendidikan keusahawanan yang lebih khusus, halangan keusahawanan dan niat keusahawanan. Pada bahagian ini kajian akan meninjau isu-isu yang lebih relevan seperti perspektif sejarah keusahawanan dan proses keusahawanan. Selain itu, bab ini akan membuat sebuah tinjauan yang mendalam mengenai pendidikan keusahawanan, menggambarkan model pendidikan keusahawanan, halangan keusahawanan serta niat keusahawanan.

3.2 Perspektif Sejarah Keusahawanan

Istilah keusahawanan telah wujud sejak abad ke-12. Istilah ini bermula daripada istilah Perancis iaitu *entreprendre* yang bermaksud melakukan sesuatu yang berbeza (Long, 1983) dan istilah Jerman *unternehmen*, yang bermaksud berusaha (Cunningham & Lischeron, 1991). Perkataan keusahawanan telah didokumentasikan pada abad ke-14 (Hoselitz, 1960). Istilah moden daripada keusahawanan telah digunakan ketika abad ke-18 dalam tulisan Richard Cantillion (1755). Konsep

keusahawanan yang dalam literatur telah muncul dalam pelbagai disiplin ilmu dan pandangan terutama dalam bidang ilmu ekonomi.

Pada pertengahan tahun 1700-an, seorang ahli ekonomi keturunan Perancis, Cantillion (1755) mendefinisikan keusahawanan sebagai spekulator yang mencari keuntungan dengan cara membeli pada harga tertentu dan menjualnya pada harga yang tidak tentu, atau lebih tinggi daripada harga yang dibeli. Sementara itu, pada awal 1800-an pula, Say (1803), telah memperluas konsep keusahawanan dengan memasukkan kemahiran pengurusan dan kualiti lainnya seperti kemampuan membuat keputusan dan kegigihan untuk menciptakan nilai ekonomi. Pada pertengahan 1800-an pula, ahli ekonomi Mill (1848) menyatakan bahawa faktor yang dapat membezakan seorang usahawan ialah mereka lebih daripada seorang kapitalis yang sanggup menghadapi risiko dalam pengelolaan atau operasional harian daripada usahanya. Ahli ekonomi Inggeris Marshall (1930), menyebut fungsi keusahawanan sebagai penyedia inovasi bagi keberkesanan dan proses kemajuan yang terus terjadi.

Knight (1921), penyumbang dari Amerika Syarikat yang pertama dalam teori keusahawanannya, menyatakan perbezaan yang terdapat dalam risiko, seperti situasi yang tidak tentu dan ketidakpastian yang selalu ada. Ini memberi gambaran bahawa usahawan ialah seseorang yang sanggup menanggung semua ketidakpastian, membuat keputusan serta bertanggungjawab dalam semua hal yang berkaitan dengan usahanya. Schumpeter (1934) melihat usahawan merupakan agen utama dalam perkembangan ekonomi, seorang inovator yang sanggup mencuba kombinasi baharu sumber daya untuk menghasilkan produk-produk baharu, metod baharu, segmen pasaran baharu, sumber baharu, modal dan syarikat baharu daripada pelbagai industri. Kirzner (1973,

1977), seorang ekonomi daripada Austria, menitikberatkan kepada kewaspadaan, dan menyatakan bahawa peranan usahawan adalah sebagai *arbitrageur* yang gigih menciptakan inovasi dengan cara menemukan dan memanfaatkan peluang-peluang yang berpotensi. Casson (1982) mencuba untuk mengembangkan teori keusahawanan yang berhubungan antara satu sama lain iaitu pengembangan ekonomi dengan penekanan pada koordinasi sumber daya dan pengambilan keputusan.

Drucker (1996) menyatakan usahawan merupakan semangat, sikap, perilaku, kemampuan seseorang dalam menangani usaha yang mengarah kepada usaha mencari, menciptakan, menerapkan, cara kerja, teknologi, dan produk baharu dengan meningkatkan keberkesanan dalam rangka memberikan layanan yang lebih baik dan memperoleh keuntungan yang lebih besar. Keusahawanan merupakan proses yang mempunyai risiko tinggi untuk menghasilkan nilai tambah produk yang bermanfaat bagi masyarakat dan mendatangkan kejayaan bagi usahawan.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa keusahawanan adalah usaha untuk menciptakan nilai dengan peluang perniagaan, berani mengambil risiko dan melakukan komunikasi serta keterampilan melakukan mobilisasi agar cadangan boleh dilaksanakan dengan baik. Kajian Pekerti (1999) menyatakan bahawa usahawan merupakan individu yang menjadi pengasas, mengelola, mengembangkan dan mendaftarkan perusahaan miliknya sendiri dan individu yang boleh menciptakan kerja untuk orang lain. Hadipranata (1999) menyatakan seorang usahawan merupakan individu yang sanggup mengambil risiko yang diperlukan untuk mengatur dan mengelolakan perniagaan serta menerima keuntungan kewangan mahupun ganjaran bukan material. Usahawan

ialah seorang yang sanggup mengambil risiko dalam perniagaan untuk memperoleh keuntungan.


3.3. Proses Keusahawanan

Proses keusahawanan meliputi semua tugas, kegiatan dan tindakan yang berkaitan dengan penemuan peluang-peluang usaha dan pembentukan syarikat supaya dapat memanfaatkan peluang itu. Ini bermakna proses keusahawanan ialah berbincang mengenai faktor-faktor yang menyebabkan perusahaan baharu terbentuk dan bagaimana faktor-faktor itu berperanan dalam pembentukan perusahaan baharu tersebut. Sejajar dengan itu, sebuah model proses keusahawanan dapat menunjukkan faktor-faktor yang menyebabkan sebuah perusahaan baharu wujud dan bagaimana faktor-faktor tersebut memainkan peranan semula jadi dalam perusahaan itu. Sebuah model proses keusahawanan yang cukup sederhana telah dikemukakan oleh Carol Moore (Pearce & Robinson, 1986) dalam Rajah 3.1.

Proses keusahawanan ini meliputi proses inovator yang mengemukakan idea untuk diperhatikan sebagai peristiwa pencetus, dilanjutkan dengan mengembangkan idea untuk pelaksanaan membuat produk-produk baharu. Proses ini meliputi kreativiti dan inovasi (Pearce & Robinson, 1986).

Rajah 3.1

Model Proses Keusahawanan



Sumber : Carol Moore (Pearce & Robinson, 1986)

Model Moore yang ditunjukkan dalam Rajah 3.1, akan membahagikan proses pembentukan perusahaan kepada empat tahap, iaitu tahap inovasi, peristiwa pencetus, tahap pelaksanaan dan tahap pertumbuhan. Boleh dikatakan bahawa permulaan perusahaan itu berlangsung hanya dalam tiga tahap pertama kerana tahap pertumbuhan mungkin lebih tepat dikatakan sebagai tahap selepas permulaan.

Rajah 3.1 menunjukkan bahawa Moore (Pearce & Robinson 1986) menggolongkan semua faktor yang menghasilkan kewujudan sebuah perusahaan baharu kepada tiga

kelompok, iaitu kelompok faktor peribadi, kelompok faktor persekitaran, dan kelompok faktor sosiologi. Rajah 3.1 memperlihatkan juga bahawa pada kelompok faktor organisasi ikut serta berperanan walaupun hanya pada tahap pertumbuhan (tahap pascapemulaan) semata-mata. Sementara itu, faktor-faktor yang termasuk ke dalam kelompok-kelompok lain berperanan pada semua empat tahap tersebut.

Model proses keusahawanan Moore dibentuk berdasarkan pandangan bahawa proses untuk memulakan perusahaan baharu bermula dengan seseorang yang telah menemukan gagasan mengenai usaha baharu dengan inovasi. Gagasan tersebut mungkin tercetus secara kebetulan atau melalui pencarian yang sengaja. Untuk menjadikan gagasan tersebut sebagai perusahaan baharu maka perlu ada tindakan yang berterusan. Persoalan apakah gagasan tersebut dilaksanakan atau tidak bergantung kepada beberapa faktor, seperti pilihan kerjaya yang terbuka kepada bakal keusahawanan, tanggungjawabnya kepada keluarga, ketersediaan sumber daya, sokongan keluarga dan teman-teman, ketersediaan modal perniagaan, keadaan umum perekonomian, dan lain-lain seperti ditunjukkan pada Rajah 3.1.

Bygrave (1997) menyatakan bahawa 90 peratus daripada perusahaan-perusahaan berpotensi tinggi yang baharu, didirikan di industri-industri yang sama atau berkaitan erat dengan industri usahawan yang bersangkutan dengan pengalaman sebelumnya. Hal ini disebabkan oleh peristiwa atau kejadian yang menjadikan bakal usahawan memutuskan untuk meninggalkan pekerjaannya yang lama. Pada masa yang sama, seseorang individu akan membentuk syarikat supaya dapat bertindak lebih lanjut dalam gagasan/peluang usaha yang ditemuinya dan beralih menjadi seorang usahawan.

Robinson (1986) menyebutkan bahawa ada kemungkinan untuk menjadi seorang usahawan merupakan pilihan kerjaya yang sengaja bagi seseorang. Jika demikian halnya, pendidikan dan pekerjaan yang dipelajari dan dipraktikkan sesudah menamatkan pelajaran akan dipilih dengan cermat berdasarkan kesesuaiannya mempersiapkan diri sebagai seorang usahawan. Namun, ramai juga individu yang memutuskan untuk meninggalkan pekerjaan mereka sekarang dan beralih menjadi usahawan kerana faktor kebosanan melakukan pekerjaan yang dijalankan sekarang (Bygrave, 1997). Hal yang dapat mempengaruhi seseorang untuk memulakan kerjaya sebagai usahawan adalah faktor-faktor seperti peribadi, sosiologi, dan persekitaran, seperti ditunjukkan oleh model proses keusahawanan Moore pada Rajah 3.1.

Proses keusahawanan tidaklah sesusah dan semudah yang digambarkan dalam definisi. Halangan terbesar ialah pada tahap memulakan perniagaan iaitu mengasaskan usaha serta menjaga supaya usaha yang dibangunkan itu dapat bertahan terutama pada tiga tahun pertama. Biasanya pada masa ini, semua impian indah yang digambarkan oleh seorang usahawan yang berjaya belum lagi dapat diraih. Proses pengasaan perniagaan baru menuntut kepercayaan diri yang tinggi dan ketahanan diri yang kuat. Tekanan sosial psikologi pada tahap ini juga sangat besar. Semua itu memerlukan kematangan peribadi pada usahawan, agar mampu mengharungi masa-masa kritikal ini dengan baik (Hidayat, 2000).

Proses keusahawanan selanjutnya juga tidak kurang susahnya, iaitu halangan persaingan dan perubahan pada masyarakat yang sentiasa menghantui kelancaran usaha. Menurut Hidayat (2000), hal itu mewujudkan pelbagai tekanan psikologi yang berat, justeru menuntut usahawan untuk mampu menghadapinya dengan baik.

Di samping itu, kemampuan dalam membangunkan jaringan, berkomunikasi dan meyakinkan orang lain, berhati-hati dalam membaca peluang usaha adalah di antara kapasiiti-kapasiiti peribadi yang diperlukan daripada seorang usahawan. Motif berprestasi tinggi dan ketahanan diri yang disertai kemampuan komunikasi juga kemampuan interpersonal lainnya, serta kemampuan pengurusan sangat memainkan peranan penting pada tahap ini. Tahap ini terasa lebih mudah daripada tahap sebelumnya, kerana usahawan mula mendapatkan maklum balas dalam bentuk pendapatan dan penerimaan masyarakat. Semakin besar maklum balas yang didapatinya, semakin kuat kecenderungan individu untuk terus mengelola, mengembangkan dan membentuk usahanya sehingga berjaya.

3.4. Pendidikan Keusahawanan

Pembentukan budaya keusahawanan merupakan salah satu pendekatan yang melalui proses pendidikan. Choueke dan Amstrong (1988) menyatakan bahwa terdapat 7 (tujuh) fungsi sosial pendidikan iaitu (1) pengajar kemahiran, (2) mentransmisikan budaya, (3) mendorong adaptasi kawasan, (4) membentuk kedisiplinan, (5) mendorong bekerja kelompok, (6) meningkatkan perilaku etika, dan (7) memilih bakat dan memberi penghargaan prestasi.

Sementara itu, faktor-faktor seperti kealamian,perkaitan, isi dan ketepatan pendidikan keusahawanan telah menjadi sumber utama dalam pengembangan penelitian pada masa kini (Block & Stumpf, 1992; Gorman *et al.*, 1997; Young, 1997; Kolvereid & Moen, 1997). Ini secara khususnya, menglibatkan model yang melibatkan tiga tahap evolusi pendidikan keusahawanan yang telah diusulkan dan menjadi dasar

pengembangan (Harrison dan Leitch, 1994). Pertama, pendekatan karakteristik pendidikan keusahawanan secara sederhana adalah sebagai subset daripada pendidikan pengurusan umum. Kedua, sebagai reaksi atas hal ini, seiring dengan pentingnya keusahawanan dan menjadi tumpuan dalam perdebatan akademik, merupakan perdebatan yang menyatakan bahawa pendidikan keusahawanan (khususnya pendidikan dan pengembangan usaha kecil) harus berbeza secara kualitatif dengan pendidikan dasar pengurusan perusahaan konvensional besar yang biasanya juga berbeza dalam permasalahan, syarikat dan konteksnya (Vesper, 1982; Fillion, 1991). Ketiga, dalam evolusi pendekatan pendidikan keusahawanan telah muncul rekonseptual di lapangan yang sebahagiannya berdasarkan kepada faktor penarik terhadap sifat dan peranan pemimpin dalam struktur syarikat yang berubah-ubah, yang memberikan dasar atas reintegrasi pendidikan pengurusan dan pendidikan keusahawanan.

Menurut Rae-Dupree (2001) *“Dua puluh lima tahun yang lalu, terdapat ramai para jurutera bekerja untuk negara atau pemerintahan atau perusahaan besar, dan mereka mengutamakan kemahiran teknikalnya. Namun sekarang, ramai jurutera bekerja untuk perusahaan kecil yang baru bermula. Syarikat seperti ini lebih mencari kemahiran teknikal, mereka berharap pegawai-pegawai boleh berperanan sebagai usahawan dalaman (intrapreneur) dan dapat memberikan idea serta inovasi dalam membentuk sebuah perniagaan”*.

Saboe, Kantor, dan Walsh (2002) mencadangkan kursus keusahawanan juga perlu diperkenalkan di peringkat sekolah menengah sebagai permulaan dalam salah satu usaha untuk meningkatkan perhatian pelajar dalam kelas dan membantu mereka

mendirikan perniagaan mereka sendiri serta memperolehi keselesaan dari segi kewangan. Oleh itu, beberapa institusi pendidikan telah mengajar matapelajaran keusahawanan di luar waktu sekolah yang meliputi bidang perniagaan, termasuk bidang teknik (Rae-Dupree, 2001), seni (Gose, 1997), ilmu Geografi, Tanah dan Persekitaran (Maguire & Guyer, 2004), dan Kejururawatan (Dickerson & Nash, 1999). Shinnar (2009) telah menulis bahawa dalam sekolah kejururawatan, pendidikan keusahawanan dapat mempersiapkan pelajar dalam perkembangan yang melibatkan hubungan antara kejururawatan dan perniagaan, seperti pengurusan klinik perjalanan, yang menawarkan imunisasi dan maklumat perubatan. Sementara itu, pelajar dalam bidang seni contohnya, memberikan hasil yang baik dan memberikan perhatian utama pada orientasi industri seperti muzium, komersial galeri, studio rakaman, pengurusan artis, latihan kemahiran dan orientasi kerjaya perniagaan lainnya. Sebagai tambahan, Mangan (2004) mengidentifikasikan usaha yang berterusan untuk memperkenalkan pendidikan keusahawanan dalam jabatan sejarah dan sekolah-sekolah muzik.

Melalui usaha memperluaskan pendidikan keusahawanan melalui sekolah perniagaan, pendidik dapat mempersiapkan para pelajar dengan lebih baik bagi menghadapi perubahan terhadap pasaran kerja. Smith (2003) mengandaikan bahawa persiapan pelajar akan menjadi semakin penting kerana peneliti mengantisipasi sebuah masa hadapan dunia perniagaan didominasi oleh usaha kecil dan ini membuka peluang bagi usahawan baharu. Di samping itu, kerjasama yang melibatkan disiplin dapat memajukan pendidikan keusahawanan menjadi lebih berpotensi untuk menguatkan kemahiran kerjasama antara pelajar, mewujudkan fikiran yang lebih inovatif, berani mengambil risiko dan mengembangkan orientasi kejayaan yang membuat pelajar

lebih fokus untuk menjadi profesional serta bagi memasuki dunia pekerjaan (Bell-Rose & Mariotti, 2004).

Seperti yang dinyatakan dalam kajian-kajian sebelumnya, pendidikan keusahawanan akan menjadi lebih penting di seluruh dunia. Pada masa yang sama kajian keusahawanan terus berkembang dan dapat diterima di dalam masyarakat saintifik. Namun hanya sedikit kajian dilakukan mengenai isu-isu pendidikan atau pengajaran dalam bidang keusahawanan. Sementara itu, sedikit juga penyelidik yang memfokuskan kajian mereka dan sumberdayanya pada subbidang daripada pendidikan keusahawanan. Situasi ini menjadi masalah dan berbahaya kepada keusahawanan baik pada objek kajian dan kawasan pengajaran. Pendidikan keusahawanan dapat di lihat melalui sebahagian yang besar daripada kepelbagaian dari konteks, sudut pandangan, pengguna, tujuan dan metod yang digunakan. Hal ini seolah-olah sangat penting untuk dimasukkan kepada pemboleh ubah dalam kajian pendidikan keusahawanan (Fayolle, 2009).

3.5 Model Pendidikan Keusahawanan

Dalam kajian mengenai hubungan antara pendidikan dan keusahawanan, Gibb (1987) dapat membezakan situasi pembelajaran di kelas dengan dunia nyata daripada persekitaran pembelajaran keusahawanan. Beliau menyatakan bahawa penekanan belajar di berbagai-bagai badan pendidikan dan sekolah-sekolah perniagaan adalah terlalu ramai. Dalam kenyataannya, keusahawanan berfokus pada masa sekarang dengan sedikit masa untuk analisis kritikal. Masa paling banyak digunakan untuk membahaskan masalah-masalah dan belajar melalui pengalaman dan pekerjaan yang

dijalankan. Situasi kelas terlalu bergantung pada autoriti dan dalam dunia nyata para usahawan harus mengendalikan validiti pengetahuannya dan nilai personal yang dimilikinya.

Meskipun begitu, berkenaan dengan pendidikan keusahawanan, Gibb (1987) menyebutkan bahawa proses pemindahan pengetahuan adalah sedikit antara pensyarah dan usahawan. Selain itu, tidak jelas juga diketahui bagaimana cara yang lebih disukai oleh para peserta program pendidikan keusahawanan dalam pembelajaran. Pada masa ini penekanan dalam kaedah pendidikan keusahawanan adalah untuk ke arah pendekatan yang bersifat aktif, walaupun tidak penting menurut penilaian teori. Contohnya, Fiet (2000a) yang menyokong bahawa penglibatan dalam pengajaran keusahawanan harus ada peningkatan dalam kandungan teori mata pelajarannya. Sekiranya ingin mengembangkan kemahiran kognitif dalam membuat keputusan keusahawanan yang lebih baik, ianya boleh dicapai melalui pelbagai aktiviti yang berdasarkan kepada teori (Fiet, 2000b).

Model pendidikan keusahawanan tidak hanya mempertimbangkan isi daripada program pendidikan keusahawanan sahaja. Namun konteks program tersebut yang dijalankan oleh fasilitator/pensyarah dan pendekatan yang digunakan (Pretorius, 2000a) juga perlu diambil kira. Model ini mengenal pasti 5 konsepsi yang relevan bagi pendidikan keusahawanan dalam peningkatan dan pertumbuhan usaha baru dan juga mengindikasikan relevansi konteks program. Fokusnya selama pengembangan ini adalah untuk meningkatkan “usaha baharu” dan diharapkan hasilnya melalui institusi pendidikan (Pretorius, 2001).

Konsepsi daripada model pendidikan keusahawanan meliputi:

- a. Kisah kejayaan keusahawanan (Gartner *et al.*, 1999; Timmons, 1999).
- b. Pengetahuan dan kemahiran berniaga (Gartner *et al.*, 1999; Harris, 1994).
- c. Penggunaan rancangan perniagaan (Brush *et al.*, 1995; Timmons, 1999).
- d. Pendekatan pembelajaran (Mayfield dan Weaver, 1997; Ulrich dan Holman, 2000).
- e. Fasilitator/pensyarah (McMinn, 2000; Nonis dan Hudson, 1998), dan
- f. Konteks program (Gartner *et al.*, 1999; Harris, 1994).

Setiap konsep akan dijelaskan secara lebih terperinci untuk membolehkan sekumpulan subelemen (konsep) yang menyokong konsepsi dan boleh diperjelaskan pada Jadual 3.1.

Jadual 3.1

Model Pendidikan Keusahawanan

Konsep Dasar	Model Pendidikan Keusahawanan Menurut Pretorius (2001)
Bahan Keusahawanan	Syarat daripada konteks menetapkan isi program. Satu syarat yang dihasilkan adalah permulaan daripada sebuah usaha.
Motivasi (M)	Sebagai sebuah konsep yang terpisah tetapi termasuk sebahagian daripada elemen kemahiran keusahawanan

Kemahiran Keusahawanan (E/S)	Mempertimbangkan; komitmen; kepemimpinan peribadi /individu; obsesi peluang; toleransi terhadap risiko dan ketidakpastian; kreatifiti; inovasi.
Kemahiran Perniagaan (B/S)	Sama kecuali bahawa rancangan usaha merupakan sebuah konsep yang terpisah tanpa kepemimpinan dan inovasi
Pendekatan yang digunakan untuk memindahkan Pengetahuan dan kemahiran	Mempertimbangkan keduanya: keterlibatan daripada pelajar dalam proses belajar; dan variasi daripada pendekatan yang digunakan.
Fasilitator (F) / Pensyarah	Mempertimbangkan; pengalaman praktikal yang dimiliki; bagaimana menggunakan kekuatan pemikiran; menjalani jalur keusahawanan; pemanfaatan latihan kemahiran; pendekatan multidisiplin dan pemikiran.
Penggunaan rancangan perniagaan (B/P)	Mencakupi bagaimana rancangan perniagaan digunakan dengan: persiapan; presentasi; pertahanan; pelaksanaan.
Gambaran kontekstual	Mempertimbangkan; pengalaman sebelumnya; tahap pendidikan minimum; hasil daripada program; keperluan daripada kelompok sasaran; alasan untuk penyertaan.

Sumber : Pretorius (2001)

Bagi membolehkan sesebuah program perkembangan pendidikan keusahawanan menjadi lebih efektif, pembelajaran harus berdasarkan pada situasi dunia yang nyata sehingga pelajar lebih mudah untuk mengimplementasikan apa yang telah mereka pelajari. Berasaskan atas keyakinan memotivasikan usahawan dengan itu memerlukan lebih banyak fleksibiliti dalam pembelajarannya. Oleh itu Sexton dan

Bowman-Upton (1991) berharap supaya lebih banyak percubaan dilakukan dalam pendidikan keusahawanan walaupun menggunakan pendekatan yang tidak terstruktur. Kasali (2005) menyatakan bahawa dalam pendidikan keusahawanan terdapat beberapa langkah penting yang perlu diambil kira. Antaranya seperti berikut :

a. Mengetahui Minat, Motivasi, dan Tujuan Belajar daripada Pelajar

Dalam proses pendidikan perlu ada pengertian bahawa pensyarah melayani keinginan dan keperluan pelajar. Oleh itu, dalam proses belajar-pembelajaran harus memiliki karakteristik untuk melayani keinginan dan keperluan pelajar, bukan transformasi pengetahuan berdasarkan kehendak universiti dan juga pensyarah. Jika bahan yang dipelajari pelajar sesuai dengan minat, motivasi dan tujuan belajar mereka, maka ia akan boleh menimbulkan minat yang mendalam untuk belajar, kreativiti berfikir, dan karya pelajar. Meskipun hasil belajar bukan merupakan tujuan utama pendidikan, tetapi yang penting ialah untuk mengetahui input belajar bagi seseorang pelajar/individu. Oleh itu, tujuan daripada langkah pertama ialah mengetahui hasil belajar daripada pelajar, iaitu berdasarkan peribadi yang mereka inginkan.

b. Mengetahui Persiapan Pelajar Baik dari Segi Mental atau pun Pengetahuan

Persiapan pelajar perlu diketahui sebagai dasar penentuan strategi mahupun bahan yang digunakan dan bersesuaian dengan persiapan yang ada pada diri pelajar atau sebaliknya. Oleh yang demikian ia boleh memberikan dorongan dan rangsangan kepada pelajar sesuai dengan kemampuan yang ada di dalam diri seseorang pelajar.

c. Mengetahui Bakat Pelajar

Bakat seseorang pelajar sangat berbeza. Oleh itu, penting untuk mengetahui bakat seorang pelajar supaya dapat dikembangkan dan memberi manfaat dalam kehidupannya. Melalui usaha menyatukan bakat dan pengetahuan yang akan dipelajari pelajar tersebut, ini dapat membantu pelajar untuk belajar dengan lebih gigih/tekun sehingga hasil belajar pelajar yang optimum boleh dicapai. Pengetahuan tentang minat, motivasi atau tujuan belajar, bakat dan persiapan pelajar sangat membantu pensyarah untuk merancang bahan dan strategi belajar dalam pembelajaran. Jika minat, motivasi, tujuan belajar, dan kemampuan pelajar diketahui secara individu, dan ini memungkinkan wujudnya kelas yang homogen. Dengan terciptanya kelas homogen ini diharapkan dapat memudahkan penciptaan suasana, prasarana, dan perlakuan dalam proses belajar dan mengajar.

d. Menentukan Strategi Belajar dan Pembelajaran

Andaian bahawa potensi, keperluan dan minat belajar setiap individu berbeza, adalah perlu dalam merangka strategi yang tepat serta mengutamakan cara belajar persendirian meskipun model tutorial juga diperlukan. Tutorial diperlukan hanya untuk memberikan kerangka dasar pemikiran dan pengetahuan dasar yang diperlukan pelajar. Selanjutnya, penggunaan kaedah persoalan dan penemuan serta pemecahan masalah lebih diutamakan. Hal ini boleh menanamkan sikap rajin, tekun, boleh mencari penyelesaian, berani mengambil risiko, mengetahui dunia nyata yang serba tidak menentu, boleh mengendalikan perusahaan dan menemui peluang daripada perubahan tersebut dan kesemuanya itu diperlukan bagi seorang usahawan. Oleh itu, para pelajar lebih didedahkan kepada permasalahan baik dari segi teoritikal mahupun keadaan sebenar agar mereka

dapat mencari penyelesaian yang paling baik meskipun risikonya cukup besar. Risiko besar ini sering menyediakan peluang untuk memberikan keuntungan yang besar. Sifat-sifat hidup seperti ini yang harus ditanamkan kepada diri pelajar untuk menanamkan sikap positif terhadap keusahawanan.

Kasali (2005) menyatakan bahawa tugas pensyarah lebih banyak sebagai fasilitator (mentor), mengawasi, dan mengarahkan pelajar untuk belajar. Perdebatan mengenai masalah harus diarahkan kepada pengambilan keputusan yang berupa penyelesaian masalah, kesimpulan serta langkah yang harus diambil. Permasalahan yang dihadapi oleh para pelajar seharusnya dapat mewujudkan ciri-ciri keusahawanan dalam diri mereka, perilaku kognitif pengetahuan sehingga ada manfaatnya bagi hidup iaitu timbulnya rasa percaya diri, mampu melihat permasalahan kini dan masa hadapan, mampu melihat peluang-peluang yang boleh dimanfaatkan, serta mampu menciptakan hal-hal yang baharu. Dalam proses pembelajaran, perlu menekankan pada proses belajar secara individu/persendirian. Tujuan belajar seperti ini, setidaknya-tidaknya berfungsi untuk mencambahkan kreativiti berfikir, menanamkan kepercayaan diri, memberi keterampilan memecahkan permasalahan dan mengambil keputusan, membiasakan menemukan peluang dan masa hadapan, meskipun adanya ketidakpastian, mewujudkan jiwa inovatif, serta menimbulkan sikap berani menanggung risiko. Keseluruhan watak peribadi ini harus ada dalam diri pelajar. Watak-watak tersebut yang diperlukan untuk melahirkan seorang usahawan.

3.6 Halangan Keusahawanan

Shepherd dan Douglas (1997) berpendapat bahawa niat menjadi seorang usahawan berkaitan dengan sikap seseorang dalam memandang kebebasan dan risiko. Bagi yang mempunyai hasrat tinggi untuk menjadi seorang usahawan, semestinya memiliki sikap yang lebih positif melihat risiko. Begitu juga sebaliknya, jika niatnya agak kurang, maka akan melihat risiko dengan pandangan negatif. Robertson *et al.* (2003), dalam kajian mereka mengenai cabaran keusahawanan di United Kingdom (UK) menyatakan bahawa faktor-faktor yang menjadi penghalang seseorang untuk menjadi usahawan ialah perasaan takut berhutang, takut gagal, kesukaran memperoleh modal, regulasi dan cukai.

Faktor modal atau ekonomi juga sering dijadikan alasan untuk memulakan keusahawanan. Faktor modal saja belum cukup untuk melakukan keusahawanan. Kemampuan menganalisis kelebihan dan kekurangan diri sendiri, kepercayaan diri, inisiatif, serta kreativiti merupakan langkah awal untuk menjalankan suatu usaha, dan perlu diingat bahawa menjadi usahawan merupakan pekerjaan yang penuh risiko. Kemampuan dan ketahanan seseorang dalam menghadapi risiko dipengaruhi oleh sifat-sifat yang ada dalam dirinya (Sutjipto, 2002)

Robertson *et al.* (2003) dalam kajian mereka mendapati terdapat 22 peratus pelajar tidak akan memulakan niat untuk menjadi seseorang usahawan kerana mereka tidak memiliki idea perniagaan dan kesempatan. Di samping itu, pelajar juga tidak memiliki pengalaman kerja untuk memulakan usahanya menjadi seorang usahawan.

Apatah lagi, dalam kajian tersebut menjelaskan bahawa pelajar juga menganggap risiko kewangan sebagai halangan untuk memulakan sebuah usaha.

Kristiansen dan Indarti (2004) menegaskan bahawa akses terhadap modal merupakan masalah nyata yang menghalang usaha untuk memulakan suatu perniagaan baharu. Ini berlaku terutamanya dalam keadaan ekonomi yang berkembang dan kemudahan kredit serta institusi pemberi modal masih lemah peranannya. Di samping itu, kurangnya akses terhadap modal dan kredit serta rintangan kewangan dinilai oleh usahawan berpotensi sebagai halangan utama dalam melakukan inovasi perniagaan dan pengembangan ekonomi. Secara lebih mendalam, Kristiansen dan Indarti (2004) juga menyebutkan bahawa kegigihan dalam mencari maklumat merupakan salah satu karakteristik utama seseorang usahawan. Maklumat perniagaan yang berhubungan erat dengan kejayaan meliputi pemasaran, sumber input, teknologi, rekaan, dan peraturan kerajaan.

Perkembangan keusahawanan di Indonesia masih banyak menghadapi halangan-halangan yang cukup kuat. Ini kerana masih rendahnya kualiti atau mutu sumber daya manusia, modal sosial bangsa dan perekonomian Indonesia semakin buruk akibat pasca krisis kewangan pada akhir tahun 90-an. Hutang kerajaan semakin bertambah dan aset-aset strategik sudah banyak yang berpindah tangan, konsesi-konsesi pertimbangan sudah mulai dikuasai oleh pihak asing, serta hutan tidak banyak bermanfaat kerana semakin banyaknya kegiatan pembalakan haram (Sakur, 2006).

Menurut Choo dan Wong (2006), kondisi ekonomi yang buruk umumnya dianggap sebagai faktor terbesar yang menghambat wujudnya perniagaan baharu. Sementara itu, halangan berikutnya ialah rasa takut mengambil risiko yang juga cukup besar. Benzing *et al.*, (2005) menunjukkan bahawa masalah utama yang dihadapi para usahawan di Vietnam ialah tingginya tingkat persaingan, tenaga kerja yang kurang mahir serta tidak mampu memberikan modal jangka pendek dan jangka panjang. Namun begitu, terdapat perbezaan antara usahawan di daerah utara dan selatan Negara Vietnam. Usahawan di bahagian selatan negara Vietnam menilai persaingan merupakan masalah terbesar bagi para usahawan. Manakala di bahagian utara Vietnam, para usahawan menilai faktor halangan usahawan adalah peraturan pemerintah, tempat, dan masalah keamanan. Ini memperlihatkan bahawa usahawan di daerah Vietnam utara kurang memiliki kemahiran pengurusan dan pemasaran yang memadai, serta kurang berpengalaman berbanding dengan usahawan di daerah selatan.

Penelitian di dalam bidang proses keusahawanan secara garis besar menganalisis motivasi yang menyokong seorang usahawan memulakan perniagaan baharu. Namun, masih sangat sedikit kajian empirikal yang dijalankan untuk menilai cabaran, baik cabaran yang nyata mahupun yang dipersepsikan, yang menyebabkan calon usahawan gagal memulakan usahanya. Oleh itu, adalah benar jika individu menganggap halangan itu berbeza-beza dari segi tahapnya sesuai dengan niat keusahawanan yang dimilikinya (Choo & Wong, 2006).

Wibawani dan Harpowo (2009) pula menyatakan bahawa halangan yang utama bagi pelajar di Indonesia ialah modal yang terhad (minima) dan kurangnya pengalaman. Hal ini mempunyai kaitan dengan kemampuan pelajar mencari bantuan modal, baik daripada keluarga, kerabat ataupun rakan. Aktiviti yang banyak antara kuliah dan berusaha membuat keluarga kurang yakin akan kemampuan mereka dalam bidang berniaga, sehingga tidak semua pelajar mampu memperolehi pinjaman modal. Meminjam wang daripada keluarga seringkali dianggap mempunyai risiko yang lebih rendah berbanding meminjam daripada pihak lain. Berdasarkan 5 orang pelajar yang sudah menjalankan perniagaan didapati bahawa sebanyak 60 peratus menghadapi masalah untuk mendapatkan modal, manakala 40 peratus lagi mempunyai halangan dari segi pengalaman.

3.7 Niat Keusahawanan

Niat menurut Fishbein dan Ajzen (1975) merupakan komponen dalam diri individu yang membawa kepada keinginan untuk melakukan tingkah laku tertentu. Niat didefinisikan sebagai dimensi kemungkinan subjektif individu dalam kaitan antara diri dan perilaku.

Niat adalah bahagian penting teori yang bertindak dengan alasan (*Theory of reasoned action*) Fishbein dan Ajzen (1975). Niat merupakan penentu kepada kejayaan daripada perilaku kerana saling melengkapi antara sikap dan perilaku. Niat juga dipandang sebagai faktor yang paling dekat yang boleh mempengaruhi individu untuk melakukan tindakan perilaku. Oleh itu, niat boleh dipandang sebagai hal yang khusus

daripada keyakinan yang objeknya berkaitan individu dan atribusinya selalu perilaku (Fishbein & Ajzen, 1975).

Aspek niat merupakan aspek-aspek yang menyokong individu supaya mempunyai keyakinan dan pengendalian diri. Terbentuknya perilaku boleh diterangkan dengan teori tindakan beralasan yang mengandaikan manusia agar selalu mempunyai tujuan dalam berperilaku (Fishbein & Ajzen, 1975). Teori ini menyebutkan bahawa niat adalah fungsi daripada tiga faktor dasar iaitu:

- a. Keyakinan diri (perilaku) merupakan asas bagi pembentukan norma objektif. Sikap terhadap perilaku boleh dilihat dalam dua aspek pokok, iaitu: keyakinan individu dan aspek pengetahuan individu tentang objek sikap. Semakin positif keyakinan individu akan akibat daripada status objek sikap, maka akan semakin positif pula sikap individu terhadap objek sikap tersebut. Demikian pula sebaliknya (Fishbein & Ajzen, 1975).
- b. Keyakinan normatif, iaitu keyakinan individu terhadap norma, individu di sekitarnya dan motivasi individu untuk mengikuti norma tersebut. Terdapat dua norma subjektif iaitu: keyakinan pada harapan dan harapan rujukan.
- c. Pengawasan diri merupakan asas bagi pembentukan kawalan perilaku yang diperlihatkan. Kawalan diri yang dipersepsi merupakan persepsi terhadap kekuatan faktor-faktor yang mempermudah atau menyukarkan sesuatu.

Shapero dan Sokol (1982) menyebutkan bahawa niat dalam berniaga dapat memberi tumpuan kepada sikap dan perkara yang berkaitan dengannya. Dalam kajian ini, mereka menegaskan bahawa niat seseorang dalam memulakan usaha baharu dipengaruhi oleh tanggapan faktor keinginan, kelayakan dan kecenderungan bertindak. Di samping itu, tanggapan selera, kelayakan dan kecenderungan tersebut bertindak sebagai faktor langsung dalam niat keusahawanan. Tanggapan keinginan (*perceived desirability*) didefinisikan sebagai faktor penarik seseorang individu dalam memulakan usaha. Manakala persepsi kelayakan adalah darjah seseorang yang merasakan mereka mampu memulakan suatu perniagaan dengan keyakinan diri (*self efficacy*).

Niat Keusahawanan merupakan keinginan dalam diri seseorang untuk melakukan aktiviti usaha yang bersifat persendirian dengan keberanian mengambil risiko. Niat yang tinggi dapat memberi kesedaran kepada bakal usahawan. Ini sangat bererti pada dirinya sehingga individu akan lebih banyak memberi perhatian dan lebih senang melakukan aktiviti keusahawanan. Niat dipengaruhi oleh adanya informasi yang cukup tentang perkara yang diminati. Informasi tentang keuntungan sebuah usaha, baik melalui media cetak ataupun elektronik dapat memberi maklumat kepada bakal usahawan bahawa usahawan memiliki prospek keuntungan yang sudah terbukti. Selain itu, munculnya niat terhadap sesuatu sangat dipengaruhi oleh bagaimana sikap masyarakat terhadap status keusahawanan. Sikap masyarakat terhadap martabat profesion sebagai usahawan membantu kecenderungan seseorang sama ada berminat atau tidak terhadap keusahawanan. Martabat sebagai usahawan yang tinggi akan menggerakkan orang lain untuk berniat menjadi seorang usahawan juga (McClelland, 1987).

Ancok (1992) menyatakan bahwa niat boleh didefinisikan sebagai keinginan seseorang untuk melakukan suatu hal yang berkaitan dengan perilaku. Niat merupakan sebuah istilah yang berkaitan dengan tindakan. Niat juga merupakan unsur yang mendorong pikiran seseorang untuk melakukan sesuatu sama ada boleh atau tidak boleh dijalankan pada masa hadapan. Niat memainkan peranan yang penting dalam mengarahkan tindakan. Misalnya menghubungkan antara pertimbangan yang mendalam yang diyakini dan diinginkan oleh seseorang dengan tindakan tertentu. Berdasarkan huraian di atas boleh disimpulkan bahawa niat merupakan kesungguhan seseorang untuk melakukan perbuatan atau menunjukkan suatu perilaku tertentu.

Davidson (1995) mendefinisikan niat sebagai keputusan untuk memulakan usaha baharu yang telah diandaikan dan dicadangkan beberapa masa sebelumnya dan kemudian diteruskan untuk melakukannya. Namun demikian, dalam beberapa situasi, niat itu timbul dalam masa yang singkat sebelum sesuatu keputusan sebenar muncul. Namun pada situasi lainnya niat itu tidak dapat mengarahkan individu untuk mewujudkannya. Oleh demikian, niat keusahawanan dianggap sebagai suatu hal yang dapat dijangkakan, walaupun tidak secara sempurna, namun seseorang individu mempunyai pilihan dalam meneruskan usahanya sendiri.

Santoso (1995) beranggapan bahawa niat merupakan hal-hal yang dianggap boleh menjelaskan faktor-faktor motivasi serta berpengaruh kuat kepada tingkah laku individu. Hal ini menjelaskan tentang setakat mana seseorang berusaha bersungguh-


sungguh dan seberapa banyak usaha yang dijalankan agar perilaku yang diinginkan boleh dilaksanakan. Seorang individu akan cenderung menjadi usahawan sekiranya kepuasan yang diharapkan daripada faktor kebebasan, risiko, kerja bersungguh-sungguh dan penghasilan lebih tinggi daripada bidang bukan keusahawanan (Shepherd & Douglas, 1997). Usahawan yang mempunyai potensi merupakan seseorang yang mampu mempersepsikan peluang usaha dan atau berniat memulakan suatu usaha baharu, tetapi belum mengambil langkah dalam memulakan usaha itu. Di samping itu, kemampuan melihat peluang dan ada niat keusahawanan merupakan ciri-ciri dan kunci bagi seorang usahawan yang berpotensi (Reitan, 1997).

Berdasarkan kenyataan di atas, Bandura (1997) menyatakan bahawa niat merupakan suatu tekad yang kuat untuk melaksanakan aktiviti tertentu atau menghasilkan suatu keadaan tertentu di masa hadapan. Niat menurutnya merupakan bahagian penting daripada regulasi diri individu yang didasari oleh motivasi seseorang untuk bertindak. Kreuger *et al.* (2000) menyatakan bahawa niat yang konsisten dan kuat dapat meramalkan masa depan perilaku. Manakala keusahawanan merupakan sebuah perencanaan perilaku dan model niat sangat berguna. Sikap mempengaruhi perilaku melalui kesan yang terdapat dalam niat. Niat juga bergantung pada situasi dan individu. Sutjipto (2002) menyatakan bahawa niat adalah gejala psikologi yang berkaitan dengan objek atau aktiviti yang mewujudkan perasaan senang dalam diri individu. Beliau menyebutkan bahawa niat merupakan pencetus kepada kecenderungan yang terarah secara intensif kepada sesuatu objek yang dianggap penting.

Niat keusahawanan yang timbul dalam diri seseorang mengalami beberapa langkah sebelum membentuk niat keusahawanan. Proses pembentukan niat keusahawanan (Kristiansen & Indarti, 2003) melalui beberapa tahap seperti dalam Rajah 3.2.

Rajah 3.2

Proses Pembentukan Niat Keusahawanan



Sumber: Kristiansen & Indarti, 2003

Faktor motivasi/dorongan mencapai sesuatu menyokong individu untuk berjaya. Individu yang memiliki kehendak tinggi untuk dicapai akan berani dalam mengambil keputusan yang mereka buat. Keinginan yang tinggi untuk berjaya dalam mencapai sesuatu akan membentuk kepercayaan diri dan bahagian kawalan individu tersebut. Pengendalian timbul daripada keyakinan individu terhadap sesuatu yang ada di luar dirinya. Pengendalian diri individu yang tinggi terhadap persekitaran dinamakan lokus kawalan dalaman. Manakala pengendalian diri individu yang rendah terhadap persekitaran dinamakan lokus kawalan luaran. Apabila bahagian kawalan dalaman

berperanan dalam diri individu, maka individu ini akan berani dalam mengambil keputusan serta risiko yang ada. Faktor selanjutnya yang terbentuk daripada kemampuan pengendalian diri individu adalah kejayaan individu itu sendiri. Menurut Bandura (1997) persepsi diri dan kemampuan diri berperanan dalam membangun intensiti. Individu merasa memiliki kepercayaan sendiri yang tinggi dan akan memiliki niat yang tinggi untuk kemajuan diri melalui keusahawanan.

Kristiansen dan Indarti (2003) mengemukakan bahawa niat keusahawanan dibentuk oleh tiga ciri sifat iaitu kehendak untuk pencapaian, lokus kawalan, dan kejayaan diri sendiri. Individu yang memiliki kemampuan menghadapi halangan akan memiliki kehendak untuk pencapaian, lokus kawalan, dan kejayaan diri sendiri yang tinggi sehingga berpotensi dalam keusahawanan. Seorang individu yang memiliki kecerdasan menghadapi rintangan diduga akan lebih mudah menjalani kerjaya sebagai seorang usahawan. Ini kerana mereka memiliki kemampuan untuk mengubah halangan menjadi peluang (Stoltz, 2000). Individu yang memiliki kecerdasan juga akan menghadapi cabaran seperti memiliki kemampuan untuk mengambil peluang usaha kerana mereka mampu menanggung risiko, orientasi pada peluang, memiliki inisiatif, kreativiti, kemandirian dan penguasaan sumber daya.

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi niat keusahawanan, iaitu:

- a. Persekitaran Keluarga – ibu bapa yang bekerja sebagai usahawan akan menyokong sifat berbakat, berprestasi dan bertanggungjawab. Sokongan ibu bapa ini, terutama bapa sangat penting dalam mengambil keputusan pemilihan kerjaya bagi anak. Penelitian Jacobowitz dan Vidler (Hirrich dan Peters, 1998),

mendapati bahawa 725 orang usahawan yang diteliti mempunyai seorang bapa atau orang tua yang relatif dekat dan juga orang tuanya merupakan seorang usahawan.

- b. Pendidikan - kepentingan pendidikan dikemukakan oleh Rahmawati (2000) yang mengatakan bahawa pakej pendidikan keusahawanan akan membentuk siswa untuk mengejar kerjaya sebagai usahawan. Pendidikan formal memberikan pemahaman yang lebih baik tentang proses keusahawanan. Sementara menurut Hisrich dan Peters (1998) pendidikan penting bagi usahawan. Pendidikan bukan hanya gelaran yang dimilikinya, namun pendidikan juga mempunyai peranan yang besar dalam membantu mengatasi masalah-masalah dalam peniagaan seperti membuat keputusan dalam pelaburan dan sebagainya.
- c. Nilai personal - dibentuk oleh motivasi dan optimisme individu. Penelitian Kristiansen dan Indarti (2003) mendapati bahawa tahap niat keusahawanan pelajar dipengaruhi oleh tinggi atau rendahnya kapasiti motivasi, pengendalian diri dan optimisme pelajar. Oleh demikian, nilai personal juga akan menentukan tahap niat keusahawanan seseorang.
- d. Usia - Roe (1964) mengatakan bahawa niat terhadap pekerjaan mengalami perubahan sejajar dengan usia, tetapi menjadi relatif stabil pada *post adolescence*. Penelitian Hartini (2002) terhadap sejumlah lelaki berusia 15 hingga 25 tahun tentang minat terhadap pekerjaan, menunjukkan bahawa minat berubah secara sedang dan cepat pada usia 15 hingga 25 tahun dan seterusnya sangat sedikit perubahannya mengikut perubahan usia.
- e. Jantina - sangat berpengaruh terhadap niat keusahawanan. Terdapat perbezaan terhadap pandangan pekerjaan antara lelaki dan wanita. Wanita menganggap

pekerjaan bukanlah hal yang penting. Ini kerana wanita masih berhadapan dengan tuntutan tradisional yang lebih besar menjadi isteri dan ibu dalam rumah tangga (Hartini, 2002).

Kajian yang dijalankan oleh Kennedy *et al.* (2003) menunjukkan bahawa menggunakan persepsi kelayakan, keinginan, dan norma subjektif dalam menjelaskan niat keusahawanan berlaku bagi pelajar tahun pertama daripada pelbagai kampus. Hasilnya dapat diketahui bahawa pengangguran merupakan penyebab seorang pelajar baik yang persepsi kelayakan dan minat yang tinggi mahupun rendah untuk memulakan usaha baharunya.

Niat keusahawanan lebih didorong oleh keinginan untuk berprestasi. Hal ini diungkapkan Priyono dan Soerata (2004), bahawa motif berprestasi lebih dominan daripada wang kerana wang hanya sebagai pengukur kepada keuntungan. Danuhadimedja (1998) menyebutkan bahawa motif berprestasi akan menjadi pendorong yang lebih kuat apabila adanya sokongan keluarga. Sebagai individu yang terdekat, sokongan daripada keluarga dapat memberikan kuasa yang besar untuk mewujudkan minat dalam keusahawanan.

Sumarsena, 2004 menyebutkan tiga aspek niat seseorang iaitu:

- a. Dorongan dari dalam untuk memenuhi keperluan diri, sebagai sumber penggerak untuk melakukan sesuatu,
- b. Keperluan untuk berhubungan dengan lingkungan sosialnya, yang akan menentukan posisi individu dalam lingkungannya, dan

- c. Perasaan individu terhadap suatu pekerjaan yang dilakukannya.

Linan, Rodriguez-cohard dan Rueda-cantuche (2005) menyebutkan bahawa dari sudut pandang psikologi, niat untuk menjadi usahawan telah digambarkan sebagai kayu ukur tunggal terbaik daripada perilaku sebenar. Jawapan untuk persekitaran luar ini akan bergantung kepada persepsi tentang kemungkinan tentang pilihan lain yang ada.

Ada dua bentuk ciri persepsi iaitu:

- a. Persepsi selera mengarah kepada darjah seseorang merasa tertarik atas perilaku yang ada (menjadi usahawan).
- b. Persepsi kelayakan ialah menegaskan sebagai darjah seseorang menganggap mereka secara personal mampu untuk melaksanakan perilaku tertentu.

Kehadiran daripada model peranan, mentor, atau pasangan akan menjadi elemen yang menentukan dalam membentuk tingkat kemungkinan keusahawanan individu. Kristiansen dan Indarti (2004) menyimpulkan bahawa darjah niat keusahawanan bagi pelajar Indonesia adalah lebih tinggi berbanding dengan pelajar Norway. Status sosial ahli perniagaan yang berjaya lebih tinggi, berbanding dengan orang yang bekerja di perusahaan apabila gaji biasanya rendah. Tingginya darjah niat keusahawanan pada pelajar Indonesia merupakan petanda positif yang berpotensi dalam pertumbuhan ekonomi di Indonesia. Audet (2002) menjelaskan bahawa persepsi pelajar atas ketertarikan dan kelayakan berniaga diukur sebelum dan sesudah mereka mengikuti pendidikan keusahawanan. Jadi, sangatlah logik mengandaikan bahawa perubahan persepsi akan juga mengarah kepada perubahan niat.

Menjadi usahawan, iaitu orang yang termasuk *self-employed* (melakukan pekerjaan sendiri) dengan memulakan, mengorganiskan, mengelola dan bertanggung jawab dalam perniagaan, serta memberikan cabaran kepada diri peribadi. Kebanyakan orang lebih suka menjadi pekerja atau bekerja pada orang lain. Ini kerana seseorang usahawan boleh menerima risiko kewangan sehubungan dengan usahanya sendiri dan ini boleh menyebabkan kegagalan mahupun kejayaan daripada perniagaan tersebut (Segal *et al.*, 2005).

Kajian Choo dan Wong (2006) menunjukkan bahawa calon usahawan secara dominan dimotivasikan oleh faktor intrinsik (faktor dalam diri) seperti keinginan untuk memiliki pekerjaan yang menarik, keinginan untuk mengambil manfaat atas tentangan yang dihadapi dan bakat kreativiti yang dimiliki. Kajian tersebut juga mengungkapkan bahawa penghargaan intristik (terhadap diri sendiri) mempengaruhi penghargaan ekstrinsik (daripada luar diri) dalam memotivasikan calon usahawan memulakan perniagaan.

Berdasarkan beberapa kajian di atas, pengertian niat merupakan kesungguhan seseorang untuk melakukan perbuatan atau mewujudkan suatu perilaku tertentu. Sementara itu, pengertian usahawan merupakan kemampuan individu dalam menangani usaha yang mengarahkan pada keupayaan menciptakan pekerjaan dan menerapkan cara kerja. Berdasarkan pemboleh tentang niat dan keusahawanan yang telah dikemukakan, niat keusahawanan merupakan keinginan yang ada pada diri seseorang untuk melakukan suatu tindakan dan berusaha (Wijaya, 2007).

Berdasarkan kepada huraian di atas juga, maka boleh disimpulkan bahawa ada beberapa faktor yang mempengaruhi niat keusahawanan seperti faktor persekitaran, keluarga, pendidikan, nilai personal, usia dan jenis jantina (*gender*). Persekitaran, keluarga dan pendidikan merupakan faktor eksternal manakala nilai personal, usia dan jenis jantina merupakan faktor internal yang mempengaruhi niat individu untuk menjadi usahawan. Selain faktor-faktor yang mempengaruhi niat keusahawanan di atas, seorang usahawan memiliki tiga dasar motif sosial: motif untuk berprestasi, motif untuk berafiliasi (menjalin persahabatan), dan motif untuk berkuasa. Berdasarkan perbandingan ketiganya, seorang usahawan boleh dilihat dengan jelas memiliki motif berprestasi yang menonjol (sangat tinggi) berbanding dengan individu yang tidak tertarik untuk berusaha (Wijaya, 2007).

3.8 Hubungan Pendidikan Keusahawanan dengan Niat Keusahawanan

Solomon (1989) dan Schultz (1980) menyatakan bahawa setiap orang memiliki semangat keusahawanan dan bahawa setiap individu juga memiliki kemampuan keusahawanan. Kemampuan tersebut boleh ditingkatkan melalui pendidikan. Bahkan menurut Holmes dan Schmitz (1990), ramai penelitian yang telah menunjukkan bahawa kemampuan keusahawanan boleh ditingkatkan melalui pengalaman, latihan, sekolah dan perbaikan kesihatan. Wismi (2007) dan Rahmawati (2000) juga mengemukakan bahawa potensi untuk mengembangkan keusahawanan boleh dijalankan melalui pendidikan yang diprogramkan dengan kaedah yang tepat. Pakej

pendidikan keusahawanan akan membentuk pelajar untuk mengejar kerjaya keusahawanan.

Ifham (2002) menyatakan bahawa pada dasarnya pelajar yang sedang menjalani pendidikan di peringkat pendidikan tinggi telah melakukan kegiatan keusahawanan. Perilaku keusahawanan ini dijalankan oleh mereka ketika melaksanakan kegiatan pembelajaran dengan pelbagai risiko yang harus ditanggung. Hal ini berjaya dilaksanakan dengan baik di dalam mahupun di luar kampus. Ketika program perkuliahan atau program kurikulum tambahan seperti pada masa mereka harus melaksanakan seminar atau kegiatan-kegiatan lainnya di kampus. Oleh itu pelajar akan memiliki sikap sanggup berkorban dan berani mengambil risiko terhadap cita-cita yang diperjuangkannya, berpengetahuan luas juga berpandangan luas sebagai modal mereka untuk menjadi seorang usahawan.

Menurut Fayolle (2002), Tkachev dan Kovereid (1999), Kolvereid dan Moen (1997), pendidikan keusahawanan dapat mempengaruhi tingkah laku masa kini dan niat di masa hadapan. Berdasarkan penelitiannya dinyatakan bahawa ada perbezaan penting antara pelajar yang mengambil mata pelajaran keusahawanan dan yang tidak mengambilnya. Melalui pendidikan keusahawanan ia akan mempersiapkan diri pelajar menghadapi perubahan pasaran kerja yang semakin sukar. Smith (2003) mengandaikan bahawa persiapan pelajar akan menjadi semakin penting untuk merencanakan sebuah masa hadapan dunia perniagaan yang didominasi oleh usaha kecil dan peluang bagi usahawan muda. Melalui mata pelajaran keusahawanan dalam kurikulum pendidikan maka akan lebih baik untuk mempersiapkan pelajar kepada sebuah perubahan persekitaran. Mangan (2004), Bell-Rose dan Mariotti (2004)

menulis bahawa pendidikan keusahawanan dapat menguatkan keahlian kerjasama, membentuk fikiran inovatif dan sanggup mengambil risiko sehingga mampu mengembangkan orientasi kejayaan yang membuat pelajar lebih tertumpu untuk menjadi lebih profesional dan memasuki dunia kerja sebagai seorang usahawan.

Segal, Borgia, dan Schoenfeld (2005) juga menyatakan bahawa pendidikan keusahawanan berusaha mengenal pasti faktor situasi dan persekitaran yang diramal supaya dapat dijalankan sesuai dengan aktiviti usahawan seperti sumberdaya dan peraturan kerajaan. Mereka juga menyebutkan bahawa manusia mampu memperhitungkan pelbagai kemungkinan hasil yang terjadi di masa hadapan, memutuskan kemungkinan mana yang paling diminati dan apakah kemungkinan itu harus dilaksanakan. Jika dilihat adalah sangat tidak beralasan jika mengharapkan manusia akan memilih kemungkinan yang dianggap kurang layak atau kemungkinan yang kurang diminati.

Bekalan dan penanaman jiwa keusahawanan pada pelajar diharapkan dapat memotivasikan pelajar untuk melakukan aktiviti keusahawanan. Pengalaman yang diperoleh di bangku kuliah ini diharapkan dapat dilanjutkan setelah tamat kuliah, sehingga munculnya usahawan baharu yang berhasil menciptakan peluang kerja, sekaligus menyerap tenaga kerja. Menurut Hendarwan :

“Pendidikan dan latihan keusahawanan ini merupakan langkah serius daripada pemerintah untuk mengatasi pengangguran terhormat yang terus bertambah jumlahnya.”

Ciputra (dalam Direktorat Kelembagaan Dikti, 2009) menegaskan :

“Pendidikan keusahawanan boleh memberi dampak yang baik bagi masa depan Indonesia. Namun kuncinya, pendidikan harus dijalankan dengan kreatif.”

Universiti telah menerapkan bahan keusahawanan dalam proses belajar dan mengajarnya. Tujuan bahan keusahawan ialah memberikan informasi pengetahuan tentang selok-belok dunia keusahawanan dan supaya menarik minat pelajar timbul untuk melakukannya. Material yang diberikan tertumpu pada penyampaian pemahaman tentang keusahawanan, khususnya dalam memandang secara positif keusahawanan sebagai keperluan individu. Hasil penelitian Yuwono dan Partini (2008), menunjukkan bahawa terdapat perbezaan niat berusaha yang sangat penting antara pelajar sebelum mengikuti pendidikan keusahawanan dan selepas mengikutinya.

3.9 Hubungan Pendidikan Keusahawanan dengan Halangan Keusahawanan

Pembangunan keusahawanan di Indonesia tidaklah mudah. Berdasarkan penelitian *Entrepreneurship Working Group* dari APEC (2004), menunjukkan bahawa hanya sedikit usahawan yang berjaya menjadi usahawan besar, dan yang menarik ialah majoriti usahawan yang berjaya ternyata daripada keturunan etnik Cina. Dominasi ini ternyata tidak hanya terjadi di Indonesia sahaja melainkan juga di negara-negara di Asia Tenggara seperti Filipina, Thailand, dan Malaysia. Faktor pendorong keusahawanan bagi usahawan tempatan dan asing adalah hampir sama. Faktor-faktor pendorong tersebut antara lain ialah: akses pasaran dan kewangan, keadaan ekonomi,

latar belakang pendidikan, jaringan sokongan penerimaan masyarakat, pengalaman usaha, karakteristik serta nilai yang dimiliki oleh usahawan itu sendiri. Namun begitu perkara yang menjadi perbezaan dasar adalah pada karakteristik dan nilai daripada seorang usahawan. Secara umum, usahawan keturunan Tionghoa memiliki empat karakteristik dan nilai yang lebih baik daripada usahawan tempatan (Liao & Sohmen, 2001). Keempat-empat karakteristik dan nilai lebih ini adalah sifat pantang menyerah, berani mengambil risiko, cepat bertindak dan fleksibiliti serta kemampuan keluarga dalam mendidik anak-anaknya menjadi usahawan. Lim dan David (1996) menyatakan bahawa pembangunan nilai-nilai budaya dan perbaikan pendidikan keusahawanan merupakan kunci pengembangan keusahawanan.

Masyarakat cenderung hidup dalam budaya yang aman atau memerlukan kehidupan sosial yang harmoni. Hal ini sangat bertentangan dengan budaya keusahawanan yang mengandungi nilai-nilai seperti pantang menyerah, berani mengambil risiko, kreativiti, dan inovatif (Liao & Sohmen, 2001). Budaya mencari pekerjaan yang selesa ini juga dapat dilihat pada sebahagian besar generasi muda di Indonesia. Majoriti generasi muda di Indonesia lebih suka memilih menjadi pegawai, baik pegawai kerajaan mahupun pegawai swasta. Pendidikan keusahawanan di Indonesia memiliki banyak kelemahan seperti kurangnya minat usahawan yang sudah berjaya untuk mahu mengajar. Kurikulum keusahawanan juga dianggap kurang menarik dan masih kurangnya pusat-pusat latihan keusahawanan baik secara formal mahupun informal (Sakur, 2006).

Dunia pendidikan keusahawanan masih mempunyai masalah, tidak hanya masalah teoritikal, tetapi dilema yang sangat nyata dihadapi setiap orang termasuk dalam pengajaran keusahawanan atau dalam pengembangan orientasi keusahawanan di universiti (Blenker *et al.* 2006). Masih banyak lagi yang perlu dibentuk khususnya strategi keusahawanan di universiti, serta pengembangan kurikulum yang inovatif dan bentuk pengajaran yang beraneka ragam daripada mata pelajaran keusahawanan tersebut.

Waspada (2007) menyatakan juga keusahawanan telah diajar di Indonesia sejak 1971, namun sehingga tahun 2007 masih terdapat masalah kadar pengangguran dalam kalangan individu yang berpendidikan di Indonesia. Pendidikan tinggi di Indonesia dinilai belum berjaya memberikan kemampuan untuk membentuk keperibadian yang bersifat berdikari, kreativiti, demokratik, dan inovatif. Kecenderungan yang ada masa ini ialah menjadikan pendidikan tinggi yang menyempitkan ruang gerak dan kreativiti pelajar. Selama ini juga cara mengajar pensyarah di peringkat pendidikan tinggi kurang mampu mendidik pelajar untuk kreatif, khususnya dalam kehidupan seharian dan keusahawanan (Soemanto, 2002)

Hal ini bertentangan dengan penelitian di seluruh penjuru dunia, yang menyatakan keinginan pelajar memilih keusahawanan sebagai pilihan kerjaya sangat menggalakkan dan berkembang. Sementara itu, keinginan pelajar untuk menjadi pegawai profesional di syarikat besar beransur-ansur berkurangan dari masa ke semasa (Branner *et al.*, 1991; Fleming, 1994; Hart & Harrison, 1992; Kolvered, (1996), selepas memperolehi pendidikan keusahawanan. Penelitian empirikal ini menunjukkan bahawa kehadiran program pendidikan keusahawanan dan imej positif

daripada keusahawanan di universiti menjadi dorongan kepada pelajar untuk memilih kerjaya sebagai usahawan. Seperti dinyatakan oleh Johannison (1991) dan Autio *et al.* (1997), yang menekankan kesan positif daripada persepsi pelajar terhadap keusahawanan sebagai pilihan kerjaya, bersamaan dengan keadaan daripada sumber daya juga sokongan mekanisme lain yang tersedia dalam persekitaran universiti.

Namun demikian, Winarto (2007) yang telah melakukan penelitian tentang keberkesanan pembelajaran keusahawanan menunjukkan bahawa bahan dan strategi pembelajaran keusahawanan belum efektif dalam mengembangkan nilai-nilai keusahawanan pelajar. Begitu juga mengenai pemahaman masalah keusahawanan, para pengelola telah berperanan dalam kegagalan untuk mencapai tujuan sebenar pendidikan keusahawanan.

3.10 Hubungan Halangan Keusahawanan dengan Niat Keusahawanan

Niat keusahawanan berkembang pada diri seseorang apabila adanya dorongan daripada persekitaran. Ini kerana niat terbentuk daripada persekitaran, terutama persekitaran keluarga. Pola didikan seorang ibu atau bapa yang autoritatif atau terlalu memanjakan anak boleh membentuk peribadi yang kurang percaya diri, yang akan menghalang munculnya niat keusahawanan dalam diri setiap individu. Faktor penghalang lain ialah adanya pemikiran bahawa menjadi kakitangan kerajaan mempunyai kedudukan yang lebih terhormat daripada pekerjaan lain (Qomarun, 2000). Proses pemilihan pekerjaan sangat dipengaruhi oleh perkembangan konsep diri. Peranan ibu bapa dan tenaga pengajar mata pelajaran keusahawanan sebagai

model sangatlah penting dan dapat mempengaruhi seseorang untuk memilih pekerjaan yang sesuai (Cascio, 1998).

Faktor kekurangan modal atau ekonomi juga sering dijadikan alasan atau halangan untuk memulakan keusahawanan. Faktor modal saja belum cukup untuk menggalakkan seseorang menceburi bidang keusahawanan. Namun begitu, kemampuan menganalisis kelebihan dan kekurangan diri sendiri, kepercayaan diri, inisiatif serta kreativiti merupakan langkah awal untuk menjalankan sesuatu usaha, kerana keusahawanan merupakan kerjaya yang penuh risiko. Kemampuan dan ketahanan seseorang dalam menghadapi risiko sangat dipengaruhi oleh sikap dan tingkah laku dalam dirinya (Sutjipto, 2002).

Robertson *et al.* (2003) menyatakan bahawa halangan keusahawanan dalam kalangan pelajar di England ialah kerana mereka tidak memiliki idea perniagaan dan kesempatan. Di samping itu, pelajar juga tidak memiliki pengalaman kerja untuk memulakan usaha. Dalam kajian tersebut dijelaskan bahawa pelajar juga menganggap risiko kewangan sebagai halangan untuk memulakan sesuatu usaha. Penelitian ini juga mendapati bahawa faktor-faktor yang menjadi penghalang keusahawanan itu ialah takut berhutang, takut gagal, kesukaran memperolehi modal, regulasi dan cukai yang berlaku di suatu negara.

Walau bagaimanapun, niat keusahawanan lebih didorong oleh keinginan seseorang untuk memiliki prestasi yang cemerlang. Seperti dinyatakan oleh Priyono dan Soerata (2004) bahawa faktor prestasi lebih dominan daripada wang. Namun begitu, Danuhadimedja (1998) menyebutkan bahawa motif prestasi akan menjadi pendorong

yang lebih kuat apabila ada sokongan daripada ahli keluarga. Sebagai faktor penting, sokongan daripada ahli keluarga memberi keyakinan kepada seseorang individu untuk mewujudkan niat keusahawanan. Selari dengan kajian tersebut, Sumarseno (2004) menyatakan terdapat tiga aspek yang berkaitan dengan niat seseorang, iaitu (a) dorongan daripada dalam untuk memenuhi keperluan diri, sebagai sumber penggerak untuk melakukan sesuatu, (b) keperluan untuk berhubungan dengan persekitaran sosialnya, yang akan menentukan posisi individu dalam persekitarannya dan (c) perasaan individu terhadap suatu pekerjaan yang dijalankannya.

Menurut Choo dan Wong (2006), keadaan ekonomi yang buruk pada umumnya dianggap sebagai faktor terbesar yang menjadi penghalang pertumbuhan perniagaan baru. Halangan berikutnya adalah tidak berani untuk mengambil risiko terutama risiko yang besar. Sementara Benzina (2005) menyatakan bahawa masalah utama yang dihadapi para usahawan di Vietnam merupakan tingginya tingkat persaingan, tenaga kerja yang kurang mahir dan ketidakmampuan memperoleh modal jangka pendek dan jangka panjang.

Niat yang tinggi bererti kesedaran bahawa keusahawanan melekat pada dirinya sehingga lebih ramai perhatian individu untuk melakukan aktiviti keusahawanan. Timbulnya niat ini dipengaruhi oleh faktor maklumat bahawa usahawan memiliki prospek keuntungan yang sudah terbukti. Hal ini boleh didapati pelajar melalui pendidikan keusahawanan yang diberikan oleh usahawan yang telah berjaya. Selain itu, munculnya niat keusahawanan ini sangat dipengaruhi oleh sikap masyarakat terhadap status usahawan itu (McClelland, 1987; Yuwono & Partini, 2008).

3.11 Rumusan

Berdasarkan prespektif sejarah keusahawanan dapat disimpulkan bahawa keusahawanan memainkan peranan penting sebagai alat yang dapat mewujudkan dan menciptakan peluang inovasi dan pertumbuhan ekonomi suatu negara. Pembentukan keusahawanan tidaklah semudah yang dikemukakan dalam teori pendidikan, kerana pembentukannya memerlukan proses yang panjang, dimulakan dengan niat, memiliki pengetahuan, keberanian dan yang paling penting menjadikan keusahawanan sebagai pilihan kerjaya dalam hidupnya.

Salah satu cara untuk membentuk keusahawanan ialah melalui proses pendidikan. Smith (2003), Mangan (2004), dan Shinner (2009), mengemukakan bahawa pendidikan keusahawanan boleh mempersiapkan diri pelajar untuk mengembangkan hubungan pengetahuan yang dipelajarinya dengan perniagaan. Pendidikan keusahawanan boleh dianggap sebagai sumbangan penting dalam memperbaiki kualiti graduan yang memiliki usaha, juga dapat memperbaiki perilaku sosial dan intelektual keusahawanan dalam jangka panjang.

Pengembangan model pendidikan bagi keusahawanan lebih unik jika dibandingkan model pendidikan bidang lainnya. Ini kerana banyak faktor yang mempengaruhinya terutama yang berkaitan dengan faktor mengambil keputusan yang sangat berhubungan dengan risiko. Menurut Gibs (1987), hal tersebut sangat dipengaruhi oleh nilai keperibadian dan perilaku yang dimilikinya.

Oleh itu, tentangan yang banyak inilah yang selalu menjadi halangan untuk berusaha walaupun pada awalnya para pelajar memiliki minat dalam keusahawanan. Menurut Choo dan Wong (2006), halangan utamanya adalah tidak berani mengambil risiko iaitu tahap risiko yang berbeza-beza, sesuai dengan niat keusahawanan yang dimilikinya. Sementara menurut Douglass (1997), bagi yang memiliki niat yang tinggi untuk berusaha akan memiliki sikap yang lebih positif terhadap risiko.

Berdasarkan hasil penelitian Tkacev (1999), Fayolle (2002), dan Smith (2003), terdapat hubungan di antara pendidikan keusahawanan dengan niat keusahawanan. Bahkan menurut Rougan (2004), dan Bell Rose, *et al.* (2004), pendidikan keusahawanan akan membuatkan para pelajar lebih berminat untuk menjadi profesional dan memasuki dunia pekerjaan sebagai seorang usahawan.

Jika disemak kembali tentang pendidikan keusahawanan di Indonesia telah dimulakan di universiti sejak tahun 1971 sehingga sekarang. Namun, menurut Soemanta (2002), universiti masih belum mampu mendidik pelajar untuk berfikiran kreatif dalam mengembangkan keusahawanan, bahkan boleh menimbulkan halangan bagi pelajar untuk berusaha disebabkan oleh pemahaman risiko yang harus dihadapinya. Di samping itu, sebahagian besar pelajar di Indonesia mempunyai niat masuk ke universiti dengan harapan untuk mudah mendapat pekerjaan di syarikat.

Seperti yang telah dikatakan, niat keusahawanan lebih didorong oleh keinginan untuk berprestasi. Niat ini juga akan timbul apabila ada sokongan dari keluarga yang merupakan peranan besar untuk berusaha. Oleh itu, perlu dicari jawapan mengenai pengaruh pendidikan keusahawanan terhadap halangan dan niat keusahawanan.

Berdasarkan kerangka teori tersebut dapat dibentuk kerangka konseptual dan hipotesis alternatif yang menghubungkan aspek pendidikan keusahawanan, halangan keusahawanan, niat keusahawanan, dan hubungan masing-masing pemboleh ubah dari setiap aspek. Kerangka konseptual serta pemboleh ubah yang digunakan pada setiap aspek dapat dilihat pada bab IV.

BAB IV

KERANGKA KONSEPTUAL DAN HIPOTESIS KAJIAN

4.1. Pengenalan


Bab ini akan membincangkan tentang beberapa tajuk yang berkaitan dengan kerangka konseptual. Ini akhirnya akan membentuk hipotesis kajian. Perbincangan dalam bab ini akan merangkumi tajuk-tajuk berkaitan dengan teori yang dapat menyokong objektif kajian, konstruk dalam kajian, kerangka konseptual kajian, dan hipotesis kajian.

4.2. Teori Penyokong

Kajian ini akan mengkaji kesan pendidikan keusahawanan terhadap niat keusahawanan yang berhubungan dengan halangan keusahawanan. Model niat keusahawanan amat berkesan untuk ditetapkan sebagai sebuah rangka yang sangat berguna dalam menganalisis proses keusahawanan (Kolvereid, 1996; Krueger *et al.*, 2000; Fayolle, 2003). Krueger *et al.* (2000) dan Liñán (2004) telah mengembangkan model niat keusahawanan berdasarkan kepada sebuah kombinasi teori yang dinyatakan oleh Shapero dan Sokol (1982). Teori ini berasaskan kepada peristiwa keusahawanan dengan teori perencanaan sikap oleh Ajzen (1991). Rajah 4.1 di bawah menggambarkan tentang integrasi ini.

Rajah 4.1

Model Niat Keusahawanan



Sumber : *Elaborasi dari Liñán (2004).*

Pengetahuan tentang keusahawanan membantu individu dalam membentuk persepsi mereka tentang pilihan kerjaya. Penaksiran ini dapat dibahagikan dalam dua kategori iaitu persepsi selera dan persepsi kelayakan (Shapero & Sokol, 1982). Persepsi selera akan mengukur keinginan untuk menciptakan usaha yang berdasarkan kepada daya penarik individu ke arah keyakinan mengenai kesan positif dan negatif untuk menjadi seorang usahawan. Begitu juga dalam menghadapi tekanan daripada keluarga yang menyokong atau menentang sikap ini. Persepsi kelayakan akan merujuk kepada tahap

apabila manusia cuba untuk mempertimbangkan nilai-nilai peribadi mereka sendiri sama ada mampu untuk melaksanakan sikap tertentu (Shapero & Sokol, 1982).

Teori berdasarkan perencanaan sikap adalah berpandukan kepada teori daripada akibat tindakan Ajzen dan Fishbein (1980). Teori ini dikemukakan oleh Ajzen (1991) dan setelah itu dikembangkan secara lebih lanjut oleh Ajzen (2002). Pada dasarnya, konsep daripada niat berperanan utama dalam merangka dan menjelaskan sebuah rancangan perilaku manusia yang seluruhnya dikawal oleh kemahuan dan tidak bergantung kepada faktor-faktor di luar kawalan perhatian personal.


Implikasi dan aplikasi daripada teori rencana perilaku dalam bidang keusahawanan telah banyak digunakan dan diharapkan akan terus berkembang. Kebanyakan implikasi teorinya berhubungan dengan pendidikan dan latihan. Sejak awal 1980-an, para peneliti telah banyak mengenal pasti peranannya dalam pendidikan dan pemboleh ubah pengajaran dalam pengembangan daripada persepsi tentang selera dan kelayakan berdasarkan perilaku keusahawanan (Shapero & Sokol, 1982).

Misalnya, Krueger *et al.* (2000) menyatakan bahawa terdapatnya hubungan antara individu dan persekitaran. Ini dapat dibuktikan dengan wujudnya pendidikan keusahawanan dan persepsi kelayakan. Selain itu, pendidikan yang lebih baik daripada persekitaran perniagaan lokal akan membantu setiap individu membuat persiapan yang lebih baik sebagai usahawan. Namun, apabila lebih banyak model peranan, akses kepada sumber daya, rangkaian hubungan profesional dan pendidikan khusus tentang industri akan membuatkan individu lebih baik. Semua ini diharapkan dapat memperbaiki niat keusahawanan sebelumnya.

Model umum utama alat penilaian ialah sebagai konstruk sebuah alat dinamik untuk menilai aktiviti kesedaran, program latihan dan kursus dalam bidang keusahawanan yang menjadi dasar konsep kajian ini. Model seperti ini telah digunakan terhadap kajian pendekatan baru untuk menilai pendidikan keusahawanan (Degeorge & Fayolle, 2005). Instrumen ini harus menembusi proses pendidikan keusahawanan. Boleh juga dikatakan bahawa alat ini berperanan untuk memahami kesan daripada pemboleh ubah spesifik pendidikan dalam perubahan sikap dan pengembangan dalam niat keusahawanan. Model ini diinspirasikan langsung daripada teori rencana sikap. Ini dapat ditunjukkan dalam bentuk diagram di Rajah 4.2.

Rajah 4.2

Model Umum Pokok Alat Evaluasi



Berdasarkan Rajah 4.2 di atas menerangkan konsep kajian ini dengan pemboleh ubah model dan sebuah kerangka kajian, iaitu sebagai teori yang menyokong. Kerangka umum kajian dibentuk untuk menilai pendidikan keusahawanan, halangan keusahawanan dan niat keusahawanan daripada pelajar di institusi pendidikan tinggi. Kerangka ini tentunya akan mampu ditransformasikan menjadi hipotesis berdasarkan

situasi yang diperlukan. Seperti yang telah disebutkan sebelumnya, aktiviti dan program pendidikan cukup berbeza daripada istilah yang wujud. Pada kajian ini, istilah yang digunakan iaitu "program pendidikan keusahawanan" lebih tertumpu kepada semua kesedaran, pengajaran, latihan dan aktiviti yang menyokong kepada bidang keusahawanan. Ini termasuklah aspek lingkungan, isi, pendekatan pengajaran, sumber daya, pensyarah dan perkara yang berkaitan. Pendidikan keusahawanan dalam kajian ini digambarkan sebagai pendidikan keusahawanan berdasarkan Pretorius (2001).

Menurut Pretorius (2000a, 2000b) pendidikan keusahawanan turut mempertimbangkan juga konteks apabila program tersebut dilaksanakan oleh pensyarah dan pendekatan yang digunakan. Tumpuan selama tempoh pengembangan ini adalah untuk meningkatkan "usaha baharu" supaya boleh berjaya melalui pendidikan yang diberi (Pretorius, 2001).

Dalam hal yang berkaitan dengan halangan keusahawanan berbagai-bagai jenis sikap keusahawanan diperolehi secara langsung daripada teori rencana kelakuan (Ajzen, 1991) yang digunakan di dalam lapangan keusahawanan. Krueger dan Carsrud (1993), dan Kolvereid (1996b) dalam kajian emperikal yang berikutnya, mengusulkan sebuah rangkaian daripada reka bentuk petunjuk untuk menggunakan pemboleh ubah sikap seperti sikap menuju tindakan, norma-norma subjektif dan perasaan kawalan kelakuan sebagai halangan keusahawanan.

Kajian ini menggunakan halangan keusahawanan sebagai pemboleh ubah pengantara daripada pemboleh ubah pendidikan keusahawanan terhadap pemboleh ubah niat keusahawanan atau antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah berdasar. Berdasarkan model umum utama alat penilaian menunjukkan sikap pelajar terhadap tingkah laku keusahawanan. Hal ini bersesuaian dengan pernyataan Choo dan Wong (2006) yang menyatakan bahawa halangan yang nyata mahupun yang dipersepsikan akan menyebabkan seseorang bakal usahawan gagal memulakan usahanya. Di samping itu, adalah sangat tepat jika seseorang bakal usahawan menganggap halangan itu berbeza-beza intensitinya bersesuaian dengan niat keusahawanan yang dimilikinya.

Sementara Linan, Rodriguez-cohard dan Rueda-cantuche (2005) menyatakan bahawa dari sudut pandang psikologi, niat untuk menjadi usahawan telah digambarkan sebagai ramalan tunggal yang terbaik daripada perilaku sebenar. Jawapan untuk persekitaran luar ini akan bergantung kepada persepsi tentang kepelbagaian alternatif. Terdapat dua bentuk dasar daripada persepsi ini iaitu persepsi selera yang mengarah kepada tahap apabila seseorang merasa tertarik atas sikap yang ada (menjadi usahawan) dan persepsi kelayakan yang menegaskan bahawa darjah apabila seseorang menganggap mereka secara peribadi mampu untuk melaksanakan sikap tertentu (Reitan, 1997; Peterman & Kennedy, 2003).

4.3. Konstruk Dalam Kajian

Berdasarkan teori sokongan seperti yang dihuraikan di atas, oleh itu dalam kajian ini dapat dibentuk tiga konstruk utama, iaitu:

1. Konstruk pendidikan keusahawanan,
2. Konstruk halangan keusahawanan, dan
3. Konstruk niat keusahawanan.

Konstruk ini dibentuk oleh pemboleh ubah yang tersembunyi (*latent*). Pemboleh ubah *latent* merupakan pemboleh ubah yang tidak boleh diukur secara langsung, tetapi dibantu melalui dimensi-dimensi yang diteliti. Setiap konstruk dibentuk oleh pemboleh ubah *latent*, yang dihuraikan pada sub bab berikut ini :

4.3.1. Konstruk Pendidikan Keusahawanan

Menurut Pretolius (2001), konstruk pendidikan keusahawanan mempunyai lapan pemboleh ubah *latent*, iaitu:

1. Bahan keusahawanan,
2. Motivasi,
3. Kemahiran keusahawanan,
4. Kemahiran perniagaan,


5. Pendekatan yang digunakan,
6. Fasilitator/pensyarah,
7. Rancangan perniagaan, dan
8. Gambaran kontekstual.

Keseluruhan pemboleh ubah tersebut diproses melalui analisis faktor untuk menentukan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang termasuk dalam aspek pendidikan keusahawanan. Selepas dianalisis, akan diketahui pemboleh ubah aspek pendidikan keusahawanan yang berpengaruh secara langsung ataupun tidak langsung kepada niat keusahawanan.

Pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut dapat dijelaskan seperti Rajah 4.3.

Rajah 4.3.

Pemboleh ubah Latent Aspek Pendidikan Keusahawanan



4.3.2. Konstruk Halangan Keusahawanan

Menurut Robertson *et al.* (2003) mengenai halangan keusahawanan di England, mereka mendapati bahawa sebanyak 22 peratus pelajar tidak akan memulakan usahanya kerana mereka tidak memiliki idea perniagaan dan kesempatan. Di samping itu, pelajar juga tidak memiliki pengalaman kerja untuk memulakan usahanya. Tambahan pula, dalam kajian tersebut dijelaskan bahawa pelajar juga menganggap risiko kewangan sebagai halangan memulakan usaha baharunya.

Karakteristik halangan keusahawanan yang digunakan dalam kajian ini ialah:

1. Tidak ada modal,
2. Tidak ada kemahiran,
3. Kenyataan yang susah,
4. Tidak percaya diri, dan
5. Biaya diri sendiri (Choo & Wong, 2006).


Keseluruhan pemboleh ubah tersebut diproses melalui analisis faktor untuk menentukan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang termasuk dalam halangan keusahawanan. Selepas dianalisis, akan diketahui pemboleh ubah halangan keusahawanan yang sangat mempengaruhi dan berfungsi sebagai pengantara (*mediating*) kepada niat keusahawanan.

Kajian ini diharapkan dapat membuktikan bahwa halangan keusahawanan dipengaruhi oleh pendidikan keusahawanan dan akan mempengaruhi niat keusahawanan.

Pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut dapat dijelaskan seperti Rajah 4.4.

Rajah 4.4

Pembolehubah Latent Halangan Keusahawanan



4.3.3. Konstruk Niat Keusahawanan

Menurut Kreuger, Reilly dan Carsrud (2000), niat yang konsisten dan kuat dapat meramalkan perencanaan perilaku seseorang. Begitu juga halnya dengan keusahawanan, yang merupakan sebuah perencanaan perilaku, dan ini akan membuatkan model niat akan sangat berguna. Shapero dan Sokol (1982), menyebut bahawa niat dalam berusaha tertumpu pada sikap dan jenisnya. Dalam kajian ini, mereka menegaskan bahawa niat seseorang dalam memulakan usaha baru sangat dipengaruhi oleh persepsi selera, persepsi kelayakan dan kecenderungan bertindak sebagai faktor langsung dalam niat keusahawanan. Oleh itu, pemboleh ubah niat


keusahawanan yang digunakan dalam kajian ini ialah merujuk kepada Reitan (1997) dan Peterman dan Kennedy (2003), ialah:

1. Persepsi selera didefinisikan sebagai keinginan individu dalam memulakan usaha.
2. Persepsi kelayakan merupakan darjah apabila seseorang merasa mampu memulakan suatu aktiviti keusahawanan.

Dalam kajian ini, pemboleh ubah niat keusahawanan merupakan pemboleh ubah bersandar (*dependent*). Pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut boleh dijelaskan seperti dalam Rajah 4.5.

Rajah 4.5.

Pemboleh ubah Latent Niat Keusahawanan




4.4. Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan binaan dalam kajian yang telah dihuraikan di atas, maka dapat dibentuk kerangka konseptual kajian. Kerangka konseptual kajian ini merupakan hubungan

antara binaan/pemboleh ubah *latent* pendidikan keusahawanan dan halangan keusahawanan terhadap niat keusahawanan. Ini dapat diperhatikan dalam Rajah 4.6.

Rajah 4.6.

Kerangka Konseptual Kajian



Berdasarkan Rajah 4.6. di atas menyatakan bahawa kemungkinan ada pengaruh langsung antara aspek pendidikan keusahawanan dengan niat keusahawanan. Demikian pula mungkin terjadi pengaruh tidak langsung antara aspek pendidikan keusahawanan terhadap niat keusahawanan melalui pemboleh ubah pengantara iaitu halangan keusahawanan.

4.5. Hipotesis Kajian

Berdasarkan kepada kerangka konseptual yang terdapat di atas, pengkaji menghuraikan hipotesis kajian seperti berikut:

H1 : Terdapat pengaruh yang signifikan antara aspek pendidikan keusahawanan terhadap niat keusahawanan

H1.1 : Terdapat pengaruh yang signifikan antara bahan keusahawanan sebagai penunjuk pendidikan keusahawanan terhadap niat keusahawanan

H1.2 : Terdapat pengaruh yang signifikan antara motivasi sebagai penunjuk pendidikan keusahawanan terhadap niat keusahawanan

H1.3 : Terdapat pengaruh yang signifikan antara kemahiran keusahawanan sebagai penunjuk pendidikan keusahawanan terhadap niat keusahawanan

H1.4 : Terdapat pengaruh yang signifikan antara kemahiran perniagaan sebagai penunjuk pendidikan keusahawanan terhadap niat keusahawanan

H1.5 : Terdapat pengaruh yang signifikan antara pendekatan yang digunakan sebagai penunjuk pendidikan keusahawanan terhadap niat keusahawanan

H1.6 : Terdapat pengaruh yang signifikan antara pensyarah sebagai penunjuk pendidikan keusahawanan terhadap niat keusahawanan

H1.7 : Terdapat pengaruh yang signifikan antara rancangan perniagaan sebagai penunjuk pendidikan keusahawanan terhadap niat keusahawanan

H1.8 : Terdapat pengaruh yang signifikan antara gambaran kontekstual sebagai penunjuk pendidikan keusahawanan terhadap niat keusahawanan

H2 : Terdapat pengaruh yang signifikan antara aspek pendidikan keusahawanan terhadap halangan keusahawanan.

H2.1 : Terdapat pengaruh yang signifikan antara bahan keusahawanan sebagai penunjuk pendidikan keusahawanan terhadap halangan keusahawanan

H2.2 : Terdapat pengaruh yang signifikan antara motivasi sebagai penunjuk pendidikan keusahawanan terhadap halangan keusahawanan

H2.3 : Terdapat pengaruh yang signifikan antara kemahiran keusahawanan sebagai penunjuk pendidikan keusahawanan terhadap halangan keusahawanan

H2.4 : Terdapat pengaruh yang signifikan antara kemahiran perniagaan sebagai penunjuk pendidikan keusahawanan terhadap halangan keusahawanan

H2.5 : Terdapat pengaruh yang signifikan antara pendekatan yang digunakan sebagai penunjuk pendidikan keusahawanan terhadap halangan keusahawanan

H2.6 : Terdapat pengaruh yang signifikan antara pensyarah sebagai penunjuk pendidikan keusahawanan terhadap halangan keusahawanan

H2.7 : Terdapat pengaruh yang signifikan antara rancangan perniagaan sebagai penunjuk pendidikan keusahawanan terhadap halangan keusahawanan

H2.8 : Terdapat pengaruh yang signifikan antara gambaran kontekstual sebagai penunjuk pendidikan keusahawanan terhadap halangan keusahawanan

H3 : Terdapat pengaruh yang signifikan antara aspek halangan keusahawanan terhadap niat keusahawanan

H3.1 : Terdapat pengaruh yang signifikan antara tidak ada modal sebagai penunjuk halangan keusahawanan terhadap niat keusahawanan

H3.2 : Terdapat pengaruh yang signifikan antara tidak ada kemahiran sebagai penunjuk halangan keusahawanan terhadap niat keusahawanan

H3.3 : Terdapat pengaruh yang signifikan antara kenyataan usaha yang susah sebagai penunjuk halangan keusahawanan terhadap niat keusahawanan

H3.4 : Terdapat pengaruh yang signifikan antara tidak percaya diri sebagai penunjuk halangan keusahawanan terhadap niat keusahawanan

H3.5 : Terdapat pengaruh yang signifikan antara biaya diri sendiri sebagai penunjuk halangan keusahawanan terhadap niat keusahawanan

H4 : Terdapat kesan pengantaraan halangan keusahawanan yang signifikan ke atas hubungan di antara aspek pendidikan keusahawanan dan niat keusahawanan.

4.6. Rumusan

Teori utama yang digunakan pada kajian ini ialah teori perencanaan sikap oleh Ajzen (1991), sebagai model niat keusahawanan. Dalam model niat keusahawanan ini dikaji bagaimana pendidikan keusahawanan membantu individu dalam membentuk persepsi selera dan persepsi kelayakan dalam membentuk niat keusahawanan (Linan, 2004). Model umum utama alat penilaian telah digunakan pada kajian ini untuk menilai pendidikan keusahawanan (Degeorge & Fayolle, 2005). Model ini diambil daripada teori perencanaan sikap (Ajzen, 1991).

Berdasarkan model umum utama alat penilaian ini dibentuk konstruk kajian daripada pemboleh ubah *latent*. Seterusnya dibentuk kerangka konseptual kajian untuk menilai pendidikan keusahawanan, halangan keusahawanan dan niat keusahawanan daripada pelajar di institusi pendidikan tinggi. Konseptual kajian ini akhirnya akan diproses menjadi hipotesis kepada situasi yang diperlukan.

Bab ini secara umumnya telah membincangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan kerangka konseptual dan binaan-binaan kajian yang akhirnya mendorong kepada kewujudan hipotesis kajian ini. Segala perbincangan yang dibuat dalam

bab ini juga berkaitan dengan teori-teori yang dapat menyokong hipotesis yang menjadi dasar kepada perbincangan bab-bab selanjutnya.

BAB V

METODOLOGI KAJIAN

5.1. Pengenalan

Bab ini akan membincangkan tentang beberapa topik yang berkaitan dengan metodologi kajian. Perbincangan dalam bab ini juga akan merangkumi tajuk-tajuk yang berkaitan dengan kaedah yang digunakan untuk menentukan populasi dan sampel, instrumen dan pemboleh ubah yang dikaji. Selain itu, cara pembentukan soal selidik, prosedur yang digunakan untuk mengumpulkan data, pengukuran terhadap pemboleh ubah serta model data yang di analisis juga akan dibincangkan.

5.2. Reka bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan ini berbentuk penyelidikan lapangan iaitu penelitian langsung kepada objek penyelidikan dengan menggunakan pendekatan *explanatory research* atau penyelidikan penjelasan. Metodologi tersebut bertujuan untuk menjelaskan hubungan sebab dan akibat di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah melalui pengujian hipotesis (Singarimbun, Masri & Effendi, 1980). Selain itu, penyelidikan juga dilakukan terhadap sampel yang diambil daripada suatu populasi dan menggunakan borang soal selidik sebagai alat pengumpulan data yang utama. Hal ini umumnya merupakan unit analisis individu.

5.3. Populasi dan Sampel

Populasi yang menjadi objek kajian ini melibatkan semua pelajar Universiti Sumatera Utara yang telah mengambil kursus keusahawanan. Jumlah pelajar yang diambil sebagai sampel ialah 1368 orang (berdasarkan pada rekod tahun 2008). Borang soal selidik yang diedarkan kepada 400 pelajar yang telah mengambil kursus keusahawanan dan terdiri daripada 8 fakulti di Universiti Sumatera Utara. Sejumlah 50 borang soal selidik yang diedarkan ke setiap fakulti untuk digunakan sebagai sampel. Di samping itu, daripada jumlah 400 borang soal selidik yang disebarkan, terdapat sebanyak 317 borang telah diserahkan kembali dan sebanyak 83 borang soal selidik tidak dikembalikan. Namun, sebanyak 13 borang soal selidik tidak diisi secara lengkap, dan 4 soal selidik diisi dengan nilai yang sama untuk semua soalan (*outlier*), sehingga tidak dapat digunakan. Oleh itu, jumlah sampel yang digunakan dalam kajian ini melibatkan sekitar 300 orang responden sahaja. Hal ini sesuai dengan penentuan jumlah sampel berdasarkan Tabel Kreijie apabila hasil jumlah populasi 1368 orang, jumlah tersebut berada sekitar 1300 hingga 1400. Maka jumlah sampel yang digunakan boleh sekitar 297 hingga 302 orang responden.

Menurut Sugiyono (2005), Kreijie menentukan jumlah sampel berdasarkan anggapan bahawa taburan populasi ialah normal (aras kebarangkalian 5 peratus dan tahap kepercayaan 95 peratus) seperti dalam Jadual 5.1

Jadual 5.1

Daftar Jadual Kreijie

N	S	N	S	N	S
10	10	220	140	1.200	291
15	14	230	143	1.300	297
20	19	240	147	1.400	302
25	24	250	151	1.500	306
30	28	260	155	1.600	310
35	32	270	159	1.700	313
40	36	280	162	1.800	317
45	40	290	165	1.900	320
50	44	300	169	2.000	322
55	48	320	175	2.200	327
60	52	340	181	2.400	331
65	56	360	187	2.600	335
70	59	380	191	2.800	338
75	63	400	196	3.000	341
80	66	420	201	3.500	346
85	70	440	205	4.000	351
90	73	460	210	4.500	354
95	76	480	214	5.000	357
100	80	500	217	6.000	361
110	86	550	226	7.000	364
120	92	600	234	8.000	367
130	97	650	242	9.000	368
140	103	700	248	10.000	370
150	108	750	254	15.000	375
160	113	800	260	20.000	377
170	118	850	265	30.000	379
180	123	900	269	40.000	380
190	127	950	274	50.000	381
200	132	1.000	278	75.000	382
210	136	1.100	285	100.000	384

Sumber : Sugiyono, 2005.

Keterangan :

N = Jumlah Populasi

S = Sampel

Pemilihan sampel berikut dilakukan dengan menggunakan kaedah *Cluster Random Sampling*. Kaedah ini sering digunakan melalui dua tahap, iaitu tahap pertama menentukan sampel mengikut sesuatu daerah. Pada tahap ini sampel dipilih berdasarkan fakulti yang menawarkan kursus mata kuliah keusahawanan (8 fakulti). Tahap kedua pula menentukan responden yang ada dalam daerah tersebut secara rawak sederhana.

Jumlah sampel yang minimum diperlukan untuk memastikan penggunaan daripada prosedur penilaian kemungkinan maksimum (*Maximum Likelihood Estimation / MLE*) adalah sebanyak 100. Sebaiknya dicadangkan jumlah minimum sampel sebanyak 150. Ini berdasarkan andaian akan terjadi jawapan yang tidak memenuhi syarat, disebabkan model terlalu luas atau kompleks dan data menunjukkan karakteristik yang tidak normal, atau menggunakan prosedur estimasi yang lain (Hair *et al.*, 1998; Arbuckle 1999; Santoso, 2007). Oleh itu, jumlah sampel seramai 300 orang sangat sesuai dengan tujuan dalam kajian ini.

Data daripada hasil soal selidik dianalisis dengan menggunakan model persamaan struktural (*Structural Equation Modeling / SEM*). Kajian ini telah menggunakan permodelan kajian melalui SEM kerana akan mengidentifikasi dimensi-dimensi sebuah konsep atau konstruk (seperti yang dilakukan dalam analisis faktor) dan pada masa yang sama akan diukur pengaruh atau darjah hubungan antara faktor yang telah dikenal pasti berserta dimensi-dimensinya. SEM merupakan kombinasi antara analisis faktor dan analisis regresi berganda. Model persamaan struktural ini memiliki keunggulan jika dibandingkan dengan metod *statistic multivariate* yang lain. Ini

kerana dalam pemboleh ubah laten (yang tersembunyi) dimasukkan kesalahan pengukuran dalam model (Ferdinand, 2002; Ghozali, 2004).

5.4. Pemboleh ubah Kajian

Bersandarkan kepada rangka konseptual sebagaimana yang dijelaskan dalam Rajah 4.6 (muka surat 95) secara umum ada tiga jenis pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini, iaitu: pemboleh ubah bersandar, pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah pengantara. Berdasarkan rangka konseptual dan hipotesis yang telah dirumuskan secara terperinci ketiga-tiga jenis pemboleh ubah tersebut adalah sebagai berikut:

1. Pemboleh ubah Bebas

Dalam kajian ini, pemboleh ubah bebas merupakan pendidikan keusahawanan yang terdiri daripada sub-sub pemboleh ubah iaitu : Bahan keusahawanan, motivasi, kemahiran keusahawanan, kemahiran perniagaan, pendekatan yang digunakan, pensyarah, rancangan perniagaan, dan gambaran kontekstual. Semua ini merupakan pemboleh ubah dalaman yang dapat membentuk pemboleh ubah persepsi pendidikan keusahawanan.

2. Pemboleh ubah Pengantara

Sementara itu, pemboleh ubah pengantara pula, merupakan halangan keusahawanan yang terdiri atas subpemboleh ubah- subpemboleh ubah iaitu : tidak ada modal, tidak ada kemahiran, kenyataan yang susah, tidak percaya diri, dan biaya diri sendiri.

Semua ini merupakan pemboleh ubah dalaman yang membentuk pemboleh ubah persepsi halangan keusahawanan.

3. Pemboleh ubah Bersandar

Seterusnya pemboleh ubah bersandar merupakan niat keusahawanan yang terdiri atas subpemboleh ubah- subpemboleh ubah iaitu : Persepsi selera dan persepsi kelayakan, yang merupakan pemboleh ubah dalaman yang membentuk pemboleh ubah persepsi niat keusahawanan.

5.5. Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini berbentuk kajian soal selidik. Sebahagian besar daripada borang soal selidik telah diubah suai mengikut hasil kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji pada masa lepas dan disesuaikan dengan keadaan persekitaran universiti pada masa sekarang. Sebahagian lagi soal selidik dihasilkan sendiri oleh pengkaji dengan merujuk kepada beberapa orang pakar dan berdasarkan literatur yang ada. Dalam melaksanakan hal ini, pakar yang digunakan ialah pakar keusahawanan, pakar sumber daya manusia, dan ahli pemasaran. Mereka ini merupakan pensyarah di USU, iaitu tempat kajian dilaksanakan.

5.5.1. Pendidikan Keusahawanan

Pemboleh ubah yang melibatkan aspek pendidikan keusahawanan terdiri daripada bahan keusahawanan (4 jenis soalan), motivasi (3 jenis soalan), kemahiran keusahawanan (6 jenis soalan), kemahiran perniagaan (5 jenis soalan), pendekatan

yang digunakan (4 jenis soal), fasilitator/pensyarah (6 jenis soal), rancangan perniagaan (4 jenis soal), dan gambaran kontekstual (6 jenis soal). Konsep dan jenis soal untuk setiap pemboleh ubah dibentuk sendiri oleh pengkaji melalui dimensi yang ditetapkan dari Pretorius (2001), dan disesuaikan dengan keadaan persekitaran universiti tempat kajian dilaksanakan. Soal ini kemudian diuji terhadap 30 sampel, sebelum dipastikan dapat digunakan dan diterima oleh semua.

5.5.2. Halangan Keusahawanan

Halangan keusahawanan merupakan pemboleh ubah *moderating*, terdiri daripada tidak ada modal (4 jenis soal), tidak ada kemahiran (3 jenis soal), kenyataan yang susah (4 jenis soal), tidak percaya diri (4 jenis soal), dan biaya diri sendiri (3 jenis soal). Jenis-jenis soal ini diadaptasi dari Choo dan Wong (2006). Perbezaannya dengan kajian ini ialah jenis soal yang digunakan pada soal halangan keusahawanan pada pelajar sesuai dengan literatur dan persekitaran tempat kajian dilaksanakan.

5.5.3. Niat Keusahawanan

Pemboleh ubah niat keusahawanan terdiri daripada persepsi kelayakan (7 jenis soal) dan persepsi selera (3 jenis soal). Jenis-jenis soal ini diadaptasi dari Reitan (1997), dan Petermen dan Kennedy (2003).

5.5.4. Tafsiran Markah Jenis Soalan

Dalam setiap jenis soalan mempunyai 5 jawapan dengan markah/nilai, yang sangat wajar mengikut Skel Likert. Penggunaan Skel Likert banyak dilakukan dalam kajian-kajian dan memiliki reabiliti yang tinggi (Istijanto, 2006; Zikmund, 1997). Kesesuaian markah nilai setiap jenis jawapan soalan ditunjukkan seperti Jadual 5.3

Jadual 5.2

Kesesuaian Markah Pada Jawapan Soal Selidik

Kriteria	Markah yang Sesuai
Sangat Tidak Setuju	1
Tidak Setuju	2
Berkecuali	3
Setuju	4
Sangat Setuju	5

Semakin besar tingkat kesesuaian markah, semakin positif pula jawapan yang diberikan responden ini, disebut juga sebagai pernyataan positif (Ridwan, 2005). Pada setiap jenis soalan untuk setiap pemboleh ubah tidak boleh ada jawapan yang negatif.

5.6. Kaedah Pengumpulan Data

5.6.1. Kaedah Data Primer

Pengumpulan data telah menggunakan kaedah pengisian soal secara langsung yang merujuk kepada soal selidik kajian. Data yang diperolehi tersebut merupakan data primer tentang aspek pendidikan keusahawanan, halangan keusahawanan, dan niat keusahawanan para pelajar. Soal selidik mengandungi senarai pertanyaan yang terdiri daripada beberapa pilihan jawapan apabila responden boleh menentukan atau memilih hanya satu jawapan sahaja daripada beberapa jawapan yang disediakan. Kemudian jawapan tersebut diletakkan pada lajur yang tersedia. Hal ini dijalankan secara tertutup, dan responden boleh memberikan jawapan ke atas pertanyaan berdasarkan pilihan jawapan yang telah disediakan. Borang soal selidik diberikan kepada setiap fakulti di USU yang telah menawarkan kursus keusahawanan.

5.6.2. Kaedah Data Sekunder

Data sekunder diperolehi daripada pejabat pentadbiran Universiti Sumatera Utara, Medan untuk disesuaikan dengan jumlah pelajar di setiap fakulti yang menawarkan kursus keusahawanan. Jumlah pelajar yang telah mengambil mata kuliah keusahawanan berdasarkan pada tahun 2008.

5.7. Kaedah Pengolahan dan Analisis Data

5.7.1. Uji Kualiti Data

Syarat utama daripada alat ukur ini ialah mesti mempunyai kualiti sebagai alat ukur. Pengujian kualiti alat ukur yang digunakan terdiri daripada ujian kesahan dan ujian kepercayaan. Menurut Suryabrata (2000), dalam bidang psikologi kata kesahan sekurang-kurangnya digunakan dalam tiga konteks, iaitu: (1) Kesahan penyelidikan, (2) Kesahan sosial dan (3) Kesahan alat ukur. Hal ini sangat berkaitan dengan kajian yang dijalankan ini. Oleh itu, yang perlu dibahas di sini ialah tentang kesahan alat ukur. Ujian kesahan dijalankan untuk menguji seberapa baik suatu instrumen pengukuran boleh mengukur dengan tepat suatu konsep kajian yang dimaksudkan untuk dijadikan alat diukur (Cooper, 2003).

Sementara itu, menurut Azwar (2003), secara estimologi, kesalahan bermula daripada kata validiti yang bererti sejauh mana ketepatan dan kecermatan suatu alat ukur dalam melakukan fungsi ukurnya. Suatu ujian atau alat ukur boleh dikatakan mempunyai kesahan yang tinggi apabila alat ukur tersebut menjalankan fungsi ukurnya atau memberikan hasil ukur yang bersesuaian dengan tujuan pengukuran tersebut dijalankan.

Secara umumnya, menurut Azwar (2003) dan Suryabrata (2000), kesahan alat ukur terbahagi kepada tiga jenis, iaitu: kesahan isi, kesahan berasaskan kriteria dan kesahan

konstruk. Kesahan isi dapat menunjukkan sejauh mana alat ukur berfungsi terhadap jenis-jenis soalan. Sekiranya dilihat daripada isinya memang tujuan sebenar adalah untuk mengukur apa yang mahu diukur. Ukuran sejauh mana ini ditentukan berdasarkan sejauh mana darjah perwakilannya (Suryabrata, 2000). Kesahan kriteria pula, menunjukkan materi (*domain behaviour*) yang menerangkan sejauh mana peneliti yakin bahawa jenis-jenis soalan sudah menunjukkan sampel tingkah laku yang hendak dikaji. Kesahan konstruk dapat mempersoalkan sejauh mana nilai hasil pengukuran dengan alat ukur yang dipersoalkan itu mencerminkan konstruk teoritikal yang berdasarkan reka bentuk alat ukur tersebut. Dalam kajian ini pendekatan yang digunakan untuk menguji kesahan konstruk setiap faktor ialah dengan menggunakan analisis faktor. Analisis faktor bertujuan untuk meramal unidimensiditi pengukuran yang digunakan.

Suatu pengukuran dikatakan mempunyai sifat-sifat tersebut apabila jenis-jenis yang digunakan secara jelas hanya mengukur satu faktor yang mendasarinya dan tidak menjadi sebahagian daripada faktor yang lain. Hal ini ditunjukkan dengan faktor *loading* yang tinggi pada hanya satu faktor sahaja. *Rule of Thumb* yang digunakan adalah faktor *loading* yang lebih besar atau sama dengan 0 (Hair *et al.*, 2006). Sebelum instrumen kajian digunakan untuk pengumpulan data sebaik-baiknya ujian dilakukan untuk melihat sejauh mana kebolehan instrumen tersebut dapat digunakan. Ujian kebolehpercayaan ialah ujian yang melihat pada pekali *Cronbach Alpha*. Nilai kebolehpercayaan boleh dilihat daripada *Cronbach Alpha* masing-masing instrumen kajian (Cronbach, 1971). Menurut Cronbach (1971), markah r berada di antara 0 hingga 1. Jenis soal selidik boleh dipercayai apabila markah $r > 0.5$, manakala markah $r < 0.5$ item soal selidik dinyatakan tidak dipercayai.

5.7.2. Model Analisis Data

Kajian ini menggunakan teknik statistik model persamaan berstruktur (*structural equation model* atau *SEM*) dengan bantuan perisian AMOS 16 supaya dapat mengetahui tindak balas antara pemboleh ubah. Model persamaan berstruktur merupakan gabungan daripada dua kaedah statistik yang terpisah, iaitu: analisis faktor yang dikembangkan dalam ilmu psikologi dan psikometri dan model persamaan simultan (*simultaneous equation modeling*) yang dikembangkan dalam ekonometrika (Ghozali, 2004; Santoso, 2007).

Penggunaan model persamaan berstruktur ini dipilih kerana bersesuaian dengan kajian yang dijalankan dan melibatkan hubungan antara beberapa pemboleh ubah *latent* sekaligus. Sebelum dijalankan pengujian terhadap hubungan pemboleh ubah, model pengukuran dijalankan terlebih dahulu untuk menganggar dan menyokong model struktural yang hendak dijalankan. Model pengukuran ini menunjukkan bahawa boleh terjadi hubungan antara pemboleh ubah *latent* dengan indikator masing-masing. Selain itu, setiap pemboleh ubah *latent* dihubungkan antara satu sama lain dan setiap penunjuk juga dihubungkan dengan alat masing-masing. Sebagaimana yang dicadangkan oleh Hair (2006), penilaian model dalam kajian ini menggunakan beberapa indeks yang mewakili ketiga-tiga jenis ukuran kesesuaian model. Ukuran kesesuaian yang digunakan dalam kajian ini ialah *Goodness of Fitness Index (GFI)* dan *Root Mean Square of Error Approximation (RMSEA)* yang mewakili *Absolute Fit Measure, Normed Fit Index (NFI)*, *Tucker-Lewis Index (TLI)*

dan *Comparative Fit Index (CFI)* bagi mewakili *Incremental Fit Measure*, manakala *Normed Chi Square* mewakili *Parsimonious Fit Measure*.

Hair (2006) mengemukakan tujuh tahap dalam mengembangkan model persamaan berstruktur, iaitu: (1) Pengembangan model secara teori dan konsep, (2) Menyusun diagram carta laluan untuk menunjukkan hubungan sebab dan akibat, (3) Mengubah carta laluan ke dalam rangkaian persamaan struktural, (4) Memilih matriks masukkan untuk analisis data, (5) Menilai masalah mengenal pasti, (6) Menilai kesesuaian model, serta (7) Tafsiran dan pengubahsuaian model.

5.7.2.1 Pengembangan Model Hipotesis

Model persamaan berstruktur yang digunakan berdasarkan pada hubungan sebab dan akibat, menunjukkan perubahan satu pemboleh ubah yang diandaikan akan mengakibatkan berlakunya perubahan pemboleh ubah yang lain. Model yang dikembangkan dalam kajian ini ialah model hipotetikal, iaitu: model yang berasaskan teori dan konsep, serta model yang mempunyai justifikasi dan teoritikal secara kuat berasaskan data empirikal.


5.7.2.2 Pengembangan Carta Laluan (*Path Diagram*)

Langkah berikutnya ialah menyusun hubungan sebab dan akibat daripada pemboleh ubah yang akan diuji dengan carta laluan. Hubungan sebab dan akibat dapat digambarkan dalam sebuah carta laluan untuk menunjukkan arah hubungan antara

konstruk laten baik pemboleh ubah *independent* mahupun *dependent*. Selain itu, menyusun model pengukuran dengan menghubungkan konstruk laten terikat atau bebas dengan pemboleh ubah penunjuk juga dilakukan. Pengembangan carta laluan dalam kajian ini dijelaskan pada Rajah 5.1.

Rajah 5.1.

Carta Laluan Model Persamaan Berstruktur



5.7.2.3 Penukaran Carta Laluan ke Dalam Persamaan Struktural

Berasaskan Rajah 5.1 dapat diketahui beberapa pemboleh ubah, iaitu:

- Pemboleh ubah bebas (*independent variabel*), iaitu: aspek pendidikan keusahawanan (X), yang terdiri dari 8 pemboleh ubah *latent*, iaitu: bahan keusahawanan (X1), motivasi (X2), kemahiran keusahawanan (X3), kemahiran

perniagaan (X4), pendekatan yang digunakan (X5), fasilitator/ pensyarah (X6), rancangan perniagaan (X7), dan gambaran kontekstual (X8).


- b. Pemboleh ubah pengantara (*moderating variable*), ialah halangan keusahawanan (Y) yang terdiri dari 5 pemboleh ubah *latent*, iaitu: tidak ada modal (Y1), tidak ada keahlian (Y2), kenyataan yang susah (Y3), tidak percaya diri (Y4), dan biaya diri sendiri (Y5).
- c. Pemboleh ubah bersandar (*dependent variable*), ialah niat keusahawanan (Z) yang terdiri dari 2 pembolehubah *latent*, iaitu: persepsi kelayakan (Z1) dan persepsi selera (Z2).

Setelah carta laluan dalam Model Persamaan Berstruktur terbentuk, seterusnya ini akan dihuraikan carta model konstruk pemboleh ubah terikat dan pemboleh ubah bebas.

- a. Persamaan Konstruk Aspek Pendidikan Keusahawanan (Pemboleh ubah Bebas)

Rajah 5.2

Carta Konstruk Aspek Pendidikan Keusahawanan (X)



Berdasarkan Rajah 5.2 dibentuk persamaan berikut:

$$X_1 = \lambda_1 X + e_1$$

$$X_2 = \lambda_2 X + e_2$$

$$X_3 = \lambda_3 X + e_3$$

$$X_4 = \lambda_4 X + e_4$$

$$X_5 = \lambda_5 X + e_5$$

$$X_6 = \lambda_6 X + e_6$$

$$X_7 = \lambda_7 X + e_7$$

$$X_8 = \lambda_8 X + e_8$$

Penerangan :

X = Aspek Pendidikan Keusahawanan

X₁ = Bahan Keusahawanan

X₂ = Motivasi

X₃ = Kemahiran Keusahawanan

X₄ = Kemahiran Perniagaan

X₅ = Pendekatan yang digunakan

X₆ = Fasilitator / Pensyarah

X7 = Rancangan Perniagaan

X8 = Gambaran Kontekstual


$\lambda_1 \dots \lambda_8$ = *loading factor* untuk menguji apakah suatu pemboleh ubah boleh digunakan sebagai indikator daripada suatu konstruk

$e_1 \dots e_8$ = *Error term*

b. Persamaan Konstruk Aspek Halangan Keusahawanan (Pemboleh ubah Pengantara)

Rajah 5.3.

Carta Konstruk Halangan Keusahawanan (Y)



Berdasarkan Rajah 5.3 dibentuk persamaan seperti berikut :

$$Y_1 = \lambda_6 Y + e_6$$

$$Y_2 = \lambda_7 Y + e_7$$

$$Y_3 = \lambda_8 Y + e_8$$

$$Y_4 = \lambda_9 Y + e_9$$

$$Y_5 = \lambda_{10} Y + e_{10}$$

Penerangan :

Y = Halangan Keusahawanan

Y1 = Tidak Ada Modal

Y2 = Tidak Ada Kemahiran

Y3 = Kenyataan yang susah

Y4 = Tidak Percaya Diri

Y5 = Biaya Diri Sendiri


$\lambda_6 \dots \lambda_{10}$ = *Loading factor* untuk menguji apakah suatu pemboleh ubah boleh digunakan sebagai indikator daripada suatu konstruk

$e_6 \dots e_{10}$ = *Error term*

c. Persamaan Konstruk Niat Keusahawanan (Pembolehubah Bersandar)

Rajah 5.4.

Carta Konstruk Niat Keusahawanan (Z)



Berdasarkan Rajah 5.4. dibentuk persamaan seperti berikut :

$$Z_1 = \lambda_{11}Z + e_{11}$$

$$Z_2 = \lambda_{12}Z + e_{12}$$

Penerangan :

Z = Niat Keusahawanan

Z_1 = Persepsi Kelayakan

Z_2 = Persepsi Selera

$\lambda_{11} \dots \lambda_{12}$ = *Loading factor* untuk menguji apakah suatu pemboleh ubah boleh digunakan sebagai indikator daripada suatu konstruk

$e_{11} \dots e_{12}$ = *Error term*

5.7.2.4 Pemilihan Matriks Keluaran dan Teknik Ramalan ke Atas Model yang Dibentuk

Model persamaan berstruktur menggunakan data keluaran untuk keseluruhan ramalan yang dijalankan yang berupa matriks kovarian dan matriks korelasi. Data hasil kajian lapangan sebelum diramal terlebih dahulu ditukar ke dalam bentuk matriks kovarian atau matriks korelasi. Dalam kajian ini, matriks keluaran yang digunakan ialah matriks kovarian. Hal ini bersesuaian dengan pernyataan Hair (2006) bahawa ramai pengkaji telah menggunakan matriks varians/kovarians semasa menjalankan pengujian teori. Ini kerana varians/kovarians lebih memenuhi anggapan asas metod dan lebih sesuai untuk mengesahkan hubungan sebab dan akibat.

5.7.2.5 Menilai Masalah Mengenal Pasti

Dalam model sebab dan akibat, persoalan yang sering dihadapi ialah masalah mengenal pasti (*identification problem*). Masalah mengenal pasti pada prinsipnya merupakan masalah mengenai ketidakmampuan daripada model yang dikembangkan untuk menghasilkan ramalan yang khas. Dalam perisian AMOS 16.0 penyelesaian untuk mengatasi masalah mengenal pasti ini ialah dengan memberikan *constraint* pada model yang dianalisis tersebut. Konsekuensi daripada pemberian konstrain ini akan menyisihkan *estimated coefficients* yang bererti nilai *critical ratio* dan *probability* tidak wujud. Pemilihan letak konstrain dijalankan dengan mengambil kira sokongan teori dan nilai koefisien regresi yang bermakna melalui beberapa kali pengujian. Akhirnya ini dapat menghasilkan model ramalan yang terbaik (Hair, 2006).

5.7.2.6 Penilaian Kesepadanan Model

a. Ukuran Sampel

Ukuran sampel yang besar memainkan peranan yang penting dalam menafsirkan hasil model persamaan berstruktur. Ukuran sampel memberikan dasar untuk perkiraan *sampling error*. Menurut Ghazali (2004), ukuran sampel yang baik ialah sekitar 100 hingga 200 responden untuk digunakan pada model persamaan berstruktur dan juga dapat meramalkan *Maximum Likelihood*. Manakala menurut Ferdinand (2002), ukuran sampel minimum yang diperlukan untuk analisis model persamaan berstruktur

ialah 5 kali ganda daripada pemboleh ubah yang mahu dianalisis. Dalam kajian ini terdapat 15 pemboleh ubah pada jumlah minimum sampel iaitu 75 (15x5). Menurut tabel Kreijie dengan jumlah populasi 1368 maka sampel yang digunakan sekitar 297-302. Oleh itu, dalam kajian ini jumlah sampel yang digunakan ialah sebanyak 300 sampel. Pada umumnya boleh dikatakan bahawa penggunaan SEM memerlukan jumlah sampel yang besar agar hasil yang diperolehi mempunyai kredibiliti yang cukup (Santoso, 2007).

b. Uji Normaliti dan Linieriti

Taburan data harus dianalisis untuk melihat apakah asumsi normal dipenuhi sehingga data dapat diolah lebih lanjut untuk membentuk model SEM. Untuk menguji normaliti ini digunakan *Critical Ratio* daripada *Skewness* pada aras kebarangkalian 1 per peratus dan dikawal dengan menggunakan *Chi Square* dan *Normal Probability Plot* melalui perisian SPSS. Manakala linieriti diketahui dengan mengamati *scatterplots* daripada data, dalam hal ini taburan diselidiki untuk menduga linier atau tidaknya (Ferdinand, 2002).

c. Penilaian atas Outlier

Penilaian atas *Outlier* dijalankan dengan mengamati nilai Z-score (ketentuannya mesti kurang daripada ± 3.0). Manakala *multivariate outlier* diuji dengan kriteria jarak *Mahalanobis* pada tingkat $p < 0,001$. Jarak diuji dengan Chi Square (χ^2) pada df sebesar jumlah pemboleh ubah bebasnya. Ketentuan bila *Mahalanobis* > daripada nilai χ^2 adalah *multivariate outlier* (Hair, 1998).

d. Uji Multikolineariti dan Singulariti

Pengujian ini dijalankan dengan menggunakan matriks antara pemboleh ubah bebas (*determinant sample covariance matrix*). Masalah *multikolineariti* dan *singulariti* boleh terjadi apabila nilai korelasi antara pemboleh ubah bebas atau *determinant covariance matrix* mendekati markah nol (kecil). Pada umumnya program-program komputer SEM dapat mengeluarkan amaran (*warning*) setiap kali terdapat penunjuk multikolineariti atau singulariti (Fendinand, 2002).

e. Ukuran Kesepadanan Model

Ukuran kesepadanan model menggunakan tiga indeks, iaitu: *Goodness of Fitness Index (GFI)*, *Root Mean Square of Error Approximation (RMSEA)* dan *Comparative Fit Index (CFI)*. Ketiga-tiga ukuran kesepadanan model tersebut diuraikan seperti Jadual 5.3.

Jadual 5.3

Ukuran Kesepadanan Model

Index	Keterangan	Cut-off Value
χ^2 Chi-Square	Menguji apakah kovarians populasi yang diramal sama dengan kovarians sampel (apakah model sesuai dengan data). Bersifat sangat sensitif untuk sampel besar (di atas 200).	Diharapkan kecil
Probability	Uji bermakna terhadap perbezaan matriks kovarians data dan matriks kovarians yang diramal.	$\geq 0,05$
RMSEA	Mengenal pasti kelemahan Chi-square pada sampel besar.	0,05 – 0,08

GFI	Menghitung proporsi tertimbang varians dalam matriks sampel yang dijelaskan oleh matriks kovarians populasi yang diramal (sama dengan R^2 dalam regresi berganda).	$\geq 0,90$
AGFI	Pengembangan daripada <i>GFI</i> yang disesuaikan dengan ratio <i>Degree of Freedom (DF)</i> untuk proposed model dengan <i>DF</i> untuk null model.	$\geq 0,90$
CMIN/DF	Untuk mengukur kesesuaian data dengan model, (Byrne, 1988).	$< 2,00$
TLI	Tucker-Lewis Index, ukuran ini menggabungkan parsimony ke dalam indeks komparasi antara model yang diuji dengan model dasar, (Ghozali, 2004).	$\geq 0,90$
CFI	Uji kesesuaian model yang tidak sensitif terhadap besarnya sampel dan kerumitan model, (Arbuckle, 1997).	$\geq 0,94$

Sumber : Hair (2006), Ghozali (2004).

f. Tafsiran dan Pengubahsuaian Model

Setelah selesai tahap tersebut dilakukan, maka boleh diketahui apakah model ini cukup baik atau terdapat model yang tidak memenuhi syarat. Setelah model diramal, residualnya seharusnya kecil atau mendekati angka kosong dan pengedaran frekuensi daripada kovarians residual harus bersifat simetrik (Tabachnick & Fidell, 1997).

Dalam hal model persamaan berstruktur, residual yang dimaksudkan bukanlah residual nilai seperti model multivariat lainnya, tetapi merupakan residual daripada kovarians. Hair *et al.*, (1998) memberikan sebuah panduan untuk mempertimbangkan perlu atau tidaknya pengubahsuaian sebuah model, iaitu dengan melihat jumlah

residual ialah 5 peratus. Jika jumlah residual lebih besar daripada 5 peratus daripada semua residual kovarians yang dihasilkan oleh model, maka pengubahsuaian model perlu dipertimbangkan. Seterusnya, apabila didapati bahawa nilai residual yang dihasilkan oleh model itu cukup besar, iaitu $> 2,58$. maka cara lain dalam mengubahsuaian ialah dengan mempertimbangkan untuk menambah sebuah laluan baharu terhadap model yang diramal.

Pengubahsuaian kepada model yang diuji boleh dilakukan dengan pertama kali menguji standard residual yang dihasilkan oleh model itu. *Cut-off value* sebesar 2.58 boleh digunakan untuk menilai signifikan atau tidaknya residual yang dihasilkan oleh model (Hair, Anderson & Tatham, 1992). Nilai residual yang lebih besar atau sama dengan 2.58 diinterpretasikan signifikan secara statistik pada aras 5 peratus dan residual yang signifikan ini menunjukkan adanya *prediction error* yang substansial untuk sepasang indikator. Manakala Solimun (2002) berpendapat, apabila model kurang baik maka dapat dilakukan pengubahsuaian dengan melihat indeks terhadap perubahan yang dilakukannya yang diubah ≥ 4 , maka laluan hubungan tersebut perlu dipertimbangkan untuk ditambahkan atau dihilangkan. Apabila model sudah cukup baik, maka dilakukan tafsiran melalui model persamaan berstruktur untuk menjelaskan fenomena yang dikaji.

5.7.3. Pengujian Hipotesis

Pengujian hipotesis merupakan tafsiran terhadap hasil pengukuran konstruk laten dengan merujuk kepada tingkat signifikansi *loading factor* atau koefisien lamda (λ)

yang berdasarkan pada nilai *probability* (p), dan dianggap signifikan apabila nilai $p < 0.05$. Selanjutnya untuk menguji model lengkap yang berasal daripada seluruh konstruk dan indikator yang signifikan mestilah mengkaji pengaruh aspek pendidikan keusahawanan terhadap halangan keusahawanan dan niat keusahawanan serta pengaruh halangan keusahawanan terhadap niat keusahawanan dengan mengamati jalur (regresi standard), baik arah, besaran, mahupun signifikasinya. Penilaian signifikasi haruslah merujuk pada nilai probabilitas (p) dengan batas signifikasi yang digunakan adalah $p < 0.05$.

Pengujian hipotesis dalam kajian ini telah dihuraikan pada bab mengenai rangka konseptual dan hipotesis kajian.

5.8. Kesahan Soal Selidik

Sebelum kajian sebenar dijalankan, kajian rintis terlebih dahulu dijalankan untuk menguji segala instrumen kajian yang dibentuk berdasarkan kebenaran dan kebolehpercayaan. Pengujian ini dijalankan ke atas 30 orang responden yang terdiri daripada pelajar yang telah mengambil mata pelajaran keusahawanan di Universiti Sumatera Utara. Walau bagaimanapun, sampel pada kajian rintis ini tidak dimasukkan sebagai responden dalam kajian. Melalui kajian rintis, pengkaji boleh mengenal pasti kebenaran jenis-jenis soal selidik yang sesuai dan untuk mengenal pasti permasalahan atau kesukaran daripada segi pemahaman ataupun tafsiran terhadap pernyataan dan soalan-soalan yang dikemukakan. Di samping itu, sebarang pernyataan yang sukar difahami ataupun kesilapan dalam soal selidik akan boleh dibetulkan sebelum kajian sebenar dijalankan (Sugiyono, 2005).

5.8.1 Ujian Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

A. Soalan-soalan Variabel Penunjuk Instrumen

Ujian rintis telah pun dijalankan pada bulan April hingga bulan Mei 2008. Semasa ujian rintis dijalankan, didapati responden tidak menghadapi masalah yang rumit ketika menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik. Hal ini dapat dibuktikan daripada hasil pengujian apabila nilai r dihitung seluruhnya berada lebih besar daripada 0.3000. Pengkaji menggunakan perisian SPSS dan hasil pengujian menunjukkan bahawa semua instrumen soalan soal selidik dinyatakan benar sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam Jadual 5.4.

Jadual 5.4

Hasil Uji Kesahihan Instrumen Soal Selidik

No	Variabel Laten	Variabel Indikator	Variabel Soalan Indikator	R – Kritis (Sugiyono, 2005)	R hitung	Keterangan
1		Bahan Keusahawanan	Wira_1	0.829	0.3	Benar
2			Wira_2	0.862	0.3	Benar
3			Wira_3	0.8221	0.3	Benar
4			Wira_4	0.777	0.3	Benar

5	Pendidikan	Motivasi	Mot_1	0.792	0.3	Benar
6			Mot_2	0.828	0.3	Benar
7			Mot_3	0.831	0.3	Benar
8		Kemahiran Keusahawanan	Ahli_1	0.781	0.3	Benar
9			Ahli_2	0.812	0.3	Benar
10			Ahli_3	0.713	0.3	Benar
11			Ahli_4	0.692	0.3	Benar
12			Ahli_5	0.704	0.3	Benar
13			Ahli_6	0.714	0.3	Benar
14		Kemahiran Perniagaan	Bisnis_1	0.81	0.3	Benar
15			Bisnis_2	0.746	0.3	Benar
16			Bisnis_3	0.795	0.3	Benar
17			Bisnis_4	0.763	0.3	Benar
18			Bisnis_5	0.761	0.3	Benar
19		Pendekatan Yang Digunakan	Pendekatan_1	0.822	0.3	Benar
20			Pendekatan_2	0.848	0.3	Benar
21			Pendekatan_3	0.652	0.3	Benar

22			Pendekatan_4	0.839	0.3	Benar
23		Fasilitator/ Pensyarah Keusahawanan	Fasilitator_1	0.907	0.3	Benar
24			Fasilitator_2	0.834	0.3	Benar
25			Fasilitator_3	0.901	0.3	Benar
26			Fasilitator_4	0.841	0.3	Benar
27			Fasilitator_5	0.89	0.3	Benar
28			Fasilitator_6	0.769	0.3	Benar
29		Rancangan Perniagaan	Usaha_1	0.91	0.3	Benar
30			Usaha_2	0.93	0.3	Benar
31			Usaha_3	0.865	0.3	Benar
32			Usaha_4	0.889	0.3	Benar
33		Gambaran Kontekstual	Kontekstual_1	0.751	0.3	Benar
34			Kontekstual_2	0.929	0.3	Benar
35			Kontekstual_3	0.784	0.3	Benar
36			Kontekstual_4	0.864	0.3	Benar
37			Kontekstual_5	0.875	0.3	Benar
38			Kontekstual_6	0.791	0.3	Benar

39	Halangan	Tidak Ada Modal	Modal_1	0.799	0.3	Benar
40			Modal_2	0.674	0.3	Benar
41			Modal_3	0.85	0.3	Benar
42			Modal_4	0.746	0.3	Benar
43		Tidak Ada Kemahiran	Ahli_1	0.941	0.3	Benar
44			Ahli_2	0.93	0.3	Benar
45			Ahli_3	0.826	0.3	Benar
46		Keyakinan Yang Susah	Keyakinan_1	0.737	0.3	Benar
47			Keyakinan_2	0.723	0.3	Benar
48			Keyakinan_3	0.811	0.3	Benar
49			Keyakinan_4	0.803	0.3	Benar
50		Tidak Percaya Diri Sendiri	Diri_1	0.724	0.3	Benar
51			Diri_2	0.846	0.3	Benar
52			Diri_3	0.678	0.3	Benar
53			Diri_4	0.805	0.3	Benar
54		Biaya Diri Sendiri	Rela_1	0.847	0.3	Benar
55			Rela_2	0.921	0.3	Benar

56			Rela_3	0.827	0.3	Benar
57	Niat	Persepsi Kelayakan	Kelayakan_1	0.772	0.3	Benar
58			Kelayakan_2	0.723	0.3	Benar
59			Kelayakan_3	0.793	0.3	Benar
60			Kelayakan_4	0.697	0.3	Benar
61			Kelayakan_5	0.627	0.3	Benar
62			Kelayakan_6	0.656	0.3	Benar
63			Kelayakan_7	0.801	0.3	Benar
64		Persepsi Selera	Selera_1	0.842	0.3	Benar
65			Selera_2	0.51	0.3	Benar
66			Selera_3	0.778	0.3	Benar

Berdasarkan hasil ujian kebenaran instrumen soal selidik, pemboleh ubah soalan penunjuk mendapati bahawa semua pemboleh ubah soalan indikator telah memenuhi kriteria (benar) sehingga dapat dijadikan soalan pada variabel indikator untuk pengujian selanjutnya.

Ujian berikutnya adalah untuk melihat kebolehpercayaan instrumen kajian, berdasarkan hasil pengujian yang dijalankan dengan menggunakan perisian SPSS, dan hasil yang diperolehi dapat ditunjukkan pada Jadual 5.5.

Jadual 5.5.

Hasil Uji Kebolehpercayaan

Nombor	Kelompok Responden	Jumlah Sampel	Nilai <i>alpha</i>
1.	Bahan Keusahawanan	30	0.902
2.	Motivasi	30	0.873
3.	Kemahiran Keusahawanan	30	0.877
4.	Kemahiran Perniagaan	30	0.886
5.	Pendekatan Yang Digunakan	30	0.880
6.	Fasilitator/ Pensyarah Keusahawanan	30	0.948
7.	Rencana Perniagaan	30	0.952
8.	Gambaran Kontekstual	30	0.931
9.	Tidak Ada Modal	30	0.860
10.	Tidak Ada Kemahiran	30	0.950
11.	Keyakinan Yang Susah	30	0.861
12.	Tidak Percaya Diri	30	0.850
13.	Biaya Diri Sendiri	30	0.915

14.	Persepsi Kelayakan	30	0.884
15.	Persepsi Selera	30	0.736

Berdasarkan jadual tersebut, alat kajian yang digunakan telah memenuhi syarat atau dengan perkataan lain alat kajian boleh dipercayai. Selepas dijalankan ujian kebenaran dan kebolehpercayaan alat kajian, maka dengan demikian semua jenis soalan yang terdapat dalam borang soal selidik boleh dipercayai dan selanjutnya penyelidikan boleh dilanjutkan dengan mengedarkan soal selidik kepada responden, selain responden ketika kajian rintis.

B. Pemboleh ubah Penunjuk Instrumen

Hasil analisis faktor antara pemboleh ubah faktor petunjuk menunjukkan korelasi atau hubungan di antara pemboleh ubah penunjuk instrumen. Semakin tinggi nilai korelasi maka semakin kuat hubungan antara pemboleh ubah penunjuk tersebut. Ujian kesahan ini dilakukan dengan menghubungkan nilai setiap pemboleh ubah penunjuk dengan setiap aspek, dengan syarat nilai r hitung berada lebih besar daripada 0.3. Setiap korelasi atau hubungan antara pemboleh ubah penunjuk dapat dilihat pada jadual 5.6.

Jadual 5.6

Hasil Uji Kesahihan Pemboleh ubah Penunjuk

Pemboleh ubah Penunjuk	R – Kritis (Sugiyono, 2005)	R hitung	Keterangan
1. Pendidikan			
Bahan Keusahawanan	0.300	0.147	Tidak Benar
Motivasi	0.300	0.284	Tidak Benar
Kemahiran Keusahawanan	0.300	0.255	Tidak Benar
Kemahiran Perniagaan	0.300	0.772	Benar
Pendekatan Yang Digunakan	0.300	0.879	Benar
Fasilitator / Pensyarah	0.300	0.791	Benar
Rancangan Perniagaan	0.300	0.808	Benar
Gambaran Konstektual	0.300	0.831	Benar
2. Halangan			
Tidak Ada Modal	0.300	0.758	Benar
Tidak Ada Kemahiran	0.300	0.846	Benar
Keyakinan yang Susah	0.300	0.744	Benar
Tidak Percaya Diri	0.300	0.820	Benar
Biaya Diri Sendiri	0.300	0.795	Benar
3. Niat			
Persepsi Kelayakan	0.300	0.914	Benar
Persepsi Selera	0.300	0.929	Benar

Berasaskan pengujian kesahan pemboleh ubah penunjuk terdapat tiga (3) pemboleh ubah penunjuk pendidikan keusahawanan yang tidak memenuhi syarat (tidak sah) kerana nilainya lebih kecil daripada 0.3 iaitu pemboleh ubah Bahan Keusahawanan (0.147), Motivasi (0.284), Kemahiran Keusahawanan (0.255). Manakala untuk pemboleh ubah penunjuk lain memenuhi syarat kerana nilainya lebih besar daripada 0.3. Pemboleh ubah penunjuk yang tidak memenuhi syarat tersebut harus disisihkan dalam penelitian selanjutnya, iaitu dalam pengujian Hipotesis dengan Metod Struktural Equation Model (SEM) menggunakan program AMOS versi 16.0.

Ujian berikutnya adalah untuk melihat kebolehpercayaan pemboleh ubah laten daripada kajian, dengan menggunakan *cronbach alpha*. Berdasarkan hasil pengujian yang dijalankan dengan menggunakan perisian SPSS, hasil yang diperolehi ditunjukkan pada Jadual 5.7.

Jadual 5.7.

Hasil Uji Kebolehpercayaan Pembolehubah Laten

Nombor	Kelompok Pembolehubah	Jumlah Sampel	Nilai <i>alpha</i>
1.	Aspek Pendidikan	30	0.879
2.	Aspek Halangan	30	0.878
3.	Aspek Niat	30	0.823

Menurut Snedecor dan Cochran (1989), apabila nilai *alpha* lebih besar dari 0.5, maka soal selidik boleh dipercayai sehingga soal selidik yang digunakan dalam penyelidikan dianggap stabil dan konsisten dan boleh mengukur apa yang mahu diukur. Hasil ujian menunjukkan bahawa keseluruhan item menghasilkan nilai *alpha* kesahan lebih daripada 0.5. Maknanya alat kajian yang digunakan telah memenuhi syarat. Selepas dilakukan ujian kebolehpercayaan alat kajian, model pemboleh ubah laten yang telah dibentuk diteruskan melalui konfirmatori analisis faktor dengan menggunakan persamaan berstruktur (SEM) untuk pengujian hipotesis.

5.9. Rumusan

Oleh itu, bolehlah disimpulkan bahawa reka bentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk penyelidikan lapangan. Metodologi ini digunakan kerana kajian yang dijalankan akan menjelaskan hubungan sebab dan akibat antara pemboleh ubah (Singarimbun, Masri & Effendi, 1980). Kajian menggunakan sampel yang diambil daripada populasi pelajar di USU yang telah mengambil mata pelajaran keusahawanan. Jumlah sampel ditentukan berdasarkan Tabel Kreijie (Sugiyono, 2005).

Kajian ini menggunakan model kajian melalui SEM. Model ini memiliki kelebihan berbanding model yang lain. Ini kerana dalam pemboleh ubah laten dimasukkan kesalahan pengukuran dalam model tersebut (Ferdinand, 2002; Ghazali, 2004). Terdapat tiga jenis pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini. Antaranya ialah Pemboleh ubah bebas iaitu pendidikan keusahawanan, pemboleh ubah pengantara iaitu halangan keusahawanan dan pemboleh ubah bersandar iaitu niat keusahawanan.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini berbentuk soal selidik, dan sebahagian besarnya telah diubah suai berdasarkan kajian-kajian yang lepas. Sementara sebahagian lagi merupakan hasil ciptaan pengkaji sendiri.

Selain itu, dari segi pengumpulan data kajian ini telah menggunakan kaedah pengisian borang soal selidik. Borang soal selidik ini diisi oleh responden yang telah ditentukan secara *Cluster Random Sampling* berdasarkan fakulti yang menawarkan kursus mata pelajaran keusahawanan. Model yang dikembangkan dalam kajian ini juga ialah model hipotetikal. Langkah berikutnya ialah menyusun hubungan sebab dan akibat daripada pemboleh ubah yang akan diuji dengan carta laluan.

Perbincangan tajuk-tajuk yang meliputi reka bentuk kajian, populasi dan sampel, instrumen kajian, kaedah pengolahan dan analisis data, sampai pada model analisis data dalam bab ini sangat penting kerana dapat membantu dalam proses penganalisan data dan pelaporan data yang akan dibincangkan di dalam bab seterusnya.

BAB VI

DAPATAN KAJIAN

6.1. Pengenalan

Bab ini akan membincangkan hasil kajian yang telah dilaksanakan ke atas responden. Hasil daripada perbincangan ini nanti akan dapat menerangkan dengan lebih lanjut objektif dan hipotesis kajian yang telah dinyatakan di dalam Bab 1 dan Bab 4 sebelum ini. Perbincangan di dalam bab ini juga akan merangkumi perbincangan secara deskriptif ke atas taburan ciri-ciri demografi dan korelasi di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang terdapat di dalam kajian.

Penganalisaan data menggunakan SEM adalah untuk menentukan pengaruh pendidikan keusahawanan, halangan keusahawanan dan niat keusahawanan yang merupakan hasil pengujian hipotesis. Hasil akhir kajian juga di terangkan dalam bab ini.

6.2. Demografi Responden

Demografi responden merupakan gambaran daripada responden di tempat kajian iaitu Universiti Sumatera Utara (USU). Demografi dihuraikan berdasarkan kumpulan responden kerana terdapat perbezaan pertanyaan. Namun, secara umum demografi

responden merangkumi jantina, fakulti asal, umur, kaum, agama, dan kesesuaian minat.

6.2.1. Taburan Responden Mengikut Jantina

Jumlah keseluruhan responden dalam kajian ini ialah seramai 300 orang. Mereka terdiri daripada responden lelaki seramai 120 orang (40 peratus) dan responden perempuan seramai 180 orang (60 peratus). Taburan responden mengikut jantina ditunjukkan dalam Jadual 6.1

Jadual 6.1

Taburan Responden Mengikut Jantina

No	Jantina	Jumlah (Orang)	Peratusan (%)
1	Lelaki	120	40
2	Perempuan	180	60
Jumlah Keseluruhan		300	100

6.2.2 Taburan Responden Mengikut Fakulti Asal

Populasi kajian diambil daripada 13 fakulti yang terdapat di Universiti Sumatera Utara (USU). Namun, hanya 8 fakulti yang menawarkan mata kuliah keusahawanan

dengan jumlah responden terbesar ialah daripada Fakulti Teknik (Kejuruteraan) seramai 50 orang (16.7 peratus), Fakulti Pertanian seramai 50 orang (16.7 peratus), Fakulti Matematik dan Sains seramai 38 orang (12.6 peratus), Fakulti Ekonomi seramai 37 orang (12.3 peratus), Fakulti Psikologi seramai 37 orang (12.3 peratus), Fakulti Ilmu Sosial dan Politik seramai 35 orang (11.7 peratus), Fakulti Hukum seramai 29 orang (9.7 peratus), dan Fakulti Seni seramai 24 orang (8 peratus).

Jumlah responden untuk setiap fakulti diperolehi dengan membahagikan 50 borang soal selidik kepada pelajar di setiap fakulti yang telah mengikuti kuliah keusahawanan. Berdasarkan daripada 400 soal selidik maka diperolehi 300 responden daripada jumlah keseluruhan pelajar yang terdapat di USU yang mengambil kursus keusahawanan. Taburan responden mengikut fakulti asal ditunjukkan oleh Jadual 6.2

Jadual 6.2

Taburan Responden Mengikut Fakulti Asal

No	Fakulti Asal	Populasi	Sampel	Peratusan (%)
1	Fakulti Ekonomi	195	37	12.3
2	Fakulti Hukum	179	29	9.7
3	Fakulti Seni	137	24	8
4	Fakulti Ilmu Sosial dan Politik	183	35	11.7
5	Fakulti Psikologi	116	37	12.3
6	Fakulti Matematik dan Sains	163	38	12.6

7	Fakulti Pertanian	198	50	16.7
8	Fakulti Teknik	197	50	16.7
Jumlah Keseluruhan (Orang)		1368	300	100

6.2.3 Taburan Responden Mengikut Umur

Responden kajian mengikut umur telah dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu 20 hingga 25 tahun, 26 hingga 30 tahun dan lebih 30 tahun. Jumlah keseluruhan responden dalam kajian ini ialah seramai 300 orang. Mereka ini terdiri daripada responden dengan umur 20 hingga 25 tahun iaitu seramai 299 orang (99.6 peratus) dan responden dengan umur 26 hingga 30 tahun hanya seorang (0.4 peratus). Namun tidak terdapat responden yang berumur lebih 30 tahun. Taburan responden mengikut umur boleh dilihat dalam Jadual 6.3

Jadual 6.3

Taburan Responden Mengikut Umur

No	Umur	Jumlah (Orang)	Peratusan (%)
1	20 hingga 25	299	99.6
2	26 hingga 30	1	0.4
3	Lebih 30	0	0
Jumlah Keseluruhan		300	100

6.2.4 Taburan Responden Mengikut Kaum

Responden kajian mengikut kaum dibahagikan kepada 6 kaum iaitu Batak, Melayu, Jawa, Minang, Aceh dan lain-lain. Taburan setiap responden seramai 300 orang mengikut kaum ialah seperti berikut: kaum Batak seramai 161 orang (53.7 peratus), kaum Melayu seramai 17 orang (5.7 peratus), kaum Jawa seramai 58 orang (19.3 peratus), kaum Minang seramai 22 orang (7.3 peratus), kaum Aceh seramai 16 orang (5.3 peratus) dan lainnya sebanyak 26 orang (8.7 peratus). Taburan responden mengikut kaum ditunjukkan dalam Jadual 6.4.

Jadual 6.4

Taburan Responden Mengikut Kaum

No	Kaum	Jumlah (Orang)	Peratusan (%)
1	Batak	161	53.7
2	Melayu	17	5.7
3	Jawa	58	19.3
4	Minang	22	7.3
5	Aceh	16	5.3
6	Lain-lain	26	8.7
Jumlah Keseluruhan		300	100

6.2.5 Taburan Responden Mengikut Agama

Responden kajian mengikut agama pula dibahagikan kepada 5 agama iaitu agama Islam, Kristan, Buddha, Hindu, dan lain-lain. Taburan setiap responden seramai 300 orang mengikut agama ialah agama Islam seramai 208 orang (69.3 peratus), Kristan seramai 86 orang (28.7 peratus), Buddha seramai 4 orang (1.3 peratus), dan lainnya sebanyak 2 orang (0.7 peratus). Taburan responden mengikut agama ditunjukkan oleh Jadual 6.5

Jadual 6.5

Taburan Responden Mengikut Agama

No	Agama	Jumlah (Orang)	Peratusan (%)
1	Islam	208	69.3
2	Kristan	86	28.7
3	Buddha	4	1.3
4	Lain-lain	2	0.7
Jumlah Keseluruhan		300	100

6.2.6 Taburan Responden Mengikut Kesesuaian Minat

Jumlah keseluruhan responden dalam kajian ini ialah seramai 300 orang. Sementara itu, taburan responden mengikut kesesuaian minat hanya dibahagikan kepada 2

bahagian, iaitu ya atau tidak. Terdapat seramai 263 orang (87.7 peratus) yang sesuai dengan minat. Sementara yang tidak sesuai dengan minat seramai 37 orang (12.3 peratus). Taburan responden mengikut kesesuaian minat ditunjukkan dalam Jadual 6.6.

Jadual 6.6

Taburan Responden Mengikut Kesesuaian Minat

No	Kesesuaian Minat	Jumlah (Orang)	Peratusan (%)
1	Ya	263	87.7
2	Tidak	37	12.3
Jumlah Keseluruhan		300	100

6.3. Deskripsi Pemboleh ubah

Berikut ini diuraikan deskripsi pemboleh ubah berdasarkan hasil jawapan daripada responden.

6.3.1. Deskripsi Aspek Pendidikan Keusahawanan

Aspek pendidikan keusahawanan merupakan model pendidikan keusahawanan yang tidak hanya mempertimbangkan kandungan daripada program pendidikan keusahawanan. Pendidikan keusahawanan juga mencakupi konteks apabila program

tersebut dijalankan oleh pensyarah dan pendekatan yang digunakannya di Universiti Sumatera Utara.

Aspek pendidikan keusahawanan dapat diukur dengan lapan jenis pemboleh ubah, seperti berikut.

1. Bahan Keusahawanan

Bahan Keusahawanan ialah material atau bahan perkuliahan keusahawanan yang diberikan kepada para pelajar di USU. Hasil kajian menunjukkan terdapat 4 jenis pemboleh ubah pengetahuan dan purata memperlihatkan bahawa 2.33 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 5.67 peratus menyatakan tidak setuju, 24.0 peratus menyatakan neutral, 51.7 peratus menyatakan setuju sementara 16.3 peratus menyatakan sangat setuju. Berdasarkan huraian tersebut diperolehi gambaran bahawa 92 peratus daripada responden menyatakan sederhana, setuju dan sangat setuju. Ini bererti aspek pendidikan keusahawanan boleh dilihat daripada bahan keusahawanan yang diperolehi pelajar semasa di alam pendidikan. Kategori peringkat persepsi responden tentang bahan keusahawanan terhadap aspek pendidikan keusahawanan ditunjukkan seperti dalam Jadual 6.7.

Jadual 6.7

Kategori Peringkat Persepsi Responden tentang Bahan Keusahawanan terhadap Aspek Pendidikan Keusahawanan

Aspek Pendidikan Keusahawanan	Persepsi Responden									
	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Neutral		Setuju		Sangat Setuju	
	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%
Bahan Keusahawanan	7	2.33	17	5.67	72	24.0	155	51.7	49	16.3

Hasil jumlah persepsi responden ini diperolehi daripada ringkasan kajian responden tentang bahan keusahawanan sebanyak 300 responden.

2. Motivasi

Sementara itu, motivasi ialah dorongan dan keyakinan yang diperolehi pelajar semasa mengambil kursus kuliah keusahawanan yang diberikan di USU. Hasil kajian untuk semua jenis pemboleh ubah terhadap motivasi berjumlah tiga jenis, dan purata memperlihatkan bahawa 1.3 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 9 peratus menyatakan tidak setuju, 32 peratus menyatakan neutral, 46.7 peratus menyatakan setuju dan 11 peratus menyatakan sangat setuju. Berdasarkan huraian tersebut diperolehi gambaran bahawa 89.7 peratus daripada responden menyatakan sederhana, setuju dan sangat setuju. Ini bererti aspek pendidikan keusahawanan boleh

dilihat daripada aspek motivasi yang diberikan pada mata kuliah tersebut. Kategori peringkat persepsi responden tentang motivasi terhadap aspek pendidikan keusahawanan boleh dilihat dalam Jadual 6.8.

Jadual 6.8

Kategori Peringkat Persepsi Responden tentang Motivasi terhadap Aspek Pendidikan Keusahawanan

Aspek Pendidikan Keusahawanan	Persepsi Responden									
	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Neutral		Setuju		Sangat Setuju	
	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%
Motivasi	4	1.3	27	9	96	32	140	46.7	33	11

3. Kemahiran Keusahawanan

Kemahiran keusahawanan pula meliputi semua kemahiran mengenai keusahawanan yang diperolehi pelajar semasa mengikuti kuliah keusahawanan. Hasil kajian untuk semua jenis pemboleh ubah kemahiran yang berjumlah enam jenis. Secara purata memperlihatkan bahawa 1.7 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 10.3 peratus menyatakan tidak setuju, 29.7 peratus menyatakan neutral, 46.3 peratus menyatakan setuju dan 12 peratus menyatakan sangat setuju. Berdasarkan huraian

tersebut diperolehi gambaran bahawa 88 peratus daripada responden menyatakan sederhana, setuju dan sangat setuju. Ini bermaknanya aspek pendidikan keusahawanan seorang pelajar boleh dilihat daripada kemahiran keusahawanan yang diperolehnya semasa belajar di universiti. Kategori peringkat persepsi responden tentang kemahiran keusahawanan terhadap aspek pendidikan keusahawanan boleh dilihat dalam Jadual 6.9.

Jadual 6.9

Kategori Peringkat Persepsi Responden tentang Kemahiran Keusahawanan terhadap Aspek Pendidikan Keusahawanan

Aspek Pendidikan Keusahawanan	Persepsi Responden									
	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Neutral		Setuju		Sangat Setuju	
	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%
Kemahiran Keusahawanan	5	1.7	31	10.3	89	29.7	139	46.3	36	12

4. Kemahiran Perniagaan

Kemahiran Perniagaan merupakan kemahiran yang diperolehi pelajar mengenai perniagaan dan bagaimana cara untuk memulakan usaha itu. Ini diperolehi oleh seorang pelajar semasa mengambil mata kuliah keusahawanan. Hasil kajian untuk

semua jenis pemboleh ubah kemahiran perniagaan yang berjumlah lima jenis purata memperlihatkan bahawa 1.3 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 9.6 peratus menyatakan tidak setuju, 35.7 peratus menyatakan neutral, 44.7 peratus menyatakan setuju dan 8.7 peratus menyatakan sangat setuju. Berdasarkan huraian tersebut diperolehi gambaran bahawa 89.1 peratus daripada responden menyatakan sederhana, setuju dan sangat setuju. Ini bermakna aspek pendidikan keusahawanan dapat dilihat daripada kemahiran perniagaan yang diperolehi pelajar ketika pendidikan keusahawanan. Kategori peringkat persepsi responden tentang kemahiran perniagaan terhadap aspek pendidikan keusahawanan dikemukakan dalam Jadual 6.10.

Jadual 6.10

Kategori Peringkat Persepsi Responden tentang Kemahiran Perniagaan terhadap Aspek Pendidikan Keusahawanan

Aspek Pendidikan Keusahawanan	Persepsi Responden									
	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Neutral		Setuju		Sangat Setuju	
	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%
Kemahiran Perniagaan	4	1.3	29	9.6	107	35.7	134	44.7	26	8.7

5. Pendekatan yang Digunakan

Pendekatan yang digunakan ialah berkaitan dengan kaedah, bahan dan suasana pembelajaran ketika kuliah keusahawanan diberikan kepada pelajar. Hasil kajian untuk semua jenis pemboleh ubah, didapati terdapat empat jenis purata. Hasil kajian memperlihatkan bahawa 2 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 7.7 peratus menyatakan tidak setuju, 21 peratus menyatakan neutral, 46 peratus menyatakan setuju dan 23.3 peratus menyatakan sangat setuju. Berdasarkan huraian tersebut diperolehi gambaran bahawa 90.3 peratus daripada responden menyatakan sederhana, setuju dan sangat setuju. Ini bermakna aspek pendidikan keusahawanan seorang pelajar semasa mengikuti pengajaran boleh dilihat daripada pendekatan yang digunakan pensyarah. Kategori peringkat persepsi responden tentang pendekatan yang digunakan terhadap aspek pendidikan keusahawanan dipamerkan seperti dalam Jadual 6.11.

Jadual 6.11

Kategori Peringkat Persepsi Responden tentang Pendekatan yang Digunakan terhadap Aspek Pendidikan Keusahawanan

Aspek Pendidikan Keusahawanan	Persepsi Responden									
	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Neutral		Setuju		Sangat Setuju	
	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%
Pendekatan yang Digunakan	6	2	23	7.7	63	21	138	46	70	23.3

6. Fasilitator/Pensyarah

Fasilitator/Pensyarah merupakan tenaga pengajar yang memberikan pembelajaran kuliah keusahawanan dan boleh dinilai berdasarkan kualiti yang dimilikinya. Hasil kajian untuk semua jenis pemboleh ubah fasilitator/pensyarah yang berjumlah enam jenis purata. Hasil kajian memperlihatkan bahawa 1.66 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 3.67 peratus menyatakan tidak setuju, 17 peratus menyatakan neutral, 49.67 peratus menyatakan setuju dan 28 peratus menyatakan sangat setuju. Berdasarkan huraian tersebut dapatlah diperolehi gambaran bahawa 94.67 peratus daripada responden menyatakan sederhana, setuju dan sangat setuju. Ini bermakna aspek pendidikan keusahawanan boleh dilihat daripada pendekatan fasilitator/pensyarah yang memberikan pengajaran. Kategori peringkat persepsi responden tentang pensyarah terhadap aspek pendidikan keusahawanan dipamerkan seperti dalam Jadual 6.12.

Jadual 6.12

Kategori Peringkat Persepsi Responden tentang Fasilitator/Pensyarah terhadap Aspek Pendidikan Keusahawanan

Aspek Pendidikan Keusahawanan	Persepsi Responden									
	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Neutral		Setuju		Sangat Setuju	
	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%
Fasilitator/Pensyarah Keusahawanan	5	1.66	11	3.67	51	17	149	49.67	84	28

7. Rancangan Perniagaan

Sementara itu, rancangan perniagaan ialah bahan pendidikan keusahawanan yang mengajarkan cara bagaimana membuat dan mengaplikasikan sebuah rancangan perniagaan. Rancangan perniagaan bermula daripada menghasilkan konsep perniagaan sehinggalah kepada aspek pelaksanaannya. Hasil kajian untuk semua jenis pemboleh ubah rancangan perniagaan yang berjumlah empat jenis purata memperlihatkan bahawa 1.33 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 5.67 peratus menyatakan tidak setuju, 20 peratus menyatakan neutral, 57 peratus menyatakan setuju dan 1.6 peratus menyatakan sangat setuju. Berdasarkan huraian tersebut diperolehi gambaran bahawa 93 peratus daripada responden menyatakan sederhana, setuju dan sangat setuju. Ini bermakna aspek pendidikan keusahawanan seorang pelajar semasa menjalankan pengajaran boleh dilihat daripada pendekatan rancangan perniagaan. Kategori peringkat persepsi responden tentang rancangan perniagaan terhadap aspek pendidikan keusahawanan dipamerkan seperti dalam Jadual 6.13.

Jadual 6.13

Kategori Peringkat Persepsi Responden tentang Rancangan Perniagaan terhadap Aspek Pendidikan Keusahawanan

Aspek Pendidikan Keusahawanan	Persepsi Responden									
	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Neutral		Setuju		Sangat Setuju	
	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%
Rancangan Perniagaan	4	1.33	17	5.67	60	20	171	57	48	16

8. Gambaran Kontekstual

Gambaran kontekstual merupakan hasil daripada pengajaran keusahawanan yang memberikan gambaran mengenai keusahawanan. Hasil kajian untuk semua jenis pemboleh ubah gambaran kontekstual yang berjumlah enam jenis purata memperlihatkan bahawa 2 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 4 peratus menyatakan tidak setuju, 18.7 peratus menyatakan neutral, 59.7 peratus menyatakan setuju dan 15.6 peratus menyatakan sangat setuju. Berdasarkan huraian tersebut diperolehi gambaran bahawa 94 peratus daripada responden menyatakan sederhana, setuju dan sangat setuju. Ini bermakna aspek pendidikan keusahawanan seorang pelajar semasa menjalankan pengajaran boleh dilihat daripada pendekatan gambaran kontekstualnya. Kategori peringkat persepsi responden tentang gambaran kontekstual terhadap aspek pendidikan keusahawanan dipamerkan seperti dalam Jadual 6.14.

Jadual 6.14

Kategori Peringkat Persepsi Responden tentang Gambaran Kontekstual terhadap Aspek Pendidikan Keusahawanan

Aspek Pendidikan Keusahawanan	Persepsi Responden									
	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Neutral		Setuju		Sangat Setuju	
	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%
Gambaran Kontekstual	6	2	12	4	56	18.7	179	59.7	47	15.6

6.3.2. Deskripsi Aspek Halangan Keusahawanan

Aspek Halangan Keusahawanan merupakan halangan yang boleh menghalang niat seseorang. Halangan ini boleh berbentuk halangan yang nyata mahupun yang dipersepsikan. Ini boleh menyebabkan seorang calon usahawan gagal memulakan usahanya. Aspek halangan keusahawanan diukur dengan lima pemboleh ubah, seperti berikut.

1. Tidak Ada Modal

Tidak ada modal ialah keadaan yang dapat menggambarkan kekurangan modal atau kemampuan pelajar baik dari segi material mahupun bukan material untuk memulakan sesuatu usaha yang baru. Hasil kajian untuk semua jenis pemboleh ubah tidak mempunyai modal yang berjumlah empat jenis purata memperlihatkan bahawa 5.33 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 17.67 peratus menyatakan tidak setuju, 26 peratus menyatakan neutral, 38.67 peratus menyatakan setuju dan 12.33 peratus menyatakan sangat setuju. Berdasarkan huraian tersebut diperolehi gambaran bahawa 77 peratus daripada responden menyatakan sederhana, setuju dan sangat setuju. Ini bermakna aspek halangan keusahawanan seorang pelajar untuk memulakan usaha baharu boleh dilihat daripada kekurangan modal yang dihadapinya. Kategori peringkat persepsi responden tentang kekurangan modal terhadap aspek halangan keusahawanan dilihat seperti dalam Jadual 6.15.

Jadual 6.15

Kategori Peringkat Persepsi Responden tentang Tidak Ada Modal terhadap Aspek Halangan Keusahawanan

Aspek Halangan Keusahawanan	Persepsi Responden									
	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Neutral		Setuju		Sangat Setuju	
	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%
Tidak Ada Modal	16	5.33	53	17.67	78	26	116	38.67	37	12.33

2. Tidak Ada Kemahiran

Sementara itu, tidak ada kemahiran merupakan keadaan apabila pelajar merasa tidak memiliki kemahiran yang diperlukan untuk memulakan sesuatu usaha. Hasil kajian untuk semua jenis pemboleh ubah tidak ada kemahiran yang berjumlah tiga jenis purata memperlihatkan bahawa 4 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 18 peratus menyatakan tidak setuju, 25.3 peratus menyatakan neutral, 43.3 peratus menyatakan setuju dan 9.4 peratus menyatakan sangat setuju. Berdasarkan huraian tersebut diperolehi gambaran bahawa 78 peratus daripada responden menyatakan sederhana, setuju dan sangat setuju. Ini bermakna aspek halangan keusahawanan seorang pelajar boleh dilihat daripada tidak ada kemahiran. Kategori peringkat persepsi responden tentang tidak ada kemahiran terhadap aspek halangan keusahawanan dipamerkan seperti dalam Jadual 6.16.

Jadual 6.16

Kategori Peringkat Persepsi Responden tentang Tidak Ada Kemahiran terhadap Aspek Halangan Keusahawanan

Aspek Halangan Keusahawanan	Persepsi Responden									
	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Neutral		Setuju		Sangat Setuju	
	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%
Tidak Ada Kemahiran	12	4	54	18	76	25.3	130	43.3	28	9.4

3. Kenyataan yang Susah

Kenyataan yang susah adalah keadaan apabila pelajar percaya dan yakin bahawa keusahawanan merupakan pekerjaan yang sukar dan memiliki risiko. Hasil kajian untuk semua jenis pemboleh ubah kenyataan yang susah berjumlah empat jenis purata memperlihatkan bahawa 4.67 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 19.67 peratus menyatakan tidak setuju, 32.67 peratus menyatakan sederhana, 35.67 peratus menyatakan setuju dan 7.32 peratus menyatakan sangat setuju. Berdasarkan huraian tersebut diperolehi gambaran bahawa 75.66 peratus daripada responden menyatakan sederhana, setuju dan sangat setuju. Ini bermakna aspek halangan keusahawanan boleh dilihat daripada kenyataan yang susah. Kategori peringkat

persepsi responden tentang kenyataan yang susah terhadap aspek halangan keusahawanan dipamerkan seperti dalam Jadual 6.17.

Jadual 6.17

Kategori Peringkat Persepsi Responden tentang Kenyataan yang Susah terhadap Aspek Halangan Keusahawanan

Aspek Halangan Keusahawanan	Persepsi Responden									
	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Neutral		Setuju		Sangat Setuju	
	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%
Kenyataan yang Susah	14	4.67	59	19.67	98	32.67	107	35.67	22	7.32

4. Tidak Percaya Diri

Sementara itu, tidak percaya diri merupakan keadaan apabila pelajar merasa tidak memiliki kepercayaan kepada diri sendiri dan keyakinan untuk memulakan usaha baharu. Hasil kajian untuk semua jenis pemboleh ubah tidak percaya diri yang berjumlah empat jenis purata memperlihatkan bahawa 7 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 26.7 peratus menyatakan tidak setuju, 29.7 peratus menyatakan neutral, 29 peratus menyatakan setuju dan 7.6 peratus menyatakan sangat setuju. Berdasarkan huraian tersebut diperolehi gambaran bahawa 66.3 peratus

daripada responden menyatakan sederhana, setuju dan sangat setuju. Ini bermakna aspek halangan keusahawanan seorang pelajar boleh dilihat daripada tidak percaya diri yang dialaminya. Kategori peringkat persepsi responden tentang tidak percaya diri terhadap aspek halangan keusahawanan dipamerkan seperti dalam Jadual 6.18.

Jadual 6.18

Kategori Peringkat Persepsi Responden tentang Tidak Percaya Diri terhadap Aspek Halangan Keusahawanan

Aspek Halangan Keusahawanan	Persepsi Responden									
	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Neutral		Setuju		Sangat Setuju	
	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%
Tidak Percaya Diri	21	7	80	26.7	89	29.7	87	29	23	7.6

5. Biaya Diri Sendiri

Biaya Diri Sendiri merupakan biaya yang harus dikorbankan untuk memulakan usaha baharu. Hasil kajian untuk semua jenis pemboleh ubah biaya diri sendiri yang berjumlah tiga jenis purata memperlihatkan bahawa 3.33 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 15.3 peratus menyatakan tidak setuju, 28.3 peratus menyatakan neutral, 41.37 peratus menyatakan setuju dan 11.7 peratus menyatakan sangat setuju. Berdasarkan huraian tersebut diperolehi gambaran bahawa 81.37

peratus daripada responden menyatakan sederhana, setuju dan sangat setuju. Ini bermakna aspek halangan keusahawanan boleh dilihat daripada biaya diri sendiri yang dirasakan pelajar. Kategori peringkat persepsi responden tentang biaya diri sendiri terhadap halangan keusahawanan dipamerkan seperti dalam Jadual 6.19.

Jadual 6.19

Kategori Peringkat Persepsi Responden tentang Biaya Diri Sendiri terhadap Aspek Halangan Keusahawanan

Aspek Halangan Keusahawanan	Persepsi Responden									
	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Neutral		Setuju		Sangat Setuju	
	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%
Biaya Diri Sendiri	10	3.33	46	15.3	85	28.3	124	41.37	35	11.7

6.3.3. Deskripsi Niat Keusahawanan

Niat keusahawanan merupakan keputusan yang dibuat untuk memulakan usaha baharu dan diandaikan telah dirancang beberapa waktu sebelumnya serta telah dilanjutkan dengan niat untuk melakukannya. Niat keusahawanan merupakan gabungan antara persepsi selera dan persepsi kelayakan. Hasil penyelidikan lapangan

menunjukkan bahawa niat keusahawanan terdiri daripada dua pemboleh ubah, seperti berikut:

1. Persepsi Selera

Persepsi selera merupakan keadaan yang mengarah kepada darjah seseorang pelajar untuk merasa tertarik memulakan sesuatu usaha. Hasil kajian untuk semua jenis pemboleh ubah persepsi selera yang berjumlah tiga jenis purata memperlihatkan bahawa 7 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 15.3 peratus menyatakan tidak setuju, 25 peratus menyatakan neutral, 35.7 peratus menyatakan setuju dan 17 peratus menyatakan sangat setuju. Berdasarkan huraian tersebut diperolehi gambaran bahawa 77.7 peratus daripada responden menyatakan sederhana, setuju dan sangat setuju. Ini bermakna niat keusahawanan seorang pelajar boleh dilihat daripada persepsi selera. Kategori peringkat persepsi responden tentang persepsi selera terhadap niat keusahawanan dipamerkan seperti dalam Jadual 6.20.

Jadual 6.20

Kategori Peringkat Persepsi Responden tentang Persepsi Selera terhadap Aspek Niat Keusahawanan

Aspek Niat Keusahawanan	Persepsi Responden									
	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Neutral		Setuju		Sangat Setuju	
	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%
Persepsi selera	21	7	46	15.3	75	25	107	35.7	51	17

2. Persepsi Kelayakan

Persepsi Kelayakan ialah tertumpu sebagai darjah apabila seseorang menganggap mereka secara peribadi mampu untuk melaksanakan perilaku tertentu. Hasil kajian untuk semua jenis pemboleh ubah persepsi kelayakan yang berjumlah tujuh jenis purata memperlihatkan bahawa 1.33 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 12.33 peratus menyatakan tidak setuju, 38.67 peratus menyatakan neutral, 38.67 peratus menyatakan setuju dan 9 peratus menyatakan sangat setuju. Berdasarkan huraian tersebut diperolehi gambaran bahawa 86.34 peratus daripada responden menyatakan sederhana, setuju dan sangat setuju. Ini bermakna niat keusahawanan seorang pelajar boleh dilihat daripada persepsi kelayakan. Kategori peringkat persepsi responden tentang persepsi kelayakan terhadap niat keusahawanan dipamerkan seperti dalam Jadual 6.21.

Jadual 6.21

Kategori Peringkat Persepsi Responden tentang Persepsi Kelayakan terhadap Aspek Niat Keusahawanan

Aspek Niat Berwirausaha	Persepsi Responden									
	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Neutral		Setuju		Sangat Setuju	
	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%	Jlh	%
Persepsi Kelayakan	4	1.33	37	12.33	116	38.67	116	38.67	27	9

6.4. Hasil Pengukuran Setiap Faktor (Konstruk)


Hasil pengukuran terhadap dimensi-dimensi atau pemboleh ubah petunjuk yang dapat membentuk suatu faktor/konstruk/pemboleh ubah laten (*latent variable*) dengan *confirmatory factor analysis* secara berturut-turut digambarkan seperti berikut:

6.4.1. Faktor Pendidikan Keusahawanan

Pemboleh ubah yang diajukan sebagai petunjuk Pendidikan Keusahawanan ialah Kemahiran Keusahawanan (Dik 1); Pendekatan yang Digunakan (Dik 2); Fasilitator/Pensyarah (Dik 3); Rancangan Perniagaan (Dik 4) dan Gambaran Kontekstual (Dik 5). Hasil ujian dengan *confirmatory factor analysis* (CFA) untuk pemboleh ubah pendidikan keusahawanan dipamerkan seperti dalam Rajah 6.1. Manakala taburan hasil ujian model dipamerkan dalam Jadual 6.22.

Rajah 6.1

Hasil Ujian Model Pendidikan Keusahawanan



Chi-Square=40.145
Probability=.000
CMIN/DF=8.029
TLI=.492
GFI=.946
AGFI=.839
CFI=.746
RMSEA=.153

Jadual 6.22

Hasil Ujian Model Pendidikan Keusahawanan


INDEX	CUT-OFF VALUE	Hasil Model	Keterangan
X^2 – Chi-square	Diharapkan Kecil	40.145 > 11.07	Diharapkan kecil
Probability	≥ 0.05	0.000	Kurang Baik
RMSEA	≤ 0.08	0.153	Kurang Baik
GFI	≥ 0.90	0.946	Baik
AGFI	≥ 0.90	0.839	Kurang Baik
CMIND/DF	≤ 2.00	8.029	Kurang Baik
TLI	≥ 0.95	0.492	Kurang Baik
CFI	≥ 0.94	0.746	Kurang Baik

Pengujian terhadap hipotesis model menunjukkan bahawa model ini bersesuaian dengan data dan *fit* terhadap data yang sedia ada. Namun hasilnya belum memenuhi kriteria persyaratan yang dikehendaki pada Jadual 6.22 di atas. Hasil yang kurang baik ini memerlukan pengubahsuaian dengan merujuk kepada pengubahan nilai *fit* indeks, apabila dilakukan pengubahsuaian model. Oleh itu, pengubahsuaian perlu dilakukan dengan menghubungkan pengubahsuaian Kemahiran Perniagaan dengan Rancangan Perniagaan, Pendekatan yang Digunakan dengan Rancangan Perniagaan, Fasilitator/Pensyarah Keusahawanan dengan Gambaran Kontekstual, dan Rancangan

Perniagaan dengan Gambaran Kontekstual. Hasilnya boleh dilihat dalam Rajah 6.2, dan taburan hasil pengujian model ditunjukkan dalam Jadual 6.23, berikut:

Rajah 6.2

Model Modifikasi Hasil Ujian Model Pendidikan Keusahawanan



Jadual 6.23

Pengubahsuaian Hasil Model Ujian Model Pendidikan Keusahawanan

INDEX	CUT-OFF VALUE	Hasil Model	Keterangan
X^2 – Chi-square	Diharapkan Kecil	6.796 < 11.07	Kecil
Probability	≥ 0.05	0.070	Baik
RMSEA	≤ 0.08	0.039	Baik
GFI	≥ 0.90	0.991	Baik
AGFI	≥ 0.90	0.964	Baik
CMIND/DF	≤ 2.00	1.796	Baik
TLI	≥ 0.95	0.981	Baik
CFI	≥ 0.94	0.958	Baik

Berdasarkan hasil pengubahsuaian model yang dilakukan, semua kriteria telah memenuhi syarat seperti dalam Jadual 6.23 di atas. Sementara itu, berdasarkan Jadual 6.23 diperolehi bahawa pemboleh ubah indikator Kemahiran Perniagaan (Dik 1); Pendekatan Yang Digunakan (Dik 2); Fasilitator/pensyarah (Dik 3); Rancangan Perniagaan (Dik 4) dan Gambaran Kontekstual (Dik 5) signifikan, yang terlihat dari nilai t hitung dengan nilai probabiliti (p) sebesar 0.000.

Jadual 6.24

Loading Factor (λ)

Pengukuran Pendidikan Keusahawanan (X1)


Variabel Indikator	Koefisien Jalur	T hitung	Probability	Keterangan
Kemahiran Perniagaan	0.596		0.000	Signifikan
Pendekatan yang Digunakan	0.747	9.459	0.000	Signifikan
Fasilitator/Pensyarah	0.764	7.046	0.000	Signifikan
Rancangan Perniagaan	0.762	6.334	0.000	Signifikan
Gambaran Kontekstual	0.742	8.540	0.000	Signifikan

6.4.2. Faktor Halangan Keusahawan

Pemboleh ubah yang dikemukakan sebagai indikator Halangan Keusahawanan ialah Tidak Ada Modal (Hal 1); Tidak Ada Kemahiran (Hal 2); Kenyataan yang Susah (Hal 3); Tidak Percaya Diri (Hal 4) dan Biaya Kerelaan (Hal 5). Hasil pengujian dengan *confirmatory factor analysis* (CFA) untuk pemboleh ubah halangan keusahawanan dapat diperhatikan dalam Rajah 6.3.

Rajah 6.3

Hasil Ujian Model Halangan Keusahawanan



Chi-Square=64.216
Probability=.000
CMIN/DF=12.843
TLI=.770
GFI=.913
AGFI=.738
CFI=.885
RMSEA=.199

Bagi menguji dan mengetahui apakah model pengukuran memiliki kesesuaian dengan data, berikut ini disajikan evaluasi *Goodness of Fit Indices* (Jadual 6.25).

Jadual 6.25


Hasil Ujian Model Halangan Keusahawanan

INDEX	CUT-OFF VALUE	Hasil Model	Keterangan
X^2 – Chi-square	Diharapkan Kecil	64.216 > 11.07	Diharapkan kecil
Probability	≥ 0.05	0.000	Kurang Baik
RMSEA	≤ 0.08	0.199	Kurang Baik
GFI	≥ 0.90	0.913	Baik
AGFI	≥ 0.90	0.738	Kurang Baik
CMIND/DF	≤ 2.00	12.843	Kurang Baik
TLI	≥ 0.95	0.770	Kurang Baik
CFI	≥ 0.94	0.885	Kurang Baik

Pengujian terhadap hipotesis model menunjukkan bahawa model ini bersesuaian dengan data dan *fit* terhadap data yang sedia ada. Namun hasilnya belum memenuhi kriteria persyaratan yang dikehendaki pada Jadual 6.25 di atas. Hasil yang kurang baik ini memerlukan pengubahsuaian dengan merujuk kepada pengubahan nilai *fit* indeks. Oleh itu, pengubahsuaian model harus dilakukan. Pengubahsuaian dilakukan dengan menghubungkan pengubahsuaian Keyakinan yang Susah dengan Tidak Percaya Diri. Hasilnya boleh dilihat pada Rajah 6.4 dan taburan hasil pengujian model ditunjukkan dalam Jadual 6.26 berikut:

Rajah 6.4

Model Modifikasi Hasil Ujian Model Halangan Keusahawanan



Chi-Square=5.990
Probability=.200
CMIN/DF=1.497
TLI=.990
GFI=.992
AGFI=.970
CFI=.996
RMSEA=.041

Jadual 6.26

Pengubahsuaian Hasil Model Ujian Model Halangan

INDEX	CUT-OFF VALUE	Hasil Model	Keterangan
X^2 – Chi-square	Diharapkan Kecil	$5.990 < 11.07$	Kecil
Probability	≥ 0.05	0.200	Baik
RMSEA	≤ 0.08	0.041	Baik
GFI	≥ 0.90	0.992	Baik
AGFI	≥ 0.90	0.970	Baik
CMIND/DF	≤ 2.00	1.497	Baik
TLI	≥ 0.95	0.990	Baik
CFI	≥ 0.94	0.996	Baik

Berdasarkan hasil pengubahsuaian model yang dilakukan, semua kriteria telah memenuhi syarat seperti dalam Jadual 6.26 di atas. Sementara itu, berdasarkan Jadual 6.26 diperolehi bahawa pembolehubah petunjuk Tidak Ada Modal (Hal 1); Tidak Ada Kemahiran (Hal 2); Kenyataan yang Susah (Hal 3); Tidak Percaya Diri (Hal 4) dan Biaya Kerelaan (Hal 5) signifikan, yang terlihat dari nilai t hitung dengan nilai probability (p) sebesar 0.000.

Jadual 6.27

Loading Faktor (λ)

Pengukuran Halangan Keusahawanan (Y1)


Variabel Indikator	Koefisien Jalur	T hitung	Probability	Keterangan
Tidak Ada Modal	0.665		0.000	Signifikan
Tidak Ada Kemahiran	0.653	9.597	0.000	Signifikan
Kenyataan yang Susah	0.751	8.937	0.000	Signifikan
Tidak Percaya Diri	0.708	8.644	0.000	Signifikan
Biaya Diri Sendiri	0.680	9.949	0.000	Signifikan

6.4.3. Faktor Niat Keusahawanan

Pemboleh ubah yang dikemukakan sebagai petunjuk Niat Keusahawanan ialah Persepsi Selara (Niat 1) dan Persepsi Kelayakan (Niat 2). Hasil pengujian dengan *confirmatory factor analysis* (CFA) dapat dilihat dalam Rajah 6.5.

Rajah 6.5

Hasil Ujian Model Niat Keusahawanan



Chi-Square=.000
Probability=0.900
CMIN/DF=0.01
TLI=1.025
GFI=1.000
AGFI=1.000
CFI=1.000
RMSEA=0.000

Hasil ujian dapat mengetahui apakah model pengukuran memiliki kesesuaian dengan data, berikut ini ditunjukkan evaluasi *Goodness of Fit Indices* (Jadual 6.28).

Jadual 6.28

Hasil Ujian Model Niat Keusahawanan

INDEX	CUT-OFF VALUE	Hasil Model	Keterangan
X^2 – Chi-square	Diharapkan Kecil	0.000 = 0.000	kecil
Probability	≥ 0.05	0.900	Baik
RMSEA	≤ 0.08	0.000	Baik
GFI	≥ 0.90	1.000	Baik
AGFI	≥ 0.90	1.000	Baik
CMIND/DF	≤ 2.00	0.010	Baik
TLI	≥ 0.95	1.025	Baik
CFI	≥ 0.94	1.000	Baik

Pengujian terhadap hipotesis model menunjukkan bahawa model ini bersesuaian dengan data dan *fit* terhadap data yang sedia ada. Hasilnya telah dianggap memenuhi kriteria persyaratan yang dikehendaki pada Jadual 6.28 di atas. Berdasarkan Jadual 6.28 diperolehi bahawa pemboleh ubah petunjuk persepsi selera (Niat 1) signifikan, yang terlihat dari nilai *t* hitung dengan nilai probability (*p*) sebesar 0.000. Namun daripada Jadual 6.28 diperolehi juga bahawa pemboleh ubah petunjuk persepsi kelayakan (Niat 2) tidak signifikan, yang dapat dilihat daripada nilai *t* hitung dengan nilai probability (*p*) sebesar 1.000, secara sendirian.

Jadual 6.29

Loading Factor (λ)

Pengukuran Niat Keusahawanan (Z1)

Variabel Indikator	Koefisien Jalur	T Hitung	Probability	Keterangan
Persepsi Kelayakan	0.888		0.000	Signifikan
Persepsi Selera	0.450	0.000	1.000	Tidak Signifikan

6.5. Hasil Pengukuran Hubungan Setiap Faktor (Ujian Hipotesis)

Ujian model persamaan berstruktur dilakukan setelah perkiraan kesahihan dan kebolehpercayaan. Pengujian ini dilakukan secara bertahap, iaitu:

Pertama, menganalisis pengaruh pendidikan keusahawanan terhadap niat keusahawanan serta pengaruh setiap pemboleh ubah aspek pendidikan keusahawanan terhadap niat keusahawanan. Kedua, menganalisis pengaruh pendidikan keusahawanan terhadap halangan keusahawanan serta pengaruh setiap pemboleh ubah pendidikan keusahawanan terhadap halangan keusahawanan. Ketiga, menganalisis pengaruh halangan keusahawanan terhadap niat keusahawanan serta pengaruh setiap pemboleh ubah halangan keusahawanan terhadap niat. Keempat, menganalisis pengaruh pendidikan keusahawanan terhadap niat keusahawanan melalui halangan keusahawanan.


6.5.1. Pengaruh Pendidikan Keusahawanan terhadap Niat Keusahawanan

Hasil pengujian model hubungan Pendidikan terhadap Niat dijelaskan seperti Rajah

6.6. Manakala taburan hasil pengujian model ditunjukkan dalam Jadual 6.25.

Rajah 6.6.

Model Pengaruh Pendidikan terhadap Niat



Jadual 6.30

Hipotesis Hasil Model Pengaruh Pendidikan terhadap Niat


INDEX	CUT-OFF VALUE	Hasil Model	Keterangan
X^2 – Chi-square	Diharapkan Kecil	49.081 > 22.362	Diharapkan kecil
Probability	≥ 0.05	0.000	Kurang Baik
RMSEA	≤ 0.08	0.096	Kurang Baik
GFI	≥ 0.90	0.953	Baik
AGFI	≥ 0.90	0.90	Baik
CMIND/DF	≤ 2.00	3.775	Kurang Baik
TLI	≥ 0.95	0.676	Kurang Baik
CFI	≥ 0.94	0.800	Kurang Baik

Pengujian terhadap hipotesis model menunjukkan bahawa model ini bersesuaian dengan data dan *fit* terhadap data yang sedia ada. Namun, hasilnya belum memenuhi kriteria yang diinginkan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6.30 di atas. Hasil yang kurang baik ini memerlukan pengubahsuaian dengan merujuk kepada perubahan nilai *fit* indeks, apabila dilakukan pengubahansuaian model. Pengubahsuaian dilakukan dengan menghubungkan pengubahsuaian pendekatan yang digunakan dengan Rancangan Perniagaan, Fasilitator/ pensyarah keusahawanan

dengan Rancangan Perniagaan, Fasilitator/ pensyarah Keusahawanan dengan Gambaran Kontekstual dan Rancangan Perniagaan dengan Gambaran Kontekstual. Setelah dilakukan pengubahsuaian, hasilnya boleh dilihat dalam Rajah 6.7, dan taburan hasil pengujian model dipamerkan dalam Jadual 6.31.

Rajah 6.7.

Model Modifikasi Pengaruh Pendidikan Terhadap Niat



Jadual 6.31

Pengubahsuaian Hasil Model Pengaruh Pendidikan Terhadap Niat

INDEX	CUT-OFF VALUE	Hasil Model	Keterangan
X^2 – Chi-square	Diharapkan Kecil	$13.467 < 16.92$	Kecil
Probability	≥ 0.05	0.143	Baik
RMSEA	≤ 0.08	0.041	Baik
GFI	≥ 0.90	0.987	Baik
AGFI	≥ 0.90	0.960	Baik
CMIND/DF	≤ 2.00	1.496	Baik
TLI	≥ 0.95	0.95	Baik
CFI	≥ 0.94	0.975	Baik

Berdasarkan hasil pengubahsuaian model yang dilakukan, semua kriteria telah memenuhi syarat seperti ditunjukkan dalam Jadual 6.31 di atas. Hasil ujian ini membuktikan bahawa pendidikan berpengaruh terbalik dan negatif terhadap niat keusahawanan. Pengaruh ini dibuktikan dengan nilai Critical Ratio (CR) atau nilai t pengiraan sebanyak -0.380 , pada Degree of Freedom (DF)=13 dengan kebarangkalian sebanyak $p = 0.000$.

Computation of degrees of freedom (Default Model)

Number of Distinct Sample Moments : 28

Number of Distinct Parameters to be Estimated : 15

Degrees of Freedom (28-15) : 13

Nilai kebarangkalian ini lebih kecil daripada taraf signifikan yang ditentukan oleh α , iaitu 0.05, nilai *standar regression weight* sebanyak -0.03. Berdasarkan hasil pengiraan ini maka hipotesis satu (H_1) telah dibuktikan, yang menyatakan pendidikan keusahawanan berpengaruh negatif terhadap niat keusahawanan. Kesan langsung daripada pendidikan terhadap niat ialah sebanyak -3 peratus dan kesan tidak langsungnya sebanyak 0 peratus. Ini bererti hubungan kait tersebut negatif dan berlawanan. Namun, besarnya pengaruh yang membentuk konstruk pendidikan keusahawanan untuk setiap pemboleh ubah, iaitu pemboleh ubah Kemahiran Perniagaan sebanyak 60 peratus, pemboleh ubah Pendekatan yang Digunakan sebanyak 75 peratus, pemboleh ubah Fasilitator/Pensyarah Keusahawanan sebanyak 77 peratus, pemboleh ubah Rancangan Perniagaan sebanyak 77 peratus dan pemboleh ubah Gambaran Kontekstual sebanyak 74 peratus.

Hasil ujian model yang dilakukan, juga membuktikan bahawa :

- a. Kemahiran Perniagaan sebagai petunjuk pendidikan keusahawanan berpengaruh signifikan terhadap niat keusahawanan, sehingga hipotesis $H_{1.4}$ telah dibuktikan. Besarnya saiz pengaruh ini dijelaskan sebanyak 60.0 peratus.


- b. Pendekatan yang digunakan sebagai petunjuk pendidikan keusahawanan berpengaruh signifikan terhadap niat keusahawanan, sehingga hipotesis $H_{1.5}$ telah dibuktikan. Besarnya saiz pengaruh ini dijelaskan sebanyak 75.0 peratus.
- c. Fasilitator/ pensyarah sebagai petunjuk pendidikan keusahawanan berpengaruh signifikan terhadap niat keusahawanan, sehingga hipotesis $H_{1.6}$ telah dibuktikan. Besarnya saiz pengaruh ini dijelaskan sebanyak 77.0 peratus.
- d. Rancangan Perniagaan sebagai petunjuk pendidikan keusahawanan berpengaruh signifikan terhadap niat keusahawanan, sehingga hipotesis $H_{1.7}$ telah dibuktikan. Besarnya saiz pengaruh ini dijelaskan sebanyak 77.0 peratus.
- e. Gambaran Kontekstual sebagai petunjuk pendidikan keusahawanan berpengaruh signifikan terhadap niat keusahawanan, sehingga hipotesis $H_{1.8}$ telah dibuktikan. Besarnya saiz pengaruh ini dijelaskan sebanyak 74.0 peratus.

6.5.2. Pengaruh Pendidikan Keusahawanan terhadap Halangan Keusahawanan

Hasil ujian model hubungan pendidikan keusahawanan terhadap halangan keusahawanan dipamerkan seperti Rajah 6.8. Manakala taburan hasil ujian model dipamerkan dalam Jadual 6.32.

Rajah 6.8

Model Pengaruh Pendidikan terhadap Halangan



Uji Hipotesis Model
 Chi-Square=106.197
 Probability=.000
 CMIN/DF=3.123
 TLI=.645
 GFI=.929
 AGFI=.885
 CFI=.732
 RMSEA=.084

Jadual 6.32

Pengujian Hipotesis Hasil Model Pengaruh Pendidikan terhadap Halangan


INDEX	CUT-OFF VALUE	Hasil Model	Keterangan
X^2 – Chi-square	Diharapkan Kecil	106.197 > 48.60	Diharapkan kecil
Probability	≥ 0.05	0.000	Kurang Baik
RMSEA	≤ 0.08	0.084	Kurang Baik
GFI	≥ 0.90	0.929	Baik
AGFI	≥ 0.90	0.885	Kurang Baik
CMIND/DF	≤ 2.00	3.123	Kurang Baik
TLI	≥ 0.95	0.645	Kurang Baik
CFI	≥ 0.94	0.732	Kurang Baik

Pengujian terhadap hipotesis model menunjukkan bahawa model ini bersesuaian dengan data dan *fit* terhadap data yang sedia ada. Namun, hasilnya belum memenuhi kriteria persyaratan yang dikehendaki pada Jadual 6.32 di atas. Hasil yang kurang baik ini memerlukan pengubahsuaian dengan merujuk kepada pengubahan nilai *fit* indeks, apabila dilakukan pengubahsuaian model. Pengubahsuaian dilakukan dengan menghubungkan pengubahsuaian Kemahiran Perniagaan dengan Rancangan Perniagaan, Pendekatan yang Digunakan dengan Rancangan Perniagaan,

Fasilitator/Pensyarah keusahawanan dengan Gambaran Kontekstual, Rancangan Perniagaan dengan Gambaran Kontekstual, Tidak Ada Modal dengan Keyakinan yang Susah, Tidak Ada Kemahiran dengan Tidak Percaya Diri, Keyakinan yang Susah dengan Tidak Percaya Diri dan Pensyarah dengan Halangan, hasilnya boleh dilihat dalam Rajah 6.9, dan taburan hasil pengujian model dapat dilihat dalam Jadual 6.33.

Rajah 6.9

Model Modifikasi Pengaruh Pendidikan terhadap Halangan



Jadual 6.33

Pengubahsuaian Hasil Model Pengaruh Pendidikan terhadap Halangan

INDEX	CUT-OFF VALUE	Hasil Model	Keterangan
X^2 – Chi-square	Diharapkan Kecil	34.14 < 38.88	Kecil
Probability	≥ 0.05	0.131	Baik
RMSEA	≤ 0.08	0.032	Baik
GFI	≥ 0.90	0.977	Baik
AGFI	≥ 0.90	0.952	Baik
CMIND/DF	≤ 2.00	1.313	Baik
TLI	≥ 0.95	0.950	Baik
CFI	≥ 0.94	0.970	Baik

Berdasarkan hasil pengubahsuaian model yang dilakukan, semua kriteria telah memenuhi syarat seperti dalam Jadual 6.33 di atas. Sementara itu, hasil pengujian model membuktikan bahawa Pendidikan berpengaruh kecil dan positif terhadap halangan. Pengaruh ini dibuktikan dengan nilai *Critical Ratio (CR)* atau *t* hitung sebanyak 2.436, pada DF=34 dengan nilai kebarangkalian sebanyak $p=0.000$.

Nilai kemungkinan ini lebih kecil daripada taraf signifikan yang ditentukan oleh α , yaitu 0.05, nilai *standart regression weight* sebanyak 0.19. Oleh itu, hasil pengiraan ini maka hipotesis (H2) telah terjawab, yang menyatakan Pendidikan Keusahawanan berpengaruh kecil dan positif terhadap halangan keusahawanan. Kesan langsung daripada aspek pendidikan keusahawanan terhadap halangan keusahawanan adalah sebanyak 19 peratus dan kesan tidak langsungnya sebanyak 29 peratus. Ini bererti hubungan kait tersebut dapat dikatakan positif tetapi kecil. Besarnya pengaruh yang membentuk konstruk pendidikan keusahawanan untuk setiap pemboleh ubah, iaitu pemboleh ubah Kemahiran Perniagaan sebanyak 58 peratus, pemboleh ubah Pendekatan yang Digunakan sebanyak 73 peratus, pemboleh ubah Fasilitator/Pensyarah mata pelajaran keusahawanan sebanyak 77 peratus, pemboleh ubah Rancangan Perniagaan sebanyak 77 peratus dan pemboleh ubah Gambaran Kontekstual sebanyak 73 peratus.

Hasil ujian model yang dilakukan, juga membuktikan bahawa :

- a) Kemahiran perniagaan sebagai petunjuk pendidikan keusahawanan berpengaruh signifikan terhadap halangan keusahawanan, sehingga hipotesis $H_{2.4}$ telah dibuktikan. Besarnya saiz pengaruh ini dijelaskan sebanyak 58 peratus.
- b) Pendekatan yang digunakan sebagai petunjuk pendidikan keusahawanan berpengaruh signifikan terhadap halangan keusahawanan, sehingga hipotesis $H_{2.5}$ telah dibuktikan. Besarnya saiz pengaruh ini dijelaskan sebanyak 73 peratus.


- c) Fasilitator/Pensyarah yang digunakan sebagai petunjuk pendidikan keusahawanan berpengaruh signifikan terhadap halangan keusahawanan, sehingga hipotesis $H_{2.6}$ telah dibuktikan. Besarnya saiz pengaruh ini dijelaskan sebanyak 77 peratus.
- d) Rancangan Perniagaan sebagai petunjuk pendidikan keusahawanan berpengaruh signifikan terhadap halangan keusahawanan, sehingga hipotesis $H_{2.7}$ telah dibuktikan. Besarnya saiz pengaruh ini dijelaskan sebanyak 77 peratus.
- e) Gambaran Kontekstual sebagai petunjuk pendidikan keusahawanan berpengaruh signifikan terhadap halangan keusahawanan, sehingga hipotesis $H_{2.8}$ telah dibuktikan. Besarnya saiz pengaruh ini dijelaskan sebanyak 73 peratus.

6.5.3. Pengaruh Halangan Keusahawanan Terhadap Niat Keusahawanan

Hasil ujian model hubungan halangan keusahawanan terhadap niat keusahawanan dijelaskan seperti dalam Rajah 6.10. Manakala taburan hasil pengujian model dipamerkan dalam Jadual 6.34, berikut:

Rajah 6.10.

Model Pengaruh Halangan terhadap Niat



Uji Hipotesis Model
Chi-Square=69.885
Probability=.000
CMIN/DF=5.376
TLI=.518
GFI=.933
AGFI=.856
CFI=.702
RMSEA=.121

Jadual 6.34

Pengujian Hipotesis Hasil Model Pengaruh Halangan terhadap Niat


INDEX	CUT-OFF VALUE	Hasil Model	Keterangan
X^2 – Chi-square	Diharapkan Kecil	69.885 > 22.362	Diharapkan kecil
Probability	≥ 0.05	0.000	Kurang Baik
RMSEA	≤ 0.08	0.121	Kurang Baik
GFI	≥ 0.90	0.933	Baik
AGFI	≥ 0.90	0.856	Kurang Baik
CMIND/DF	≤ 2.00	5.376	Kurang Baik
TLI	≥ 0.95	0.518	Kurang Baik
CFI	≥ 0.94	0.702	Kurang Baik

Pengujian terhadap hipotesis model menunjukkan bahawa model ini bersesuaian dengan data dan *fit* terhadap data yang sedia ada. Namun, hasilnya belum memenuhi kriteria yang diinginkan seperti yang dipamerkan dalam Jadual 6.34. di atas. Hasil yang kurang baik ini perlu diubah suai dengan merujuk kepada pengubahan nilai *fit* indeks, apabila dilakukan pengubahsuaian model. Pengubahsuaian model dilakukan dengan menghubungkan pengubahsuaian Tidak Ada Kemahiran dan Keyakinan yang Susah, Tidak Ada Kemahiran dan Tidak Percaya Diri, Keyakinan yang Susah dan Biaya Diri Sendiri, Keyakinan yang Susah dan Persepsi Selera, Tidak Percaya Diri dan Persepsi Selera, Biaya Diri Sendiri dan Persepsi Selera. Selepas dilakukan

pengubahsuaian, hasilnya boleh dilihat dalam Rajah 6.11, dan taburan hasil pengujian model dapat dilihat pada Jadual 6.35.

Rajah 6.11.

Model Modifikasi Pengaruh Halangan terhadap Niat



Jadual 6.35

Pengubahsuaian Hasil Model Pengaruh Halangan terhadap Niat

INDEX	CUT-OFF VALUE	Hasil Model	Keterangan
X^2 – Chi-square	Diharapkan Kecil	$9.004 < 14.067$	Kecil
Probability	≥ 0.05	0.252	Baik
RMSEA	≤ 0.08	0.031	Baik
GFI	≥ 0.90	0.991	Baik
AGFI	≥ 0.90	0.966	Baik
CMIND/DF	≤ 2.00	1.286	Baik
TLI	≥ 0.95	0.968	Baik
CFI	≥ 0.94	0.989	Baik

Berdasarkan hasil pengubahsuaian model yang dilakukan, semua kriteria telah memenuhi syarat, seperti dalam jadual 6.35 di atas. Hasil pengujian ini membuktikan bahawa halangan keusahawanan berpengaruh terbalik dan negatif terhadap niat keusahawanan. Pengaruh ini dibuktikan dengan nilai *Critical Ratio (CR)* atau *t* pengiraan sebanyak -2.501, pada $DF = 13$ dengan kebarangkalian sebanyak $p = 0.000$.

Nilai kebarangkalian ini lebih kecil daripada taraf signifikan yang ditentukan oleh α , iaitu 0.05, nilai *standard regression weight* sebanyak -0.312. Hasil pengiraan

menjelaskan bahawa aspek halangan keusahawanan berpengaruh negatif terhadap niat keusahawanan, sehingga hipotesis tiga (H_3) telah terjawab. Kesan secara langsung daripada aspek halangan terhadap niat keusahawanan adalah sebanyak -31.0 peratus. Sementara kesan secara tidak langsungnya sebanyak 10 peratus. Ini bererti hubungan tersebut negatif dan berlawanan.

Namun begitu terdapat pengaruh yang membentuk konstruk halangan untuk setiap pemboleh ubah iaitu sebanyak 5 pemboleh ubah petunjuk yang masing-masing setiap hasilnya merupakan pemboleh ubah Tidak Ada Modal sebanyak 72 peratus, pemboleh ubah Tidak Ada Kemahiran sebanyak 68 peratus, pemboleh ubah Keyakinan yang Susah sebanyak 82 peratus, pemboleh ubah Tidak percaya Diri sebanyak 76 peratus dan pemboleh ubah Biaya Diri Sendiri sebanyak 69 peratus.

Hasil pengujian model yang dilakukan, juga membuktikan bahawa:

- a) Tidak Ada Modal sebagai petunjuk halangan keusahawanan berpengaruh signifikan terhadap niat keusahawanan, sehingga hipotesis $H_{3.1}$ telah terjawab. Besarnya saiz pengaruh ini dijelaskan sebanyak 72.0 peratus.
- b) Tidak Ada Kemahiran sebagai petunjuk halangan keusahawanan berpengaruh signifikan terhadap niat keusahawanan sehingga hipotesis $H_{3.2}$ telah terjawab. Pengaruh ini dijelaskan sebanyak 68.0 peratus.
- c) Keyakinan yang Susah sebagai indikator halangan keusahawanan berpengaruh signifikan terhadap niat keusahawanan sehingga hipotesis $H_{3.3}$ telah terjawab. Pengaruh ini dijelaskan sebanyak 82.0 peratus.


- d) Tidak Percaya Diri sebagai petunjuk halangan keusahawanan berpengaruh signifikan terhadap niat keusahawanan sehingga hipotesis $H_{3.4}$ telah terjawab. Pengaruh ini dijelaskan sebanyak 76.0 peratus.
- e) Biaya Diri Sendiri sebagai petunjuk halangan keusahawanan berpengaruh signifikan terhadap niat keusahawanan sehingga hipotesis $H_{3.5}$ telah terjawab. Pengaruh ini dijelaskan sebanyak 69.0 peratus.

6.6. Kesan Halangan dalam Hubungan di Antara Pendidikan dan Niat

Hasil pengujian model terhadap kesan halangan keusahawanan ke atas hubungan di antara pendidikan keusahawanan dan niat keusahawanan dijelaskan seperti dalam Rajah 6.12. Sementara taburan hasil pengujian model ditunjukkan dalam Jadual 6.36

Rajah 6.12.

Model Kesan Halangan ke atas Hubungan di Antara Pendidikan dan Niat



Jadual 6.36

Ujian Hipotesis Hasil Model Kesan Halangan ke atas Hubungan di Antara Pendidikan dan Niat


INDEX	CUT-OFF VALUE	Hasil Model	Keterangan
X^2 – Chi-square	Diharapkan Kecil	$141.738 > 68.67$	Diharapkan kecil
Probability	≥ 0.05	0.000	Kurang Baik
RMSEA	≤ 0.08	0.077	Baik
GFI	≥ 0.90	0.921	Baik
AGFI	≥ 0.90	0.879	Kurang Baik
CMIND/DF	≤ 2.00	2.779	Kurang Baik
TLI	≥ 0.95	0.633	Kurang Baik
CFI	≥ 0.94	0.716	Kurang Baik

Pengujian terhadap hipotesis model menunjukkan bahawa model ini bersesuaian dengan data dan *fit* terhadap data yang sedia ada. Namun, hasilnya belum memenuhi kriteria yang diinginkan seperti yang telah ditunjukkan dalam Jadual 6.36 di atas. Hasil yang kurang memuaskan ini mesti diubah suai dengan merujuk kepada perubahan nilai *fit* indeks, apabila dilakukan pengubahsuaian model. Pengubahsuaian model dilakukan dengan menghubungkan pengubahsuaian Kemahiran Perniagaan dengan Rancangan Perniagaan, Pendekatan yang Digunakan dengan Rancangan Perniagaan, Fasilitator/ Pensyarah Keusahawanan dengan

Gambaran Kontekstual, Kemahiran Perniagaan dengan Gambaran Kontekstual, Rancangan Perniagaan dengan Gambaran Kontekstual, Rancangan Perniagaan dengan Biaya Diri Sendiri, Tidak Ada Modal dengan Keyakinan yang Susah, Tidak Ada Kemahiran dengan Tidak percaya Diri, Keyakinan yang Susah dengan Tidak percaya Diri, Tidak Ada Modal dengan Persepsi Selera, Tidak Ada Kemahiran dengan Persepsi Selera dan Keyakinan yang Susah dengan Persepsi Selera. Selepas dilakukan pengubahsuaian maka hasilnya boleh dilihat dalam Rajah 6.13. Sementara itu, taburan hasil pengujian model juga boleh dilihat dalam Jadual 6.37.

Rajah 6.13.

Model Modifikasi Kesan Halangan ke atas Hubungan di Antara Pendidikan dan Niat



Jadual 6.37

Pengubahsuaian Hasil Model Modifikasi Kesan Halangan ke atas Hubungan di Antara Pendidikan dan Niat

INDEX	CUT-OFF VALUE	Hasil Model	Keterangan
X^2 – Chi-square	Diharapkan Kecil	$44.997 < 54.57$	Kecil
Probability	≥ 0.05	0.235	Baik
RMSEA	≤ 0.08	0.023	Baik
GFI	≥ 0.90	0.975	Baik
AGFI	≥ 0.90	0.950	Baik
CMIND/DF	≤ 2.00	1.154	Baik
TLI	≥ 0.95	0.968	Baik
CFI	≥ 0.94	0.981	Baik

Berdasarkan hasil pengubahsuaian model yang dilakukan, semua kriteria telah memenuhi syarat, seperti dalam jadual 6.37 di atas. Hasil pengujian ini membuktikan bahawa halangan keusahawanan tidak memberikan pengaruh yang signifikan dan positif terhadap hubungan di antara pendidikan keusahawanan dan niat keusahawanan. Seterusnya hasil pengiraan tersebut juga mendapati bahawa hipotesis yang menyatakan halangan keusahawanan berpengaruh positif dan signifikan terhadap hubungan di antara pendidikan keusahawanan dan niat keusahawanan ditolak, sehingga hipotesis empat (H₄) telah terjawab. Pengaruh ini dibuktikan dengan nilai

Critical Ratio (CR) atau *t* pengiraan antara pendidikan dengan halangan sebanyak 2.40 dan antara halangan dengan niat sebanyak -2.851, pada $DF=51$ dengan kebarangkalian iaitu $p=0.000$.

Nilai kebarangkalian ini lebih kecil daripada taraf signifikan yang ditentukan oleh α , iaitu sebanyak 0.05, nilai *standard regression weight* antara pendidikan keusahawanan dengan halangan keusahawanan sebanyak 0.19 dan antara halangan keusahawanan dengan niat keusahawanan sebanyak -0.33. Kesan secara langsung daripada halangan keusahawanan terhadap niat keusahawanan adalah sebanyak -33 peratus dan kesan secara tidak langsungnya sebanyak 11 peratus. Ini bererti hubungan tersebut negatif dan berlawanan. Berdasarkan rajah 6.13, terlihat bahawa ada 5 pemboleh ubah petunjuk yang membentuk konstruk pendidikan dan masing masing hasilnya, pemboleh ubah Kemahiran Perniagaan sebanyak 58 peratus, pemboleh ubah Pendekatan yang Digunakan sebanyak 73 peratus, pemboleh ubah Fasilitator/pensyarah Keusahawanan sebanyak 78 peratus, pemboleh ubah Rancangan Perniagaan sebanyak 77 peratus dan pemboleh ubah Gambaran Kontekstual sebanyak 74 peratus. Manakala konstruk halangan keusahawanan dibentuk oleh 5 pemboleh ubah petunjuk, setiap hasilnya pemboleh ubah Tidak Ada Modal sebanyak 72 peratus, pemboleh ubah Tidak Ada Kemahiran sebanyak 67 peratus, pemboleh ubah Keyakinan yang Susah sebanyak 83 peratus, pemboleh ubah Tidak percaya Diri sebanyak 78 peratus dan pembolehubah Biaya Diri Sendiri sebanyak 68 peratus.

6.7. Rumusan

Secara umum kajian telah membincangkan mengenai taburan responden terhadap ciri-ciri demografi yang dikaji. Selain itu, kajian juga telah menghuraikan deskripsi pemboleh ubah berdasarkan jawapan daripada responden. Sementara itu, di dalam bab 6 ini juga telah membincangkan dan mengenal pasti hubungan di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah dengan menggunakan SEM.

Berdasarkan hasil keputusan kajian menunjukkan bahawa pendidikan keusahawanan berpengaruh negatif dan terbalik terhadap niat keusahawanan. Sementara itu, pendidikan keusahawanan berpengaruh kecil dan positif terhadap halangan keusahawanan. Aspek halangan keusahawanan berpengaruh negatif dan terbalik terhadap niat keusahawanan.

Akhirnya dapat disimpulkan secara model penuh menunjukkan bahawa halangan keusahawanan tidak memberikan kesan yang signifikan dan positif ke atas hubungan di antara pendidikan keusahawanan dan niat keusahawanan. Keputusan-keputusan kajian ini akan dibincangkan secara lebih lanjut di dalam Bab 7 iaitu di bahagian perbincangan dan implikasi kajian.

BAB VII

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

7.1. Pengenalan

Bab ini akan membahaskan hipotesis yang dibuktikan dan disokong oleh fakta yang dapat diterima atau ditolak. Penerangan juga disertai penjelasan dengan menggunakan kaedah *Structural Equation Modelling* (SEM) dengan bantuan program Amos 16.00 dan koefisien jalur serta taraf signifikan.

Model lengkap yang dibahaskan adalah untuk pengukuran pengaruh pemboleh ubah laten atau faktor pengaruh Pendidikan Keusahawanan dan Halangan Keusahawanan terhadap Niat Keusahawanan. Pada pengukuran langkah yang ke-2 terlihat bahawa *Goodness of Fit Indicess* (GFI) dapat diterima. Oleh itu, hal ini menunjukkan model dan data sangat sesuai. Berdasarkan hasil modifikasi selanjutnya dapat diinterpretasikan dengan menjelaskan pengaruh pemboleh ubah laten/ konstruk atau faktor serta perkaitannya dengan fakta empirikal, teori-teori yang ada, kajian-kajian sebelumnya termasuk melalui kesan langsung dan tidak langsung. Penjelasan yang pelbagai ini dapat mengemukakan implikasi terhadap kajian iaitu implikasi teori dan implikasi praktikal dari penelitian. Seperti yang telah dijelaskan sebelumnya, penelitian ini bertujuan untuk menganalisis dan menguji pengaruh Pendidikan Keusahawanan dan Halangan Keusahawanan terhadap Niat Keusahawanan bagi pelajar yang mengambil kursus ini di Universiti Sumatera Utara.

Berdasarkan pengolahan dan analisis data penelitian terhadap dimensi pemboleh ubah atau konstruk yang terbentuk maka hasil diperoleh seperti berikut:

1. Konstruk pertama menguji faktor-faktor yang membentuk pemboleh ubah Pendidikan Keusahawanan dengan menggunakan *Confirmatory Factor Analysis* dan hasilnya menunjukkan bahawa model ini boleh diterima setelah dilakukan modifikasi sesuai dengan *modification indices*.
2. Konstruk kedua menguji faktor yang membentuk pemboleh ubah Halangan Keusahawanan dengan menggunakan *Confirmatory Factor Analysis* dan hasilnya menunjukkan bahawa model ini boleh diterima.
3. Konstruk ketiga menguji faktor yang membentuk pemboleh ubah Niat Keusahawanan dengan menggunakan *Confirmatory Factor Analysis* dan hasilnya juga menunjukkan bahawa model ini boleh diterima tanpa menghilangkan pemboleh ubah laten yang membentuk Niat Keusahawanan.

Berikut ini diuraikan perbincangan faktor-faktor yang membentuk setiap pemboleh ubah daripada kajian ini.

7.2 Pengaruh Pendidikan Keusahawanan terhadap Niat Keusahawanan

Hasil pengujian yang dilakukan dengan program AMOS 16.00 tentang pengaruh pendidikan keusahawanan terhadap niat keusahawanan menunjukkan bahawa pendidikan keusahawanan berpengaruh berlawanan dan negatif terhadap niat keusahawanan. Hal ini ditunjukkan dengan nilai critical ratio (CR) atau t hitungannya

sebesar -0.380 , pada $df = 13$ dengan probabiliti signifikan sebesar $p = 0.00$. Nilai kemungkinan ini lebih kecil daripada taraf signifikan yang ditentukan oleh α iaitu 0.05 , nilai standard regresi weight sebesar -0.03 . Oleh demikian hipotesis yang menyatakan pendidikan keusahawanan berpengaruh signifikan terhadap niat keusahawanan seperti yang telah dibincangkan sebelumnya telah terjawab. Nilai akibat kesan langsung dalam aspek pendidikan keusahawanan terhadap niat keusahawanan iaitu sebesar -3 peratus dan kesan tidak langsungnya pula bernilai 0 peratus. Ini bererti hubungan tersebut dapat dikatakan negatif dan berlawanan. Pengaruh hubungan yang negatif antara pendidikan keusahawanan dan niat keusahawanan ini berdasarkan hasil analisis adalah sebesar -3 peratus, sehingga hubungan ini tidak terlalu signifikan. Pengaruh negatif ini bererti semakin tinggi nilai pendidikan keusahawanan maka semakin rendah niat keusahawanannya.

Hasil kajian ini disokong oleh (Qomarun, 2000; Sumarseno, 2004; Fayolle, 2009) yang menyatakan bahawa ramai graduan universiti yang belum mampu menjadi usahawan. Apatah lagi, mereka cenderung berfikir bagaimana boleh diterima bekerja bersesuaian dengan kelulusan kesarjanaannya dan dengan gaji yang setimpal. Berdasarkan hasil kajian terdahulu didapati bahawa hanya 10 peratus daripada mereka yang mempunyai pendidikan tinggi berniat menjadi seorang usahawan. Mereka yang mempunyai pendidikan rendah didapati 49 peratus daripada mereka berniat menjadi seorang usahawan. Hal ini terjadi kerana pendidikan keusahawanan tidak dilihat daripada kepelbagaian konteks, sudut pandang, pengguna, tujuan dan metod. Oleh itu, sehingga ini sangat penting untuk dimasukkan kepada pemboleh ubah dalam kajian pendidikan keusahawanan.

Jika diteliti dalam rajah 6.6 (muka surat 174) hasil daripada model yang berkaitan dengan pengaruh pendidikan keusahawanan terhadap niat keusahawanan, didapati berdasarkan pemerhatian pelajar di Universiti Sumatera Utara, yang membentuk konstruk pendidikan keusahawanan terdapat 5 petunjuk. Saiz pengaruh yang membentuk konstruk pendidikan keusahawanan untuk setiap petunjuk ialah meliputi kemahiran perniagaan (Dik 1) iaitu 60 peratus, pendekatan yang digunakan (Dik 2) 75 peratus, pensyarah (Dik 3) 77 peratus, rancangan perniagaan (Dik 4) 77 peratus dan gambaran kontekstual (Dik 5) 74 peratus. Berdasarkan hasil analisis ini didapati bahawa kelima-lima pemboleh ubah kajian yang mengukur pendidikan keusahawanan yang merupakan aplikasi di Universiti Sumatera Utara, sangat berpengaruh terhadap niat keusahawanan melalui petunjuk daripada pendidikan keusahawanan. Petunjuk yang dominannya merupakan penglibatan para pensyarah dan rancangan perniagaan itu sendiri. Hal ini bererti peranan pensyarah dan rancangan perniagaan akan mempengaruhi niat pelajar untuk menjadi usahawan secara dominan daripada faktor-faktor lainnya. Setiap pemboleh ubah aspek pendidikan keusahawanan terhadap niat keusahawanan diuraikan seperti berikut.

7.2.1 Pengaruh Kemahiran Perniagaan Sebagai Petunjuk Pendidikan Keusahawanan Terhadap Niat Keusahawanan

Berdasarkan hasil pengujian model menunjukkan bahawa kemahiran perniagaan sebagai petunjuk nilai pendidikan keusahawanan, memberikan pengaruh besar kepada niat keusahawanan sebanyak 60 peratus. Secara teoritikal hubungan ini dapat diterima, apabila seseorang pelajar menguasai kemahiran perniagaan tentunya akan memberi pengaruh kepada niat keusahawanannya. Namun begitu dalam kajian ini

pengaruh kemahiran perniagaan sebagai penunjuk daripada pendidikan keusahawanan memberikan pengaruh yang negatif. Hal ini mungkin terjadi kerana kemahiran perniagaan yang diperolehi pelajar di universiti lebih kepada teori dan material yang diajarkan oleh pensyarah. Hal ini berhubungan dengan halangan-halangan dalam keusahawanan sehingga dapat mengurangkan niat untuk menjadi usahawanan. Pendapat ini disokong oleh kajian daripada Gibb (1987) dan Sakur (2006) yang menyatakan bahawa ramai pelajar hanya memandang keusahawanan sebagai suatu bidang ilmu sehingga tidak terfikir untuk mengaplikasikannya sebagai satu niat keusahawanan. Selama dalam proses belajar dan mengajar, yang terdapat dalam fikiran pelajar hanyalah mempelajari keilmuannya secara teori dan berniat untuk mendapatkan markah yang baik di akhir perkuliahan. Penekanan belajar di pelbagai badan pendidikan adalah terlalu banyak pada keadaan masa lalu, yang bertumpu kepada pengertian, timbal balik dan analisis daripada sejumlah besar maklumat. Kenyataannya keusahawanan bertumpu pada masa sekarang dengan sedikit masa untuk analisis kritikal.

7.2.2 Pengaruh Pendekatan Yang Digunakan Sebagai Penunjuk Pendidikan Keusahawanan Terhadap Niat Keusahawanan

Pendekatan yang digunakan sebagai petunjuk aspek pendidikan keusahawanan terbukti berpengaruh dengan nilai 75 peratus terhadap niat keusahawanan. Pendekatan yang digunakan sebagai penunjuk aspek pendidikan keusahawanan dalam kajian ini memberikan pengaruh yang negatif terhadap niat pelajar untuk menjadi seorang usahawan. Pembuktian ini sejajar dengan apa yang dikatakan oleh Gibb (1987), Fiet (2000a) dan Winarno (2007) bahawa strategi pembelajaran

keusahawanan yang diajarkan selama ini tidak cukup efektif dalam mengembangkan nilai-nilai keusahawanan kepada para pelajar. Demikian pula, pemahaman masalah keusahawanan oleh para pengelola telah memberikan sumbangan pula dalam kegagalan pencapaian objektif kelas dalam mencipta usahawan muda. Pemindahan pengetahuan antara pensyarah tidak sepenuhnya sesuai dengan apa yang disukai oleh pelajar dalam proses pembelajaran pendidikan keusahawanan. Pendekatan yang digunakan pada masa kini lebih banyak diajar dalam bentuk ceramah dan kertas projek (*project paper*). Sehingga pendekatan yang digunakan pada ketika ini tidak mengarah kepada pembentukan sikap untuk menjadi seorang usahawan tetapi lebih kepada penambahan wawasan keusahawanan dan keterampilan mengelola usaha secara teoritikal. Pendekatan yang diperlukan dalam keusahawanan adalah untuk membentuk sikap dan keahlian keusahawanan dengan menggunakan metod kombinasi pengajaran seperti melakukan *on the job training*. Oleh itu, kursus keusahawanan harus ada peningkatan terutama dalam penggunaan teori, dan sebaiknya hal ini boleh dicapai melalui aktiviti berdasarkan teori yang akan diajarkan.

7.2.3 Pengaruh Pensyarah Sebagai Penunjuk Pendidikan Keusahawanan Terhadap niat keusahawanan

Pensyarah di universiti merupakan seseorang yang berperanan sebagai wakil universiti. Berdasarkan hasil pengujian model menunjukkan bahawa pensyarah sebagai petunjuk pendidikan keusahawanan memberikan pengaruh dengan nilai 77 peratus terhadap niat keusahawanan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pensyarah sebagai penunjuk pendidikan keusahawanan memberikan pengaruh yang negatif terhadap niat pelajar untuk menjadi usahawan.

Hal ini sesuai dengan hasil kajian oleh Sakur (2006), mengenai pendidikan keusahawanan di Indonesia yang masih memiliki banyak kelemahan. Kelemahan yang utama ialah kekurangan usahawan yang sudah berjaya untuk mengajar, sehingga pensyarah umumnya merupakan pensyarah daripada institut pendidikan tinggi yang statusnya adalah sebagai seorang staf sahaja. Mereka sendiri tidak berpengalaman sebagai pelaku keusahawanan, sehingga penguasaan bahan hanyalah dari segi pengetahuannya sahaja. Hal ini menyebabkan pensyarah kurang mampu untuk menjelaskan tentang operasional daripada keusahawanan yang seterusnya akan dihadapi oleh pelajar apabila mereka memulakan usahanya kelak. Pensyarah yang sedia ada di pendidikan tinggi sebahagian besarnya memiliki pengalaman teoritikal yang lebih tinggi jika dibandingkan pengalaman praktikal dalam menjalankan kegiatan keusahawanan. Material atau bahan yang diberikan oleh pensyarah kepada pelajar lebih kepada pendekatan teoritikal semata-mata. Pensyarah juga kurang memotivasikan pelajar untuk menerapkan pendidikan keusahawanan yang diajarkannya sehingga pelajar tidak memiliki niat keusahawanan. Berdasarkan kajian Gibb (1987), menyebutkan bahawa usahawan yang mengajar kursus keusahawanan juga tidak sepenuhnya mengetahui bagaimana cara yang lebih disukai pelajar dalam pembelajaran. Sementara itu, Winarto (2007) menyebutkan mengenai pemahaman masalah keusahawanan bahawa para pensyarah kursus keusahawanan telah memberikan sumbangan dalam kegagalan untuk mencapai tujuan sebenarnya daripada pendidikan keusahawanan. Sebenarnya pada masa ini tumpuan dalam kaedah pendidikan keusahawanan lebih bersifat aktif, sehingga tidak mementingkan penilaian teori. Oleh itu, kurikulum keusahawanan yang digunakan sekarang kurang menarik dan kurang mampu mencapai tujuan pendidikan keusahawanan untuk menimbulkan niat keusahawanan daripada para pelajar di pendidikan tinggi.

7.2.4 Pengaruh Rancangan Perniagaan Sebagai Penunjuk Pendidikan Keusahawanan Terhadap Niat Keusahawanan

Proses belajar dan mengajar yang terjadi hanyalah berbentuk konseptual. Hal ini juga terjadi dalam bahan rancangan perniagaan yang merupakan salah satu penunjuk dominan yang berpengaruh sebesar 77 peratus kepada penentuan nilai pendidikan keusahawanan dalam pengaruhnya terhadap kurangnya niat keusahawanan. Hal ini disokong oleh kajian Fayolle dan Heinz (2006), Gibb (2002) dan Laukkanen (1998), yang menyatakan bahawa mengajar tentang keusahawanan sering tertumpu kepada cara memperbaiki kemampuan pelajar untuk menulis rancangan perniagaannya. Pelajar diajarkan bagaimana melihat formulasi daripada idea perniagaan mereka yang berpotensi sehingga pelajar dapat menggambarkan dan menemui usahanya, menggambarkan pasukan pengurusan mereka dan struktur usahanya, memutuskan rancangan pemasaran dan sebuah sistem perniagaannya sehingga boleh memilih pengimplementasian usaha mereka. Sementara tujuan pendidikan keusahawanan yang utama adalah untuk meningkatkan pengetahuan umum pelajar tentang keusahawanan, yang didominasi pelajaran tentang sejarah daripada teori keusahawanan. Sebenarnya sebuah rancangan perniagaan menurut Pretorius (2001), mencakupi bagaimana rancangan perniagaan digunakan iaitu bukan menulis rancangan perniagaan itu sahaja tetapi juga sehingga dapat mempertahankan dan melaksanakannya dalam bentuk praktikal. Bahan rancangan perniagaan yang diberikan kepada pelajar di tempat kajian, bukan menghasilkan sebuah rancangan perniagaan atau *business plan* yang menjadi panduan pelajar dalam melaksanakan sebuah usaha baharu. Sebuah rancangan perniagaan juga menggambarkan jenis usaha, proses produksi, sasaran

pasaran dan aspek kewangan. Sementara itu, bahan rancangan perniagaan yang diberikan kepada pelajar oleh pensyarah hanyalah merupakan konsep dan tidak menghasilkan sebuah dokumen rancangan perniagaan daripada setiap pelajar atau kelompok pelajar. Ini menyebabkan rancangan perniagaan yang dihasilkan pada bahan kursus keusahawanan di universiti terlalu konseptual dan teoritikal serta membuatkan niat keusahawanan pelajar kian menurun dengan sendirinya.

7.2.5 Pengaruh Gambaran Kontekstual Sebagai Penunjuk Pendidikan Keusahawanan Terhadap Niat Keusahawanan

Berdasarkan hasil pengujian model menunjukkan bahawa gambaran kontekstual sebagai penunjuk nilai pendidikan keusahawanan memberikan pengaruh kepada niat keusahawanan sebanyak 74 peratus. Hal ini bererti gambaran kontekstual sebagai petunjuk pendidikan keusahawanan memberikan pengaruh terhadap berkurangnya niat pelajar untuk menjadi seorang usahawan.

Secara teoritikal hubungan ini dapat diterima, apabila seorang pelajar mendapat gambaran yang berkenaan dengan keusahawanan semasa perkuliahan berlangsung tentunya akan memberi pengaruh kepada niat keusahawanannya. Hal ini disokong oleh kajian dari Yuwono dan Partini (2008), yang menyatakan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan tentang niat keusahawanan antara pelajar sebelum mengikuti pendidikan keusahawanan dan selepas mengikutinya. Hanya dalam kajian ini pengaruh gambaran kontekstual sebagai penunjuk daripada pendidikan keusahawanan memberikan pengaruh yang negatif sebesar 74 peratus. Hal ini terjadi

kerana gambaran kontekstual yang diperolehi pelajar di universiti kurang menuju kepada tujuan untuk melakukan atau terlibat dalam aktiviti keusahawanan. Hasil kajian Fayolle (2009), menyatakan bahawa pendidikan keusahawanan harus dilihat daripada kepelbagaian konteks dan sudut pandang, sesuai dengan kajian Kristiansen dan Indarti (2003). Kajian ini ada menyatakan bahawa proses pembentukan niat keusahawanan harus melalui beberapa tahap. Niat keusahawanan dibentuk oleh tiga ciri sifat yang utama iaitu kehendak untuk pencapaian, lokus kawalan dan kamanjuran sendiri (motivasi). Menurut Bandura (1997), individu yang memiliki motivasi yang tinggi akan memiliki niat yang tinggi untuk memajukan diri melalui bidang keusahawanan. Gambaran kontekstual yang selama ini diberikan pada kursus keusahawanan lebih kepada teori dan kurang memperhatikan pada konteks yang luas yang mencakupi hal-hal yang dapat meningkatkan niat berusaha daripada pelajar, dan membentuk watak menjadi seorang usahawan. Di samping itu, Winarto (2007), melalui kajiannya tentang keberkesanan pembelajaran keusahawanan menyatakan bahawa strategi dan bahan kursus keusahawanan belum efektif dalam mengembangkan nilai keusahawanan pelajar. Keadaan ini membuatkan para pelajar bosan saat mengikuti perkuliahan tersebut. Gambaran sebenar kontekstual yang diterima pelajar tidak menambahkan niat keusahawanan bahkan mengurangkan niat keusahawanan tersebut.

7.3 Pengaruh Pendidikan Keusahawanan Terhadap Halangan Keusahawanan

Berdasarkan hasil pengujian yang dilakukan dengan program AMOS 16.00 tentang pengaruh pendidikan keusahawanan terhadap halangan keusahawanan menunjukkan bahawa pendidikan keusahawanan berpengaruh positif terhadap halangan

keusahawanan. Hal ini ditunjukkan dengan nilai critical ratio (CR) atau t hitungannya sebesar 2.436, pada $df = 34$ dengan probabilitas signifikan sebesar $p = 0.00$. Nilai probabiliti ini lebih kecil dari taraf signifikan yang ditentukan oleh α iaitu 0.05, nilai *standard regression weight* sebesar 0.19. Oleh yang demikian hipotesis kedua yang dikemukakan telah terjawab, iaitu menyatakan bahawa pendidikan keusahawanan berpengaruh terhadap halangan keusahawanan. Besarnya kesan langsung daripada aspek pendidikan keusahawanan terhadap halangan keusahawanan ialah berjumlah 19 peratus dan kesan tidak langsungnya pula 29 peratus, Oleh itu, jumlah kesan secara keseluruhan ialah 48 peratus. Ini bererti hubungan tersebut dapat dikatakan positif tetapi kecil. Ini bermaksud semakin pelajar diberikan pendidikan keusahawanan maka akan meningkatkan halangan keusahawanan pelajar walau dalam nilai yang relatifnya kecil.

Hasil kajian ini bersesuaian dengan dapatan daripada Robertson et al. (2003) dan Volery et al. (1997). Kajian mereka menyatakan bahawa halangan keusahawanan berhubungan langsung terhadap jurang daripada kemahiran sumberdaya, termasuk di dalamnya jurang informasi tentang memulakan usaha baharu, sukarnya bertemu rakan kongsi, permodalan, kemahiran pemasaran, kemahiran pengurusan dan kewangan. Masalah-masalah ini kurang diperolehi daripada pelajar pendidikan keusahawanan di universitinya. Walaupun ada diberikan tetapi mungkin hanya merupakan konsep sahaja. Masalah ini agak sukar bagi pelajar untuk menerapkannya ketika mereka akan memulakan usahanya.

Hal ini bertentangan dengan kajian daripada Fayolle (2002), Tkachev dan Kovereid (1999) Kolvereid dan Moen (1997). Kajian ini menyatakan bahawa pendidikan keusahawanan mempengaruhi tingkah laku pada masa ini dan niat di masa hadapan sehingga terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar yang telah mengikuti pendidikan keusahawanan dan yang tidak mengikutinya terhadap kesan keusahawanan. Bahkan Johannison (1991) dan Autio et al. (1997), menekankan kesan positif daripada persepsi pelajar terhadap keusahawanan bersamaan dengan keadaan daripada sumber daya juga mekanisme lain yang tersedia dalam lingkungan universiti. Kajian ini juga menunjukkan bahawa kehadiran pendidikan keusahawanan dan imej positif daripada keusahawanan di dalam universiti menjadikan kedua-dua faktor ini sebagai dorongan bagi pelajar untuk memilih kerjaya keusahawanan. Ini bererti akan mengurangkan halangan keusahawanan dalam diri pelajar.

Berdasarkan rajah 6.8, model menunjukkan pengaruh pendidikan keusahawanan terhadap halangan keusahawanan daripada pemerhatian pelajar di Universiti Sumatera Utara, yang membentuk konstruk pendidikan keusahawanan sebanyak 5 petunjuk. Besarnya pengaruh yang membentuk konstruk pendidikan keusahawanan untuk setiap petunjuk ialah meliputi kemahiran perniagaan (Dik 1) sebanyak 58 peratus, pendekatan yang digunakan (Dik 2) 73 peratus, pensyarah (Dik 3) 77 peratus, rancangan perniagaan (Dik 4) 77 peratus dan gambaran kontekstual (Dik 5) 73 peratus. Berdasarkan data tersebut, ini bererti pendidikan keusahawanan memberi pengaruh positif secara langsung terhadap halangan keusahawanan sehingga menyebabkan kelima-lima variabel pemerhatian yang mengukur pendidikan keusahawanan yang merupakan aplikasi di Universiti Sumatera Utara, berpengaruh terhadap halangan keusahawanan. Penunjuk dominan ialah pensyarah dan rancangan

perniagaan. Oleh yang demikian pemboleh ubah kemahiran usaha, pendekatan yang digunakan, pensyarah, rancangan perniagaan dan gambaran kontekstual yang mengukur aspek pendidikan keusahawanan boleh ditetapkan sebagai penunjuk pendidikan keusahawanan dalam hubungannya dengan halangan keusahawanan pelajar. Penjelasan setiap pemboleh ubah aspek pendidikan keusahawanan terhadap halangan keusahawanan akan diuraikan pada bahagian berikutnya.

7.3.1 Pengaruh Kemahiran Perniagaan Sebagai Penunjuk Pendidikan Keusahawanan Terhadap Halangan Keusahawanan

Berdasarkan hasil ujian model juga membuktikan bahawa kemahiran perniagaan iaitu kemahiran yang diperolehi pelajar mengenai perniagaan untuk memulakan usaha saat mendapatkan pendidikan keusahawanan menentukan aspek pendidikan keusahawanan sebanyak 58 peratus. Pada deskripsi data jadual 6.10 (muka surat 147) kemahiran perniagaan dibahagikan kepada beberapa kategori dengan skor nilai sederhana, setuju dan sangat setuju sebanyak 89.1 peratus. Hasil ini memberi penunjuk bahawa kemahiran perniagaan merupakan faktor yang mempengaruhi pendidikan keusahawanan terhadap halangan keusahawanan.

Kemahiran perniagaan yang diperolehi pelajar selama mengikuti pendidikan keusahawanan harus berdasarkan pada situasi dunia yang nyata. Ini akan memudahkan lagi para pelajar untuk mengimplementasikan apa yang telah mereka pelajari (Sexton dan Bowman-Upton, 1991). Namun begitu, pendidikan keusahawanan di Indonesia masih memiliki banyak kelemahan. Ini terutamanya dalam kurikulum yang tidak menarik dan masih kekurangan pusat-pusat latihan

keusahawanan baik secara formal mahupun informal sebagai tempat melatih kemahiran usaha pelajar (Sakur, 2006). Kebanyakan sistem pendidikan di Indonesia masih mengamalkan prinsip belajar untuk mengetahui sesuatu hal (lebih tertumpu pada teori), bukan secara praktikal (Siswoyo, 2009). Di samping itu, bahan pembelajaran yang digunakan sebagai rujukan utama oleh para pensyarah sangat terbatas. Selain itu, para pensyarah juga terikat oleh sasaran pemenuhan standard kompetensi dalam sukatan yang digunakan sebagai panduan dalam mengajar di universiti. Kemahiran perniagaan yang diberikan oleh para pensyarah hanya meliputi segi teoritikalnya sahaja. Pada material halangan keusahawanan bertumpu pada halangan memulakan usaha, bukan bagaimana mengatasi halangan tersebut sehingga halangan itu menjadi peluang untuk berusaha. Hal ini membuatkan pelajar semakin tidak memiliki kepercayaan diri akan kemahiran usaha yang dimilikinya (Winarno, 2009). Kenyataan ini sejajar dengan kajian dari Rebertson *et al.* (2003). Berdasarkan kajian ini halangan keusahawanan terhadap pelajar ialah kerana mereka tidak memiliki idea perniagaan, kesempatan, dan juga pelajar tidak memiliki pengalaman untuk memulakan usaha. Winarto (2007), yang juga melakukan kajian tentang keberkesanan pembelajaran keusahawanan di kelas keusahawanan kejuruan di Malang menyatakan bahawa strategi dan bahan yang diberikan tidak cukup untuk mencapai tujuan menambah kemahiran perniagaan bagi pelajar. Hal ini juga dapat menimbulkan halangan keusahawanan bagi pelajar untuk menjadi seorang usahawan di masa depan.

7.3.2 Pengaruh Pendekatan Yang Digunakan Sebagai Penunjuk Pendidikan Keusahawanan Terhadap Halangan Keusahawanan

Hasil kajian model juga membuktikan bahawa pendekatan yang digunakan iaitu hal yang berhubungan dengan faedah, bahan dan keadaan pembelajaran pendidikan keusahawanan yang diberikan oleh pensyarah kepada para pelajar ketika kursus keusahawanan. Hal ini menentukan aspek pendidikan keusahawanan sebanyak 73 peratus. Hasil ini membuktikan bahawa pendekatan yang digunakan merupakan penunjuk penentuan nilai pendidikan keusahawanan dalam mempengaruhi halangan keusahawanan.

Proses keusahawanan meliputi tahap inovator yang mengemukakan idea untuk diperhatikan sebagai peristiwa penggerak dan dilanjutkan dengan mengembangkan idea untuk pelaksanaan membuat produk-produk baru. Proses ini meliputi kreativiti dan inovasi sesuai dengan model proses keusahawanan daripada Carol Moore (Pearce & Robinson, 1986). Berkenaan dengan pendidikan keusahawanan, Gibb (1987) menyebutkan bahawa terdapat terlalu sedikit proses yang disukai pelajar tentang pendidikan keusahawanan dalam pemindahan pengetahuan. Dalam proses pendidikan ini harus ada pengertian bahawa pensyarah cuba untuk memenuhi keinginan dan keperluan pelajar. Oleh itu, dalam proses belajar dan pembelajaran pensyarah harus memiliki karakteristik untuk melayani keinginan dan keperluan pelajar, bukan transformasi pengetahuan menurut selera universiti dan juga pensyarah. Jika bahan dan pendekatan yang digunakan bersesuaian dengan harapan pelajar, maka boleh menimbulkan minat yang mendalam dan akan meningkatkan niat keusahawanan kepada pelajar (Kasali, 2005). Sementara hasil kajian Winarno (2009)

yang menyatakan bahawa kaedah yang digunakan dalam pendidikan keusahawanan di institusi pendidikan tinggi di Indonesia lebih banyak berbentuk ceramah, sedikit perbincangan serta aspek tugas. Media pembelajaran yang digunakan sangat minimum iaitu hanya dengan menggunakan buku teks, LCD dan *power point*. Pensyarah juga mengajar hanya memenuhi standard kompetensi dalam sukatan pelajaran yang digunakan sebagai panduan.

Jika diteliti di Universiti Sumatera Utara pendidikan keusahawanan hanya merupakan kursus wajib di salah satu semester dengan jumlah 2 (dua) Satuan Kredit Semester. Secara tidak langsung kursus ini umumnya diberikan atau disampaikan dalam bentuk bersemuka tanpa ada praktikalnya. Kaedah pengajarannya seperti ini menjadikan pensyarah lebih aktif dalam menyampaikan kuliah yang berkaitan dengan teori-teori keusahawanan, dan sesuai dengan Satuan Acuan Pengajaran (SAP) dan Garis Besar Pedoman Pengajaran (GBPP) yang telah disiapkan terlebih dahulu sebelum pengajaran di awal semester. Pendekatan yang digunakan ini dapat menimbulkan halangan keusahawanan bagi pelajar untuk menjadi seorang usahawan, kerana pelajar tidak menjalani praktikal sebagai usahawan.

7.3.3 Pengaruh Pensyarah Sebagai Penunjuk Pendidikan Keusahawanan Terhadap Halangan Keusahawanan

Pada deskripsi data jadual 6.12 (muka surat 150) petunjuk pensyarah menunjukkan kategori dominan terhadap nilai aspek pendidikan keusahawanan dengan skor nilai sederhana, setuju dan sangat setuju sebesar 94.67 peratus. Hasil ini mengandaikan bahawa pensyarah memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pendidikan

keusahawanan terhadap halangan keusahawanan. Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi menyatakan bahawa pendidikan keusahawanan memiliki pengaruh yang positif. Ini bermaksud semakin diberikan pendidikan keusahawanan maka halangan keusahawanan itu menjadi semakin besar.

Penemuan ini bersesuaian dengan kajian Sakur (2006), yang menyatakan bahawa para pelajar dapat memahami pendidikan keusahawanan apabila disampaikan oleh pensyarah yang menguasai bidang tersebut dengan baik. Hal ini akan berpengaruh terhadap halangan keusahawanan. Kenyataannya pendidikan keusahawanan di pendidikan tinggi, memiliki pensyarah dalam kalangan pensyarah yang menguasai bidang keilmuan tetapi kurang menguasai aplikasi aspek keusahawanan itu sendiri. Keadaan ini menyebabkan para pelajar hanya diberitahu tentang pengetahuan daripada keusahawanan itu sahaja. Ini akan membuatkan para pelajar semakin tidak menyukai bahan pendidikan keusahawanan bahkan semakin meningkatkan halangan keusahawanan bagi pelajar. Kelemahan utama sebenarnya adalah kerana kurangnya niat usahawan yang telah berjaya untuk turut serta mengajar ilmu keusahawanan kepada pelajar di universiti. Alasan kesibukan mengendalikan perniagaan dijadikan alasan utama.

Kasali (2005), menyatakan juga bahawa tugas pensyarah adalah lebih banyak sebagai fasilitator (mentor) yang mengawasi dan mengarahkan pelajar untuk belajar. Dalam proses pembelajaran, harus banyak menekankan kepada proses belajar secara persendirian. Tujuannya adalah supaya mewujudkan kreativiti berfikir, menimbulkan rasa percaya diri, memberi keterampilan menyelesaikan permasalahan dan mengambil keputusan, membiasakan menemukan peluang, mewujudkan jiwa yang inovatif

sehingga timbulnya sikap berani menanggung risiko. Ciri-ciri ini diperlukan untuk melahirkan seorang usahawan yang berjaya.

Hasil penelitian terdahulu yang menyokong kenyataan ini adalah penelitian yang dilakukan oleh Winarno (2007). Hasil penelitian beliau menyatakan bahawa pembelajaran pendidikan keusahawanan tidak cukup efektif. Ini disebabkan oleh pemahaman para pensyarah memberikan sumbangan kepada kegagalan pencapaian tujuan daripada pendidikan keusahawanan tersebut. Kebiasaannya sistem pendidikan yang dilaksanakan oleh para pensyarah di institusi pendidikan tinggi lebih cenderung membatasi pergerakan dan kreativiti pelajar. Kaedah yang digunakan pensyarah juga kurang mampu untuk mendidik pelajar menjadi lebih kreatif, khususnya dalam meningkatkan niat keusahawanan pelajar.

7.3.4 Pengaruh Rancangan Perniagaan Sebagai Penunjuk Pendidikan Keusahawanan Terhadap Halangan Keusahawanan

Hasil kajian juga menyatakan bahawa rancangan perniagaan iaitu bahan pendidikan keusahawanan berkaitan dengan pembuatan sebuah rancangan perniagaan. Kebiasaannya bermula daripada pembuatan konsepnya di bidang usaha, aspek memasarkan yang meliputi aspek kewangan sehingga saat pelaksanaannya usaha tersebut. Ini merupakan penunjuk yang menentukan nilai daripada pendidikan keusahawanan sebanyak 77 peratus. Rancangan perniagaan merupakan aspek yang cukup dominan dalam penentuan nilai pendidikan keusahawanan dalam hubungannya dengan halangan keusahawanan. Rancangan perniagaan yang diberikan kepada pelajar kurang diaplikasikan, dan hanya tertumpu kepada teori keusahawanan semata-

mata. Dalam material rancangan perniagaan yang diperolehi oleh pelajar banyak aspek yang harus diperhatikan seperti aspek pasaran, teknologi, operasional, manusia, kewangan dan pengurusan. Ini membuatkan para pelajar merasakan hal itu menjadi halangan yang harus dihadapi dalam keusahawanan (Soemanto, 2002).

Model tiga tahap mengenai evolusi pendidikan keusahawanan daripada Harrison dan Leitch (1994), merupakan asas pengembangan kajian iaitu (1) pendekatan karakteristik pendidikan keusahawanan sebagai sebahagian daripada pendidikan pengurusan umum, (2) pendidikan keusahawanan harus berbeza secara kualitatif dengan pendidikan dasar pengurusan dan hal ini disokong oleh kajian daripada Vesper (1982) dan Filion (1991), serta (3) munculnya rekonseptual di lapangan yang merupakan dasar atas reintegrasi pendidikan pengurusan dan pendidikan keusahawanan dengan menghubungkan pendidikan keusahawanan dalam kepemimpinan dan pengorganisasian usaha. Apabila dalam proses pembelajaran rancangan perniagaan tidak hanya tertumpu kepada teori pembuatannya sahaja tetapi dihubungkan dengan aspek pengurusan dan konseptual di lapangan dalam merealisasikan rancangan perniagaan tersebut. Sehingga di akhir pembelajaran nanti para pelajar telah memiliki sebuah rancangan perniagaan yang siap untuk di aplikasikan sesuai mengikut tahap dan aspek-aspek tertentu. Namun begitu, rancangan perniagaan yang diajarkan kepada pelajar di Universiti Sumatera Utara masih dalam bentuk konsep dan ini sukar untuk dilaksanakan sehingga menjadi penunjuk pendidikan keusahawanan yang menjadikan halangan bagi pelajar di sini untuk menjadi seorang usahawan.

7.3.5 Pengaruh Gambaran Kontekstual Sebagai Penunjuk Pendidikan Keusahawanan Terhadap Halangan Keusahawanan

Gambaran kontekstual merupakan hasil daripada pengajaran kursus keusahawanan yang memberikan gambaran mengenai aktiviti keusahawanan, dan merupakan penunjuk daripada nilai pendidikan keusahawanan sebanyak 73 peratus dalam memberikan pengaruh kepada halangan keusahawanan. Hal ini berkaitan dengan kajian dari Ifham (2000), yang menyatakan bahawa seseorang yang mempunyai pendidikan diharapkan menjadi orang yang mampu membuat perubahan kerana mereka memiliki kemampuan untuk berfikir dan berperilaku sebagai seorang usahawan. Namun pada masa ini, pendidikan tinggi masih belum berjaya memberikan kemampuan untuk membentuk keperibadian yang bersifat berdikari, kreatif, dan inovatif. Kecenderungan yang ada dalam pendidikan tinggi mempersempitkan ruang gerak dan kreativiti pelajar.

Pendidikan keusahawanan telah diajarkan di Indonesia sejak 1971, tetapi sehingga sekarang masih terdapat masalah dalam kadar pengangguran dalam kalangan individu yang berpendidikan. Institusi pendidikan tinggi dinilai belum berjaya memberikan kemampuan untuk membentuk keperibadian yang bersifat berdikari, kreatif, demokratik dan inovatif. Gambaran kontekstual yang diajar masih tidak mampu mendidik pelajar untuk menjadi lebih kreatif, khususnya dalam kehidupan seharian dan keusahawanan (Soemanto, 2002)

Dunia pendidikan keusahawanan juga masih mempunyai masalah. Ini terutamanya dalam gambaran kontekstual yang akan diberikan dalam kursus keusahawanan iaitu dalam pengembangan orientasi keusahawanan di universiti. Oleh yang demikian perlu dibentuk strategi pengembangan gambaran kontekstual kursus keusahawanan di universiti serta pengembangan kurikulum yang inovatif dan bentuk pengajaran yang beraneka ragam (Blenker *et al.*, 2006).

7.4 Pengaruh Halangan Keusahawanan Terhadap Niat Keusahawanan

Dalam kajian halangan keusahawanan terhadap niat keusahawanan telah menunjukkan hasilnya, melalui perkiraan program Amos 16.00. Ini ternyata menunjukkan pengaruh yang negatif dan berlawanan, dengan nilai *standardized regression weight* = - 0.312, nilai *Critical Ratio* (CR) atau t pengiraan sebanyak - 2.501, pada DF = 13 dengan keberangkalian sebanyak $p = 0.0000$. Oleh yang demikian permasalahan ketiga yang dibahas sebelumnya telah terjawab dan hipotesis telah terjawab. Kesan langsung daripada aspek halangan keusahawanan terhadap niat keusahawanan adalah sebanyak -31.0 peratus, kesan tidak langsung sebanyak 10 peratus, dan hubungan tersebut negatif dan berlawanan. Ini bermaksud semakin tinggi halangan keusahawanan maka niat keusahawanan pelajar akan semakin rendah. Hal ini sesuai dengan kajian daripada Saywell dan Plott (2002). Berdasarkan kajiannya di Singapura mengenai halangan keusahawanan yang berhubungan dengan kegagalan usaha seperti keterbatasan tenaga kerja, tingginya cukai (*tax*), undang-undang kerajaan, dan rendahnya budaya keusahawanan membuatkan niat pelajar menjadi usahawan semakin menurun.

Kajian ini bertentangan dengan teori Stoltz (2000), yang menyatakan bahwa kecerdasan menghadapi halangan merupakan suatu kemampuan untuk mengubah halangan menjadi suatu peluang mencapai kejayaan melalui kemampuan berfikir, mengelola dan mengarahkan tindakan yang membentuk suatu pola-pola tanggapan kognitif dan perilaku atas stimulus peristiwa-peristiwa dalam kehidupan yang merupakan tantangan atau kesukaran. Cara suatu pasukan kerja dalam memberi tindak balas terhadap kesukaran atau halangan, baik secara sendiri mahupun bersama, akan mempunyai kesan jangka panjang dari segi kejayaan dalam sebuah organisasi atau perusahaan. Walaupun terdapatnya latihan kecerdasan dalam menghadapi halangan yang boleh menciptakan semua organisasi agar terus bertahan apabila yang lainnya gagal atau menyerah. Kecerdasan dalam menghadapi halangan juga mempengaruhi pengetahuan, kreativiti, produktiviti, prestasi, motivasi, pengambilan risiko, dan kejayaan dalam pekerjaan yang dihadapi.

Seperti yang tertera dalam rajah 6.10, model pengaruh halangan keusahawanan terhadap niat keusahawanan berdasarkan pemerhatian pelajar di Universiti Sumatera Utara, yang membentuk konstruk halangan keusahawanan sebanyak 5 penunjuk. Besarnya pengaruh yang membentuk konstruk halangan keusahawanan untuk setiap penunjuk ialah tidak ada modal (Hal 1) sebanyak 72 peratus, tidak ada kemahiran (Hal 2) 68 peratus, keyakinan yang susah (Hal 3) 82 peratus, tidak percaya diri (Hal 4) 76 peratus dan biaya diri sendiri (Hal 5) 69 peratus. Berdasarkan data tersebut bererti penunjuk yang dominan mengukur halangan keusahawanan yang berpengaruh terhadap niat keusahawanan adalah keyakinan yang susah. Setiap pemboleh ubah aspek halangan keusahawanan terhadap niat keusahawanan diuraikan seperti berikut.

7.4.1 Pengaruh Tidak Ada Modal Sebagai Penunjuk Halangan Keusahawanan Terhadap Niat Keusahawanan

Hasil kajian model juga membuktikan bahawa tidak ada modal iaitu keadaan yang menggambarkan kurang kemampuan pelajar baik dari segi bahan mahupun bukan bahan untuk memulakan usahanya, dan ini menentukan aspek halangan keusahawanan sebanyak 72 peratus. Berdasarkan hasil tersebut membuktikan bahawa ketiadaan modal merupakan penunjuk penentuan nilai halangan keusahawanan dalam mempengaruhi niat keusahawanan.

Sementara itu, kajian Sutjipto (2002), menyokong dapatan ini yang menyatakan bahawa faktor modal sering dijadikan alasan dalam memulakan sesuatu usaha baharu. Dalam memulakan suatu usaha baru bukan hanya faktor modal yang menjadi halangan tetapi juga kemampuan menganalisis kelebihan dan kekurangan diri sendiri, kepercayaan diri, inisiatif serta kreativiti sangat diperlukan sebagai langkah awal untuk menjalankan usaha, dan juga mengingatkan bahawa keusahawanan merupakan bidang kerjaya yang penuh risiko. Ini juga bersesuaian dengan kajian Choo dan Wong (2006). Menurut beliau, keadaan ekonomi yang buruk juga dianggap sebagai faktor terbesar yang menjadi halangan keusahawanan. Ini diikuti dengan rasa takut untuk mengambil risiko yang juga cukup besar. Hal ini bersesuaian dengan kajian daripada Robertson *et al.* (2003), yang menyatakan bahawa halangan keusahawanan bagi pelajar adalah kerana mereka tidak memiliki idea perniagaan dan kesempatan usaha, serta mereka menganggap risiko kewangan sebagai halangan untuk memulakan usaha.

Keadaan ini ditambah lagi dengan timbul perasaan takut berhutang, takut gagal, kesukaran memperolehi pembiayaan, dan kesulitan menghadapi peraturan dan perpajakan yang diperlukan terhadap aktiviti usaha.

7.4.2 Pengaruh Tidak Ada Kemahiran Sebagai Penunjuk Halangan Keusahawanan Terhadap Niat Keusahawanan

Berdasarkan dapatan kajian juga menyatakan bahawa tidak ada kemahiran merupakan keadaan apabila pelajar merasakan mereka tidak memiliki kemahiran yang diperlukan untuk memulakan sebuah usaha. Oleh itu, petunjuk ini sangat mempengaruhi aspek halangan keusahawanan sebanyak 68 peratus. Hasil ini membuktikan bahawa tidak ada kemahiran merupakan penunjuk penentuan nilai halangan keusahawanan dalam mempengaruhi niat keusahawanan.

Menurut Robertson *et al.* (2003) dan Volery *et al.* (1997) tidak ada kemahiran termasuk kurangnya informasi untuk memulakan usaha, memperoleh rakan kongsi, permodalan, kemahiran memasarkan, pengurusan dan kemampuan kewangan termasuk mengembangkan aset dan pelaburan. Benzina *et al.* (2005) menunjukkan bahawa masalah utama yang dihadapi usahawan di Vietnam adalah tingginya tingkat persaingan dan tenaga kerja yang kurang mahir. Kurang kemahiran ini merupakan faktor utama yang mempengaruhi kemampuan memberikan modal jangka pendek dan jangka panjang.

Kajian Wibawani dan Harpowo (2009), menyatakan halangan keusahawanan bagi pelajar ialah 60 peratus disebabkan masalah permodalan dan bakinya 40 peratus disebabkan pelajar tidak memiliki pengalaman, sehingga mereka tidak memiliki kemahiran dalam menjalankan usaha sebagai usahawan. Oleh itu, faktor tidak memiliki kemahiran ini menjadi penunjuk halangan keusahawanan yang berpengaruh terhadap niat keusahawanan.

7.4.3 Pengaruh Kenyataan Usaha Yang Susah Sebagai Penunjuk Halangan Keusahawanan Terhadap Niat Keusahawanan

Berdasarkan deskripsi data yang terdapat dalam jadual 6.17 (muka surat 156), penunjuk kenyataan usaha yang susah menunjukkan kategori dominan dengan skor nilai sederhana, setuju dan sangat setuju sebanyak 75.66 peratus. Hasil ini memberi penunjuk bahawa kenyataan usaha yang susah merupakan faktor dominan yang mempengaruhi halangan keusahawanan terhadap niat keusahawanan. Berdasarkan hasil kajian ini diperolehi bahawa halangan keusahawanan memiliki pengaruh yang negatif. Ini bererti semakin besar halangan keusahawanan maka niat keusahawanan pelajar untuk memulakan usahanya itu semakin kecil.

Sementara itu, dalam proses pemilihan pekerjaan sangat dipengaruhi oleh perkembangan konsep diri. Peranan orang tua dan para pensyarah kursus keusahawanan dijadikan sebagai model yang penting dan dapat mempengaruhi pelajar untuk memilih pekerjaan yang sesuai (Cascio, 1998). Jika pelajar beranggapan keusahawanan sebagai kenyataan usaha yang susah iaitu keadaan apabila pelajar

memiliki keyakinan bahawa keusahawanan merupakan pekerjaan yang sukar dan memiliki risiko. Ini akan menyebabkan mereka lebih memilih untuk menjadi pekerja apabila mereka yakin setiap bulan mereka memperoleh pendapatan yang tetap. Hal ini sejajar dengan kajian Ifham (2000), yang menyatakan masyarakat lebih cenderung hidup dalam budaya bekerja yang lebih aman dan menghendaki adanya keharmonian sosial. Qomarun (2000), juga menyatakan bahawa pelajar lebih memilih bekerja sesuai dengan latar belakang pendidikannya. Bahkan mereka lebih suka memilih untuk menganggur apabila tidak mendapat gaji yang sesuai. Ini disebabkan menjadi seorang usahawan akan memiliki risiko kehilangan modal dan pengeluaran biaya untuk pengurusan awal ketika memulakan usaha perniagaan. Kemampuan dan ketahanan seseorang dalam menghadapi risiko sangat dipengaruhi oleh sikap dan tingkah laku dirinya (Sutjipto, 2002).

Kebanyakan orang lebih suka menjadi pekerja atau bekerja dengan orang lain. Ini kerana seseorang usahawan boleh menerima risiko kewangan sehubungan dengan usahanya sendiri (Segal *et al.*, 2005). Maka kenyataan usaha yang susah menjadi usahawan ini menjadi penunjuk halangan keusahawanan yang berpengaruh terhadap niat keusahawanan.

7.4.4 Pengaruh Tidak Percaya Diri Sebagai Penunjuk Halangan Keusahawanan Terhadap Niat Keusahawanan

Berdasarkan hasil ujian model juga dibuktikan bahawa tidak percaya diri sendiri merupakan keadaan apabila pelajar merasa tidak memiliki kepercayaan diri sendiri dan keyakinan untuk memulakan usaha baharu dan akan menentukan aspek halangan

keusahawanan sebanyak 76 peratus. Hasil ini menunjukkan bahawa tidak percaya diri merupakan penunjuk penentuan nilai halangan keusahawanan dalam mempengaruhi niat keusahawanan. Hal ini disokong dengan hasil kajian dari Cascio (1998) dan Qomarun (2000). Mereka menyatakan bahawa niat keusahawanan berkembang pada diri seseorang apabila lingkungan sangat menyokong. Ini kerana niat terbentuk daripada lingkungan, terutamanya lingkungan keluarga. Pola didikan orang tua juga akan membentuk peribadi seseorang. Apabila dalam keluarga anak terlalu dimanjakan maka akan membentuk peribadi yang kurang kepercayaan diri. Hal ini akan menghalang munculnya niat keusahawanan. Peranan orang tua dalam pembentukan model kehidupan sangatlah penting dan akan memberi arah kepada pemilihan pekerjaan anak di masa hadapan.

Danuhadimedja (1998), menyatakan bahawa faktor kejayaan akan menjadi motivasi yang lebih kuat terutama apabila ada sokongan daripada ahli keluarga. Faktor sokongan keluarga sangat penting dalam memberi keyakinan kepada seseorang individu untuk mewujudkan niat keusahawanannya. Ini membuatkan seseorang individu tersebut akan menjadi percayakan dirinya untuk bertambah yakin menjadi seorang usahawan. Namun, terdapat banyak faktor psikologi yang membentuk sikap negatif dalam kalangan masyarakat tentang keusahawanan, sehingga pelajar kurang yakin untuk menjadi seorang usahawan. Terdapat juga ahli keluarga tidak menginginkan anak-anak mereka menceburi bidang ini, dan berusaha mengalihkan perhatian anak-anak supaya bekerja di sektor kerajaan. Berdasarkan pandangan inilah yang menjadikan anak-anak tidak yakin, dan hal ini menjadi penunjuk halangan keusahawanan yang berpengaruh terhadap niat keusahawanan.

7.4.5 Pengaruh Biaya Diri Sendiri Sebagai Penunjuk Halangan Keusahawanan Terhadap Niat Keusahawanan

Sementara itu, biaya diri sendiri merupakan biaya yang harus dikorbankan pelajar untuk memulakan usaha baharunya. Dalam ujian model juga biaya diri sendiri merupakan penunjuk yang menentukan aspek halangan keusahawanan iaitu sebanyak 69 peratus. Hasil ini membuktikan bahawa biaya diri sendiri merupakan penunjuk penentuan nilai halangan keusahawanan dalam mempengaruhi niat keusahawanan. Saywell dan Plott (2002), menyatakan dalam kajiannya bahawa halangan keusahawanan ditentukan oleh tingginya biaya untuk memulakan suatu usaha apabila dihubungkan dengan kegagalan usaha yang mungkin dapat terjadi disebabkan oleh tenaga kerja yang terbatas, tingginya cukai dan biaya lainnya termasuk syarat-syarat usaha yang sudah ditentukan bersesuaian dengan peraturan pemerintahan. Keadaan ini juga menjadi semakin sukar kerana kurangnya sokongan yang diperolehi daripada pihak keluarga dan teman-teman. Hal ini juga disebabkan oleh budaya keusahawanan yang masih relatif rendah dalam pendapat masyarakat persekitaran. Umumnya masyarakat persekitaran masih terbiasa dengan keadaan bekerja di pelbagai perusahaan dan organisasi dengan gaji yang tinggi dan merasa memiliki keamanan kerja yang lebih terjamin daripada menjalankan usaha sendiri. Menurut pendapat mereka menjadi seorang usahawan hanya akan lebih mengeluarkan banyak biaya daripada memperoleh gaji tetap. Bahkan menjadi pengeluaran untuk membentuk usaha baharunya yang memerlukan biaya yang cukup tinggi.

7.5 Pengaruh Tidak Langsung Pendidikan Keusahawanan Terhadap Niat Keusahawanan Melalui Halangan Keusahawanan

Untuk menjawab persoalan dan menerangkan pertanyaan kajian keempat, iaitu apakah pendidikan keusahawanan terhadap niat keusahawanan pelajar yang telah mengikuti nilai kredit keusahawanan di pendidikan tinggi berpengaruh secara tidak langsung dengan melalui halangan keusahawanan, hal ini dapat di jelaskan dalam rajah 6.12. Hasil ujian ini telah membuktikan bahawa halangan keusahawanan tidak memberikan kesan yang signifikan dan positif ke atas hubungan di antara pendidikan keusahawanan dan niat keusahawanan. Seterusnya, berdasarkan hasil pengiraan tersebut juga menunjukkan bahawa hipotesis yang menyatakan halangan keusahawanan mempunyai kesan positif dan signifikan terhadap hubungan di antara pendidikan keusahawanan dan niat keusahawanan ditolak, sehingga pertanyaan kajian yang keempat telah terjawab. Pengaruh ini dibuktikan dengan nilai Critical Ratio (CR) atau t pengiraan antara pendidikan keusahawanan dengan halangan keusahawanan sebanyak 2.4 dan antara halangan keusahawanan dengan niat keusahawanan sebanyak -2.851, pada $DF=51$ dengan kebarangkalian iaitu $p=0.000$.

Nilai kebarangkalian ini lebih kecil daripada taraf signifikan yang ditentukan oleh α , iaitu sebanyak 0.05, nilai *standard regression weight* antara pendidikan keusahawanan dengan halangan keusahawanan sebanyak 0.19 dan nilai *regression weight* antara halangan keusahawanan dengan niat keusahawanan sebanyak -0.33. Oleh itu, terdapat kesan langsung daripada halangan keusahawanan terhadap niat keusahawanan sebanyak -33 peratus dan kesan tidak langsungnya sebanyak 11 peratus, ini bererti hubungan tersebut negatif dan berlawanan.

Pengaruh negatif melalui pemboleh ubah pengantara tersebut memberi erti bahawa didapati niat keusahawanan akan menurun dengan adanya peningkatan pendidikan keusahawanan. Maka institusi pendidikan tinggi dalam kes ini merupakan Universiti Sumatera Utara yang seharusnya perlu memperhatikan nilai kredit (mata kuliah) pendidikan keusahawanan yang diberikan kepada pelajar-pelajar. Hasil kajian ini bersesuaian dengan pernyataan yang dibuat oleh Qomarun (2000), Sumarseno (2004), Winarto (2007) dan Winarno (2009), bahawa bahan dan strategi pembelajaran keusahawanan belum cukup efektif dalam mengembangkan nilai-nilai keusahawanan pelajar. Bahan untuk diajar sebagai rujukan utama yang dimiliki pensyarah sangat terbatas dan tidak dapat membentuk sikap keusahawanan. Kaedah yang digunakan masih lebih dominan dengan pembelajaran berbentuk ceramah dengan media dan sangat minimum. Pensyarah juga mengaku terikat oleh sasaran pemenuhan kompetensi dalam sukatan pelajaran yang digunakan sebagai panduan dalam mengajar mata kuliah keusahawanan. Oleh demikian pemahaman masalah keusahawanan yang diberikan pensyarah telah memberikan sumbangan dalam kegagalan pencapaian tujuan kelas keusahawanan iaitu menciptakan usahawan baharu, bahkan terus menghasilkan kadar pengangguran yang terus meningkat. Ini bersesuaian dengan laporan Direktorat Jenderal Pendidikan Tinggi yang menyebutkan ramai graduan pendidikan tinggi belum mampu menjadi usahawan dan cenderung berfikir bagaimana mereka boleh diterima bekerja sesuai dengan gelaran kesarjanaannya dan dengan gaji yang setimpal. Berdasarkan Biro Pusat Statistik (BPS) mencatat bahawa mereka yang mempunyai pendidikan tinggi kurang berminat menjadi usahawan iaitu sebanyak 10 peratus. Namun begitu bagi mereka yang pendidikannya rendah justeru sebanyak 49 peratus yang berniat menjadi seorang usahawan.

Hal yang sama dinyatakan oleh Gibb (2002), yang berdebat untuk sebuah segmentasi yang lebih baik bagi pelajar sesuai dengan keperluannya. Sementara itu, Laukannen (1998) yang menyatakan bahawa terdapat kekurangan daripada tujuan yang jelas dalam sasaran masa belajar seperti sistem yang objektif, keutamaan dan susunan daripada pelajaran. Pelajaran keusahawanan seharusnya dapat membantu pelajar supaya lebih baik dalam mengurus masalah-masalah praktikal ketika mula untuk berusaha. Namun, konsep pengajaran harus juga membuat refleksi mengenai bagaimana bidang-bidang lain dapat membantu proses belajar daripada manusia yang secara umum lebih ingin mengembangkan kemampuan mereka untuk bertindak, berkreaitif dan menikmati ketidakpastian dan kompleksiti hidup sebagai masa terbaik (Gibb, 2002; Spinosa, Flores & Dreyfus, 1997).

7.6. Implikasi

7.6.1. Teoritikal

Implikasi teoritikal hasil daripada kajian ini ialah apabila semakin diberikan pendidikan keusahawanan maka semakin rendah niat keusahawanan pelajar untuk memulakan usaha baharunya. Hasil ini diperolehi berdasarkan hasil pengujian pengaruh pendidikan keusahawanan terhadap niat keusahawanan pada poin 7.2 (muka surat 199). Penunjuk dominannya merupakan pensyarah dan rancangan usaha sebagai penentu nilai pendidikan keusahawanan dalam mempengaruhi niat keusahawanan. Hal ini dapat dibuktikan dengan keadaan yang terjadi di universiti kerana ramainya

graduan universiti yang belum mampu menjadi usahawan dan masih berfikir untuk mendapatkan pekerjaan sesuai dengan gelaran yang diperolehinya daripada universiti (Qomarun, 2000; Sumarseno, 2004).

Teori ini berlaku kerana faktor-faktor berikut di bawah ini:

1. Kemahiran perniagaan yang diperolehi pelajar daripada kursus pendidikan keusahawanan di universiti hanya dipandang sebagai ilmu. Ini kerana apa yang diperolehinya daripada kemahiran perniagaan lebih kepada teori dan disampaikan oleh pensyarah yang kurang pengalaman dalam bidang keusahawanan. Ini menyebabkan para pelajar tidak pernah terfikir yang memperoleh pendidikan keusahawanan dan mengaplikasikannya sebagai sebuah motivasi dan mempunyai niat membuka sebuah usaha baharu. Kriteria untuk menjadi usahawan sangat dipengaruhi oleh perilaku, sikap dan nilai yang diamalkan seseorang. Pendidikan keusahawanan yang diberikan kepada pelajar secara teori sahaja dapat mengurangkan niatnya untuk menjadi seorang usahawan. Apabila halangan-halangan yang terdapat dalam keusahawanan kebiasaannya tidak diajarkan dengan kaedah pengajaran yang tepat. Hasil kajian ini disokong oleh dapatan kajian Shapero dan Sokol (1982); Ajzen (1991); Kristiansen dan Indarti (2003); Sakur (2006); Choo dan Wong (2006). Oleh itu, implikasi untuk pendidikan keusahawanan di institusi pendidikan tinggi memerlukan bahan supaya dapat membentuk sikap dan kelakuan yang boleh menarik minat seseorang untuk menceburi aktiviti usahawan dan bukan hanya pengembangan pengetahuan semata-mata.

2. Pendekatan yang digunakan dalam pendidikan keusahawanan di universiti tidak mengarah kepada pembentukan sikap untuk menjadi usahawan tetapi lebih kepada penambahan wawasan keusahawanan sahaja. Hal ini bersesuaian dengan kajian daripada Gibb (1987); Sexton dan Bowman-Upton (1991); Kasali (2005); Winarno (2007) yang menyatakan bahawa tumpuan belajar pada kursus keusahawanan sangat dipengaruhi oleh keadaan pada masa lalu. Namun, pada pengertian sahaja, kenyataannya bidang keusahawanan sangat bergantung kepada keadaan pada masa sekarang. Pendekatan yang digunakan juga lebih bersifat memberi ceramah oleh pensyarah dengan sedikit latihan yang bersesuaian dengan tujuan dan syarat belajar daripada institusi pendidikan tinggi sahaja. Implikasi program pendidikan keusahawanan harus berdasarkan pada situasi dunia yang nyata. Ini akan memudahkan para pelajar membuat tindakan bersesuaian dengan apa yang telah mereka pelajari. Kursus keusahawanan yang ditawarkan di pendidikan tinggi, dilihat lebih kepada percubaan sahaja. Sementara itu, pensyarah berusaha untuk memenuhi keinginan dan keperluan pelajar bukan sahaja menuruti selera universiti atau juga pensyarah sahaja. Pengetahuan tentang minat, motivasi atau tujuan pelajar, bakat dan keperluan pelajar sangat membantu pensyarah untuk merancang bahan dan strategi pendekatan belajar.
3. Pensyarah yang mengajar pendidikan keusahawanan di universiti umumnya boleh dianggap sebagai wakil universiti sehingga kurang mampu menjelaskan tentang operasional keusahawanan dan lebih menumpukan kepada penekanan teoritikal. Ini mengakibatkan pendidikan keusahawanan menjadi kurang menarik dan tidak mampu mewujudkan niat keusahawanan dalam diri seseorang pelajar. Hal ini juga adalah kerana kurangnya jalinan kerjasama daripada pihak universiti dengan usahawan yang sudah berjaya untuk bersama-sama memberikan bahan-bahan

dalam memenuhi tuntutan pendidikan keusahawanan. Hasil dapatan ini sesuai dengan kajian yang dilakukan oleh Kasali (2005) dan Sakur (2006). Implikasi dari hasil kajian tersebut menyatakan pensyarah seharusnya lebih banyak bertindak sebagai *facilitator*, mengawasi, serta menggalakkan pelajar untuk belajar. Sementara itu dalam proses pembelajaran, harus banyak menekankan kepada proses belajar secara persendirian. Tujuan belajar seperti ini adalah untuk mewujudkan kreativiti berfikir, mewujudkan kepercayaan diri, memberikan keterampilan menyelesaikan permasalahan dan mengambil keputusan, membiasakan menemukan peluang di masa hadapan meskipun adanya ketidakpastian, mewujudkan jiwa inovatif, dan sikap berani menanggung risiko.

4. Rancangan perniagaan yang diberikan kepada pelajar dalam pendidikan keusahawanan di universiti tidak menghasilkan sebuah dokumen rancangan perniagaan atau *business plan*, tetapi terlalu konseptual dan teoritikal. Hal ini disesuaikan dengan tujuan utama daripada pendidikan keusahawanan iaitu untuk meningkatkan pengetahuan umum pelajar tentang keusahawanan yang didominasi pelajaran topik tentang sejarah dari teori keusahawanan. Kajian dari Fayolle dan Heinz (2006); Pretorius (2001); Gibb (2002) dan Laukkanen (1998) turut menyokong hasil dari kajian ini. Rancangan perniagaan (*bussiness planning*) yang diharapkan sebagai implikasi seharusnya merupakan persiapan pelajar untuk memulakan usaha barunya, mampu sebagai pembentangan untuk mendapatkan tambahan modal, mempertahankan rancangan perniagaan pada pihak yang berkepentingan sehinggalah kepada aspek pelaksanaan rancangan perniagaan menjadi sebuah usaha baru.
5. Gambaran kontekstual daripada pendidikan keusahawanan yang diperolehi pelajar di universiti lebih kepada teori dan diberikan oleh pensyarah yang tidak

berpengalaman dalam bidang keusahawanan dengan kaedah pengajaran yang kurang kreatif. Keadaan ini akan membosankan pelajar semasa mengikuti mata kuliah pendidikan keusahawanan yang akhirnya dapat mengurangkan niat keusahawanan daripada diri pelajar setelah memperolehi pendidikan keusahawanan. Niat keusahawanan dibentuk oleh tiga ciri sifat iaitu kehendak untuk pencapaian, lokus kawalan dan kamanjuran sendiri (motivasi). Kajian ini sesuai dengan kajian dari Kristiansen dan Indarti (2003); Yuwono dan Partini (2008); Fayolle (2009). Gambaran kontekstual memberikan implikasi daripada pendidikan keusahawanan dan harus dilihat dalam kepelbagaian konteks dan sudut pandang. Ini kerana proses pembentukan niat keusahawanan melalui beberapa tahap. Tahap-tahap tersebut itu meliputi kehendak pencapaian, lokus kawalan dan motivasi serta tidak cukup dengan teori yang meliputi teori keusahawanan sahaja.

Dapatan teoritikal berikutnya ialah apabila diberikan pendidikan keusahawanan kepada pelajar di universiti, maka halangan keusahawanannya semakin tinggi. Penunjuk dominan daripada aspek pendidikan keusahawanan merupakan pensyarah dan rancangan perniagaan. Kedua-dua faktor ini iaitu pensyarah dan rancangan perniagaan merupakan faktor dominan dalam menentukan nilai pendidikan keusahawanan supaya dapat mempengaruhi halangan keusahawanan. Hal ini dapat terjadi kerana pensyarah yang berhadapan langsung dengan pelajar dalam menyampaikan kuliah kursus keusahawanan yang umumnya merupakan timbalan universiti. Ketrampilan dan cara pensyarah menyampaikan kursus itu akan mempengaruhi pelajar sama ada menerima kursus itu, dan apakah akan mengurangkan halangan keusahawanan mereka atau menambahkan halangan

keusahawanan itu. Demikian pula dengan rancangan perniagaan yang merupakan dokumen daripada pelaksanaan usaha pelajar yang akan diusahakan selepas selesai perkuliahan atau secepat mereka mahu melaksanakannya. Rancangan perniagaan ini tentunya akan berpengaruh terhadap niat keusahawanan pelajar. Ini kerana dalam rancangan perniagaan ini apabila disampaikan secara aplikasi dengan baik oleh pensyarah maka hasilnya adalah sebuah dokumen yang akan menjadi panduan pelajar dalam melaksanakan usaha barunya. Bahkan daripada huraian dalam dokumen rancangan usaha, pelajar dapat mengetahui jumlah modal yang mereka perlukan dan berapakah keuntungan yang harusnya mereka perolehi daripada usaha yang akan dilaksanakan tersebut. Hal ini sesuai dengan kajian Pretorius (2001); Sakur (2006).

Namun begitu, hasil yang diperolehi daripada kajian ini menyatakan bahawa pendidikan keusahawanan berpengaruh positif terhadap halangan keusahawanan. Ini bererti semakin pendidikan keusahawanan diberikan, maka halangan keusahawanan juga akan semakin tinggi. Hal ini terjadi kerana faktor-faktor berikut :

1. Kemahiran perniagaan (*bussiness skill*) yang diberikan tidak berdasarkan kehendak pasaran di dunia global. Kurikulum yang tidak menarik dan masih kurangnya pusat-pusat latihan keusahawanan sama ada secara formal mahupun informal sebagai tempat melatih kemahiran usaha pelajar. Pendidikan keusahawanan yang diberikan masih menggunakan prinsip belajar untuk tahu (lebih tertumpu pada teori), bukan secara praktikal. Material halangan keusahawanan pada kursus keusahawanan lebih tertumpu kepada halangan untuk memulakan usaha, bukan bagaimana mengatasi halangan tersebut sehingga halangan itu boleh mewujudkan peluang usaha. Strategi serta bahan kursus

keusahawanan yang diberikan tidak cukup mencapai sasaran. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan hasil kajian daripada Sexton dan Bowman-Upton (1991); Sakur (2006); Winarto (2007); Winarno (2009). Implikasi teoritikal yang diharapkan ialah dapat menjadikan kurikulum kursus keusahawanan yang lebih bersifat praktikal dan memberikan kesempatan bagi pelajar untuk melatih diri mereka untuk menunjukkan kemahiran menjadi seorang usahawan.

2. Pendekatan yang digunakan di Universiti Sumatera Utara, lokasi kajian dilaksanakan mendapati bahawa kursus ini merupakan kursus wajib di salah satu semester dengan jumlah dua (2) SKS sehingga kuliah hanya dalam bentuk bersemuka tanpa ada praktiknya. Kaedah pembelajaran lebih banyak melibatkan pensyarah yang aktif mengajar teori-teori keusahawanan. Media pengajaran yang digunakan juga sangat minimum dengan bahan-bahan pengajaran sebagai rujukan utama adalah sangat terbatas. Sementara keusahawanan meliputi proses inovator, sesuai dengan model proses keusahawanan daripada Carol Moore. Hasil kajian ini disokong oleh kajian daripada Pearce & Robinson (1986); Gibb (1987); Kasali, 2005; Winarto (2007); Winarno (2009). Menurut mereka dalam implikasi daripada proses pendidikan kursus keusahawanan cara yang digunakan harus memiliki karakteristik untuk melayani keinginan dan keperluan pelajar, bukan transformasi pengetahuan mengikut selera universiti dan juga pensyarah. Jika bahan dan pendekatan yang digunakan bersesuaian dengan harapan pelajar, maka akan boleh menimbulkan minat yang mendalam dan akan meningkatkan niat keusahawanan pelajar. Oleh itu, harus ada cara dan pendekatan yang dapat membuatkan pelajar selesai dengan kursus keusahawanan.
3. Pensyarah daripada perkuliahan keusahawanan di universiti merupakan golongan pensyarah yang menguasai aspek keilmuan tetapi kurang menguasai bidang

keusahawanan. Kelemahan asas merupakan kurangnya niat usahawan yang berjaya untuk mahu bersama-sama mengajar tentang ilmu keusahawanan. Hal ini disebabkan oleh kesibukan mereka mengurus perniagaan. Kajian daripada Qomarun (2000); Kasali (2005); Sakur (2006) dan Winarto (2007), turut menyokong hasil dapatan ini. Sebagai implikasinya maka pensyarah dalam proses pembelajaran, harus banyak menekankan kepada proses belajar secara persendirian atau pun membahagikan para pelajar kepada beberapa kumpulan untuk membuat sebuah projek. Tujuannya untuk menimbulkan kreativiti berfikir, dan berani menanggung risiko.

4. Rancangan perniagaan yang diberikan semasa perkuliahan keusahawanan di universiti masih banyak dalam bentuk konsep yang sukar dilaksanakan oleh pelajar untuk memulakan usaha baharunya. Hal ini disokong oleh kajian daripada Vesper (1982), Fillion (1991), Harrison dan Leitch (1994), Pretorius (2001), Fayolle dan Klandt, (2006). Supaya rancangan perniagaan sebagai petunjuk pendidikan keusahawanan tidak menjadi penghalang bagi pelajar untuk menjadi seorang usahawan, maka seharusnya bahan rancangan perniagaan ini boleh digunakan oleh pelajar untuk memulakan usaha mereka. Dalam kursus keusahawanan dibuat pecahan kumpulan pelajar untuk merancang perniagaan yang benar agar dapat digunakan untuk memperolehi modal tambahan dan dapat mewujudkan usahanya.
5. Gambaran kontekstual yang diperolehi pelajar mengenai keusahawanan di universiti lebih menyempitkan ruang gerak dan kreativiti pelajar. Ini kerana proses pengajaran masih kepada penekanan teoritis sahaja. Gambaran kontekstual yang diberikan kurang mampu mendidik pelajar untuk menjadi lebih kreatif, khususnya dalam kehidupan seharian dan keusahawanan. Hal ini disokong oleh hasil kajian

daripada Ifham (2000) dan Soemanto (2002). Implikasi yang diharapkan adalah gambaran kontekstual yang diberikan pada pelajar pada kursus keusahawanan seharusnya dapat memberi kesempatan untuk mereka memperluaskan kreativiti dan membentuk karektor sebagai seorang usahawan.

Teori yang menyatakan semakin tinggi halangan keusahawanan maka semakin menurun niat keusahawanan merupakan hasil daripada teori berikutnya dalam kajian ini. Keyakinan yang susah merupakan penunjuk dominan yang menentukan nilai halangan keusahawanan dalam mempengaruhi niat keusahawanan. Keyakinan yang susah ialah keadaan apabila pelajar percaya bahawa keusahawanan merupakan pekerjaan yang sukar dan memiliki risiko. Halangan keusahawanan yang menjadi permasalahan bagi pelajar umumnya berhubungan dengan ketakutan menghadapi kegagalan usaha yang disebabkan oleh terbatasnya tenaga kerja yang mampu membantu mereka ketika memulakan dan menjalankan usaha baharunya, tingginya cukai, peraturan kerajaan, dan rendahnya budaya keusahawanan membuatkan niat pelajar menjadi seorang usahawan menurun. Di samping itu, keluarga dan lingkungan masyarakat yang kurang menyokong mereka untuk memulakan usahanya, dalam pandangan masyarakat menjadi pekerja memiliki nilai yang lebih baik (Cascio, 198; Qomaron, 2000; Robertson *et al.*, 2003).

Teori yang menyatakan bahawa halangan keusahawanan akan mengurangkan niat keusahawanan berlaku kerana faktor-faktor di bawah ini :

1. Tidak ada modal bagi pelajar untuk memulakan usaha baharunya timbul kerana timbulnya rasa takut berhutang, takut gagal dan kesukaran memperoleh

pembiayaan usahanya, baik daripada keluarga mahupun pihak lain. Ini ditambah lagi dalam memulakan usaha yang baharu, rata-rata pelajar masih mengalami kesukaran dalam menghadapi peraturan dan masalah cukai yang dikenakan oleh pemerintah. Keadaan ini dibuktikan lagi daripada hasil kajian yang dilakukan oleh Sutjipto (2002), Robertson et al. (2003) dan juga Choo dan Wong (2006). Bagi universiti yang merupakan lokasi kajian dilakukan, iaitu Universiti Sumatera Utara dan beberapa universiti di Indonesia, masalah tidak ada modal telah dibantu dengan projek bantuan kepada pelajar yang ingin memulakan usaha barunya (Direktorat Kelembagaan Dikti, 2009). Walaupun usaha daripada pelajar-pelajar masih ada yang tidak mendapatkan berjaya, hanya sebahagian kecil sahaja yang dapat terus beroperasi. Implikasi yang diharapkan dijalankan oleh pendidikan tinggi untuk mengatasinya adalah tidak hanya sekadar memberikan modal tetapi juga ada pemantauan berterusan tentang penggunaan bantuan modal yang perlu diberikan. Begitu juga adanya pemantauan yang berterusan dalam proses usaha, sehingga modal yang diberikan berpotensi untuk dikembangkan. Hal ini berhubungan dengan bahan rancangan usaha dalam kursus keusahawanan.

2. Tidak ada kemahiran adalah disebabkan oleh pelajar tidak memiliki pengalaman dalam bidang keusahawanan. Ini menyebabkan mereka tidak memiliki kemahiran untuk menjalankan usaha baharunya. Di samping itu, tidak ada kemahiran pelajar juga melibatkan kesukaran untuk memperolehi informasi tentang perniagaan, memperolehi rakan kongsi, kesukaran mendapatkan modal, kurang mahir dalam pemasaran, pengurusan dan termasuklah mengelola aspek kewangan. Kajian ini sejajar dengan penemuan dari Volery et al. (1997), Robertson et al. (2003), juga Wibawani dan Harpowo (2009). Implikasi yang diharapkan adalah dapat memberikan latihan yang lebih banyak dalam kursus keusahawanan yang

ditawarkan. Melalui latihan ini akan meningkatkan kemahiran pada pelajar dalam menguruskan aktiviti keusahawanan, serta menggalakkan niat keusahawanan pelajar supaya menjadi lebih meningkat.

3. Kenyataan yang susah ialah keadaan apabila pelajar percaya bahawa keusahawanan merupakan pekerjaan yang sukar dan memiliki risiko. Ini menyebabkan mereka lebih memilih untuk menjadi pekerja dan mereka yakin setiap bulan akan memperolehi pendapatan yang tetap. Kajian oleh Ifham (2000) dan Qomarun (2000) menyokong dapatan ini. Implikasi yang telah dioperasikan di beberapa institusi pendidikan tinggi di Indonesia dengan adanya model program pelajar keusahawanan, menyokong peningkatan niat pelajar untuk menjadi usahawan. Pemerintah telah memberi kemudahan dan memberi kesempatan pelajar untuk memulai usaha baru dan memperolehi pendapatan daripada usaha itu.
4. Tidak percaya diri sendiri ialah keadaan apabila pelajar merasakan tidak memiliki kepercayaan dalam diri sendiri dan keyakinan untuk memulakan usaha baharu. Ini kerana persekitarannya yang tidak menyokong terutamanya daripada ahli keluarga. Hal ini bersesuaian dengan sokongan kajian dari Cascio (1998) dan Qomarun (2000). Implikasinya diharapkan pihak universiti dapat bekerjasama dengan para usahawan yang telah berjaya untuk berkongsi ilmu dan pengalaman dalam kursus keusahawanan di universiti. Mereka diharapkan dapat memberikan pengakuan akan kejayaan mereka dalam mengoperasikan usahanya dan berjaya dalam kerjaya sebagai usahawan. Untuk menjadikan kursus keusahawanan lebih menarik pelajar juga boleh didedahkan dengan suasana syarikat atau organisasi perusahaan yang sudah stabil.

5. Biaya diri sendiri merupakan masalah dalam pengurusan izin-izin dan biaya yang tinggi untuk memulakan usaha baru serta mendapatkan sumber daya manusia sebagai pekerja. Untuk memulakan usaha baru memerlukan biaya yang cukup tinggi dengan adanya kemungkinan kegagalan usaha dan kehilangan modal. Keadaan ini juga menjadi semakin sukar kerana kurangnya sokongan daripada ahli keluarga dan teman-teman. Apatah lagi budaya keusahawanan yang masih relatifnya rendah. Kajian ini selari dengan penemuan daripada Saywell dan Plott (2002). Implikasi yang terdapat dalam kursus keusahawanan lebih tertumpu pada proses pembentukan niat keusahawanan iaitu memberi motivasi, keyakinan selain kemahiran dan kecekapan untuk menguruskan aktiviti keusahawanannya. Melalui tumpuan pada proses ini maka niat keusahawanan pelajar akan meningkat menjadi seorang usahawan, sehingga mereka tidak memikirkan biaya yang harus dikeluarkan dan mampu menyakinkan teman dan keluarganya juga.

Hasil teori yang terakhir menunjukkan iaitu didapati niat keusahawanan yang menurun dengan adanya peningkatan pendidikan keusahawanan, melalui halangan keusahawanan yang meningkat. Perkara ini terjadi kerana bahan dan strategi pembelajaran keusahawanan belum cukup efektif dalam mengembangkan niat keusahawanan. Bahan-bahan pengajaran merupakan rujukan utama yang dimiliki pensyarah sangat terbatas. Justeru, keadaan ini menyebabkan pensyarah tidak mampu menyelesaikan halangan keusahawanan pelajar dan tidak dapat membentuk sikap keusahawanan. Pensyarah dalam menyampaikan pendidikan keusahawanan terikat oleh syarat pemenuhan kompetensi dalam silibus yang digunakan sebagai panduan dalam pendidikan keusahawanan. Oleh yang demikian pemahaman mengenai masalah keusahawanan yang disampaikan oleh pensyarah menjadi faktor dalam kegagalan

pencapaian tujuan kelas keusahawanan iaitu mewujudkan usahawan baharu, bahkan menghasilkan kadar pengangguran yang terus meningkat. Kajian ini disokong oleh dapatan kajian daripada Laukannen (1998), Gibb (2002), Qumaron (2000), Sumarseno (2004), Winarno (2007) dan Winarno (2009).

Hasil kajian ini juga turut menyokong teori yang digunakan dalam kajian ini iaitu teori *planned behaviour* di bidang keusahawanan. Teori dalam kajian ini menghubungkan pendidikan keusahawanan, halangan keusahawanan dan niat keusahawanan. Dalam teori *planned behaviour* dinyatakan bahawa program pendidikan memberikan kesan kepada penentuan niat keusahawanan (Krueger & Carstud, 1993). Lebih lanjut lagi dinyatakan bahawa perilaku keusahawanan dipengaruhi oleh proses daripada alat pengurusan dan penekanan pada situasi keusahawanan. Ini seterusnya dikatakan “mengajarkan manusia tentang realiti daripada keusahawanan akan meningkatkan keyakinan mereka tentang keusahawanan (persepsi kelayakan), tetapi secara bersamaan menurunkan persepsi selera mereka untuk memulakan suatu usaha”. Bersesuaian dengan hasil kajian ini menunjukkan bahawa pendidikan keusahawanan berpengaruh negatif atau berlawanan terhadap niat keusahawanan. Hal ini berdasarkan hasil kajian yang dominan yang berpengaruh sebagai penunjuk pendidikan keusahawanan merupakan pensyarah dan rancangan usaha. Secara model penuh menunjukkan bahawa halangan keusahawanan tidak memberikan pengaruh yang signifikan dan positif terhadap hubungan di antara pendidikan keusahawanan dan niat keusahawanan. Berdasarkan hasil kajian ini diperolehi bahawa pendidikan keusahawanan memberikan pengaruh yang positif terhadap halangan keusahawanan, sehingga semakin tinggi nilai pendidikan keusahawanan maka halangan keusahawanan akan menjadi semakin besar. Sementara


itu, hubungan halangan keusahawanan dan niat keusahawanan secara bandingannya terbalik. Ini berertinya semakin tinggi nilai halangan keusahawanan maka semakin kecil niat keusahawanan daripada pelajar di pendidikan tinggi.

Implikasi daripada kajian ini terhadap teori pendidikan keusahawanan, yang berhubungan dengan halangan keusahawanan dan niat keusahawanan dibentuk berdasarkan teori penyokong, kajian-kajian terdahulu dan huraian yang diberikan di atas. Terdapat beberapa langkah penting yang perlu diambil kira khususnya untuk pendidikan keusahawanan di pendidikan tinggi seperti berikut :

Model pendidikan keusahawanan yang akan dilaksanakan dalam kursus keusahawanan di pendidikan tinggi seharusnya memperhatikan aspek pendidikan keusahawanan seperti kemahiran usaha, pendekatan yang digunakan, pensyarah, rancangan usaha dan gambaran kontekstual. Pendidikan keusahawanan melalui kelima-lima aspek ini lebih tertumpu pada tujuan untuk membentuk sikap dan watak keusahawanan dalam diri pelajar-pelajar di pendidikan tinggi. Pembentukan sikap keusahawanan diberikan kepada pelajar melalui kursus keusahawanan, dengan teori dan lebih banyak latihan sehingga membentuk motivasi, keyakinan serta kemahiran dan kecekapan pelajar-pelajar pendidikan tinggi untuk menjadi seorang usahawan. Oleh itu, di akhir kursus keusahawanan akan terbentuk niat keusahawanan pelajar baik daripada persepsi selera dan persepsi kelayakan serta pelajar akan merasa tertarik dan mampu menjadi seorang usahawan. Model ini ditunjukkan dalam bentuk diagram di Rajah 7.1

Rajah 7.1

Model Pendidikan Keusahawanan di Pendidikan Tinggi



7.6.2. Praktikal

Berdasarkan penelitian, dengan menggunakan pendidikan keusahawanan dan halangan keusahawanan untuk menentukan niat keusahawanan, perlu diperhatikan juga petunjuk pendidikan keusahawanan iaitu kemahiran perniagaan, pendekatan

yang digunakan, pensyarah, rancangan perniagaan dan gambaran kontekstual. Pensyarah dan rancangan perniagaan seharusnya menjadi sumber atau faktor yang dominan. Kedua-dua faktor ini merupakan petunjuk nilai pendidikan keusahawanan serta merupakan faktor yang dominan. Sementara dalam halangan keusahawanan faktor yang seharusnya menjadi perhatian dalam aplikasi meningkatkan niat keusahawanan adalah tidak ada modal, tidak ada kemahiran, kenyataan yang susah, tidak percaya diri sendiri dan biaya diri sendiri sebagai petunjuk yang menentukan nilai halangan keusahawanan yang mempengaruhi niat keusahawanan. Faktor yang seharusnya menjadi perhatian dalam aplikasi untuk meningkatkan niat keusahawanan adalah keyakinan yang susah sebagai petunjuk dominan yang dapat menentukan nilai halangan keusahawanan.

Secara keseluruhan, hasil kajian menunjukkan bahawa pensyarah memainkan peranan penting dalam menentukan petunjuk pendidikan keusahawanan baik hubungannya dengan niat keusahawanan mahupun halangan keusahawanan. Oleh itu pensyarah yang mengajar kursus keusahawanan perlulah meningkatkan kemampuannya baik dari segi penggunaan bahan yang dapat membentuk sikap keusahawanan, mahupun kaedah yang digunakan, dan bersesuaian dengan kajian yang telah dilakukan sebelumnya (Winarto, 2009). Demikian pula diharapkan pihak universiti dapat bekerjasama dengan usahawan-usahawan yang sudah berjaya dalam proses pembelajaran keusahawanan. Usaha sama ini boleh dilakukan baik dalam pemberian bahan pembelajaran, atau pelajar dibawa ke tempat operasi mereka untuk melihat secara langsung perniagaan yang dijalankan. Di samping itu, boleh juga dilakukan program praktikal bagi pelajar untuk melihat proses kerja di tempat perusahaan

tersebut, dengan penyeliaan langsung dari para usahawan yang telah berjaya ataupun daripada para pekerjaanya.

Kaedah dan pendekatan pengajaran keusahawanan yang dilaksanakan di universiti haruslah berkaitan dengan strategi bahan pembelajaran, strategi pembentukan hubungan kerjasama dan strategi pengambilalihan perusahaan. Pembelajaran yang menggunakan kaedah belajar serta melaksanakannya (*learning by doing*), akan lebih merasakan situasi kehidupan nyata dari usahawan, kajian kes dan mengundang penceramah daripada usahawan yang berjaya. Keadaan ini sesuai dengan pernyataan daripada Develay (1992). Seperti juga dalam penyediaan rancangan usaha (*bussiness plan*) yang lebih tertumpu kepada realiti dengan menanyakan kepada pelajar sama ada mereka mahu mengembangkan rancangan usaha berdasarkan idea perniagaan mereka atau projek yang akan mereka laksanakan. Kaedah ini akan memberikan dampak yang berbeza kepada sikap dan niat mereka terhadap keusahawanan.

Proses pendidikan keusahawanan di pendidikan tinggi sebaiknya difokuskan kepada tujuan pembelajaran universiti, fakulti dan keilmuan daripada pelajar, isi, tempoh masa, intensiti, frekuensi, kaedah dan pendekatan pengajaran, jumlah dan profil pensyarah. Aspek-aspek ini akan memberikan kesan kepada sikap dan niat keusahawanan pelajar.

7.6.3 Limitasi dan Cadangan Kajian Lanjutan

A. Limitasi Kajian

Terdapat beberapa institusi pendidikan tinggi di Medan seperti Universiti Sumatera Utara yang menawarkan program pengembangan keusahawanan dan nilai kredit untuk kursus keusahawanan. Oleh itu, kajian ini dibatasi hanya kepada kursus keusahawanan yang ditawarkan Universiti Sumatera Utara.

Kursus keusahawanan yang ditawarkan oleh pihak universiti, umumnya disasarkan kepada peserta dewasa yang mengambil kursus ini untuk melanjutkan pendidikannya. Seperti kursus lainnya, kursus keusahawanan memiliki nilai kredit sebagai sebahagian daripada syarat program sarjana untuk pelajar regular. Hasil kajian hanya merefleksikan hubungan pendidikan keusahawanan dengan niat keusahawanan pelajar melalui faktor yang menghalangi mereka dalam memulakan usaha barunya.

B. Cadangan Kajian Lanjutan

Cadangan kajian berikut mungkin berguna untuk mengkaji beberapa soalan mengenai pendidikan keusahawanan dan niat keusahawanan:

1. Satu kajian yang menggunakan set pemboleh ubah yang sama tetapi berdasarkan kepada populasi yang lebih besar perlu dijalankan. Kajian ini terbatas kepada kumpulan sasaran di Medan, Universiti Sumatera Utara sahaja. Walaupun semua pelajar adalah bersifat *homogeneous*, tetapi terdapat perbezaan di persekitaran sekolah, seperti pemilikan universiti, bentuk sekolah, latar belakang pelajar yang

dominan belajar di universiti tersebut, dan kesediaan pensyarah akan mempengaruhi niat keusahawanan. Justeru itu, bagi mengukuhkan teori *planned behaviour* dalam bidang keusahawanan ini, yang menghubungkan pendidikan keusahawanan terhadap niat keusahawanan maka dicadangkan supaya satu kajian dapat dilaksanakan di seluruh negeri di Indonesia.

2. Pengkaji juga mencadangkan agar kajian ini lebih banyak dengan menggunakan pemboleh ubah bebas yang sama tetapi tetap menggunakan penilaian niat keusahawanan lain sebagai pemboleh ubah bersandar.
3. Selain itu, satu kajian ke atas populasi yang sama tetapi menggunakan pemboleh ubah pengantara atau yang lebih sederhana berbeza juga boleh dilaksanakan seperti motivasi keusahawanan.
4. Kajian akan lebih menarik sekiranya dapat dijalankan secara perbandingan ke atas niat keusahawanan antara pelajar yang mengambil kursus keusahawanan dengan yang tidak mendapatkannya.
5. Kajian selanjutnya juga boleh dijalankan untuk menjelaskan hubungan antara pendidikan keusahawanan dengan pemboleh ubah lain seperti sikap dan perilaku keusahawanan pelajar di universiti.
6. Akhir sekali, kajian yang melibatkan pendidikan keusahawanan dan niat keusahawanan pelajar perlu diperbanyakkan. Ini kerana pelajar di Indonesia masih ramai yang kurang berniat untuk menceburi bidang keusahawanan dan pada masa yang sama jumlah usahawan atau *entrepreneur* masih berkurangan.

BAB VIII

KESIMPULAN

8.1 Pengenalan

Keusahawanan dapat digambarkan sebagai fenomena ekonomi. Ini kerana melalui keusahawanan, perniagaan suatu bangsa akan menjadi lebih inovatif sehingga dapat memperbaiki produktiviti dan bersaing dengan lebih efektif dalam dunia globalisasi (Stevenson & Gumpert, 1985; Katz (2003); Kuratko (2005); Fayolle (2007). Hal ini mendorong kepada semakin banyak jumlah universiti di seluruh dunia giat menawarkan kursus dan mata pelajaran keusahawanan. Walaupun terdapat perbezaan pendapat yang menyatakan bahawa keusahawanan boleh diajarkan, namun terdapat juga beberapa pihak yang beranggapan bahawa tidak mungkin untuk mengajarkan keusahawanan. Pada pendapat mereka, keusahawanan merupakan masalah personaliti dan karakteristik psikologi, sehingga bakat dan sifat sebegini tidak dapat diajarkan (Caravan & O’Cinneide, 1994; Jonsson & Jonsson, 2002; Thompson, 2004).

Meskipun telah dinyatakan bahawa keusahawan merupakan keinginan yang timbul dengan sendirinya dan tidak dapat dibentuk. Namun, terdapat banyak kajian yang telah mengkaji tentang pentingnya pendidikan keusahawanan untuk mengembangkan niat pelajar supaya dapat menjadi seorang usahawan. Kebanyakan pelajar mempunyai keinginan kuat untuk mempelajari ilmu keusahawanan. Ini kerana mereka ingin memulakan perusahaan milik mereka sendiri, dan mereka juga tertarik untuk

menambah dan mengembangkan pengetahuan umum tentang keusahawanan (Jack & Anderson, 1999; Katz, 2007).

Berdasarkan kenyataan ini, dapat disimpulkan bahawa keusahawanan dan perilaku keusahawanan dapat dipelajari, atau harus di ajarkan. Walau bagaimanapun pendidikan keusahawanan diharuskan melalui refleksi daripada hubungan antara aktiviti dan teori, serta di antara belajar dan praktikal/latihan. Sektor awam, termasuk institusi pendidikan dan pihak universiti harus merefleksikan bagaimana keusahawanan dapat memberi sumbangan untuk menstimulasikan pola pemikiran keusahawanan dalam kalangan pelajar (Jack & Anderson, 1999; Katz, 2003).

Model pendidikan keusahawanan yang digunakan tidak seharusnya tertumpu kepada isi bahan kuliah semata-mata. Namun juga harus lebih menumpukan kepada konteks program yang diberikan oleh pensyarah dan pendekatan yang digunakan (Pretorius, 2000). Konsep yang telah diuraikan secara terperinci adalah untuk membolehkan sekumpulan bahan yang menyokong pendidikan keusahawanan supaya dapat membantu dalam peningkatan serta pertumbuhan usaha baru itu (Pretorius, 2001). Konsep keusahawanan pada awalnya wujud di Indonesia sebagai sokongan kepada bidang perekonomian. Seterusnya pemerintah telah melaksanakan program pengembangan jiwa keusahawanan melalui pendidikan keusahawanan di institusi pendidikan tinggi. Pelbagai program keusahawanan telah diterapkan di beberapa institusi pendidikan tinggi di Indonesia untuk membantu terciptanya usahawan muda (Hadisoegondo, 2006; Direktorat Kelembagaan Pendidikan Tinggi, 2009). Namun begitu, berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Depnakertrans (2009) menunjukkan terdapat masalah pengangguran dan ini menjadi masalah yang sangat serius. Data

pengangguran bagi golongan berpendidikan di Indonesia menggambarkan bahwa semakin tinggi pendidikan seseorang, semakin rendah semangat keusahawanannya. Oleh itu, ini menimbulkan halangan bagi pelajar untuk menjadi seorang usahawan, walaupun selama belajar di universiti mereka telah diberikan pendidikan tentang keusahawanan (Qomarun, 2000; Silalahi, 2005; Jawa Pos, 2009).

Faktor-faktor yang mempengaruhi halangan keusahawanan sangat berhubungan langsung kepada jurang kemahiran atau sumber daya. Model halangan keusahawanan yang telah digunakan dalam kajian-kajian utamanya meliputi tidak ada modal, tidak ada kemahiran, kenyataan yang susah, tidak percaya diri dan biaya diri sendiri. Halangan inilah yang menjadi penghalang kepada timbulnya niat seseorang untuk menjadi seorang usahawan (Volery *et al.*, 1997; Robertson *et al.*, 2003; Choo & Wong, 2006). Halangan keusahawanan yang nyata mampu dipersepsikan dan akan menyebabkan seseorang calon usahawan gagal memulakan usaha barunya. Oleh itu, adalah tepat jika seseorang individu menganggap halangan itu berbeza-beza intensitinya sesuai dengan niat keusahawanan yang dimilikinya. Model niat yang mempengaruhi seseorang boleh dilihat sebagai satu persediaan rangka kerja yang sangat berguna untuk menganalisis proses keusahawanan (Kolvereid, 1996; Krueger *et al.*, 2000; Fayolle, 2003; Choo & Wong, 2006). Hal ini bersesuaian dengan kajian yang dilakukan oleh Shapero dan Sokol (1982) yang menyatakan bahawa niat keusahawanan hanya tertumpu kepada karakteristik dan kesukaannya. Dalam kajian mereka, dinyatakan juga bahawa niat seseorang untuk memulakan sebuah usaha baru sangat dipengaruhi oleh dua faktor iaitu persepsi kelayakan dan persepsi selera.

Pendidikan keusahawanan telah hadir sejak sekian lama. Bidang ini telah menjadi perhatian yang menarik bagi para penyelidik, tetapi tiada perjanjian yang kukuh tentang apa sebenarnya pendidikan keusahawanan dan bagaimana untuk mengajarkannya. Ini mendorong pelbagai dewan penyelidik, pengamal dan pensyarah melihat keusahawanan dan pendidikan keusahawanan daripada sudut yang berbeza-beza (Katz, 2003; Bouchikhi, 2003; Fayolle & Senicourt, 2005). Pendidikan keusahawanan sangat mempengaruhi tingkah laku dan niat seseorang pada masa sekarang dan masa hadapan, Ini seterusnya mendorong sehingga terdapat perbezaan signifikan antara pelajar yang mengambil kursus keusahawanan dan yang tidak mengambilnya. Perlu juga diperhatikan bahawa adanya halangan keusahawanan yang membuat pelajar menjadi berbeza-beza pengaruhnya sesuai dengan niat keusahawanan yang dimilikinya (Kolvereid & Moen, 1997; Tkachev & Kolvereid, 1999; Fayolle, 2002; Degeorge & Fayolle, 2005).

